



**PENYATA RASMI**  
**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**  
*Second Session*

**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 955]**

**USUL<sup>2</sup>:**

**Jawatan-kuasa Pilihan Khas Parlimen—melantek (Special Select Committee)**  
**[Ruangan 1012]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1972 [Ruangan 1015]**

**Jawatan-kuasa—**

**Kepala P.7 [Ruangan 1037]**  
**Kepala P.14 [Ruangan 1038]**  
**Kepala P.40 [Ruangan 1038]**  
**Kepala P.56 [Ruangan 1039]**  
**Kepala P.57 [Ruangan 1039]**  
**Kepala P.61 [Ruangan 1040]**  
**Kepala P. 63 [Ruangan 1040]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>:**

**Rang Undang<sup>2</sup> Akauntan (Pindaan) [Ruangan 1041]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan (1971 dan 1972) [Ruangan 1043]**



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Juma'at, 19hb Mei, 1972

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH  
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam  
Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.  
(Sungei Siput).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG,  
P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU  
SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.  
(Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.  
(Johor Bahru Timor).

„ Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD  
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG  
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD  
(Samarahan).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD  
(Pontian Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN  
IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON,  
K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN  
AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

- Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sungut).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

#### YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).

„ Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshauarat*)

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### INSTITIUT TADBIR PEMBANGUNAN NEGARA

1. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan dengan tertuboh-nya sa-buah Institiut Pentadbiran dan Kemajuan Negara, berapa bilangan pegawai<sup>2</sup> yang layak memasoki-nya, dan

- (a) apa-kah kursus<sup>2</sup> pengajian yang di-tentukan;
- (b) ada-kah termasuk kursus<sup>2</sup> yang akan mendampingi pegawai<sup>2</sup> dengan ra'ayat; dan
- (c) sama ada Institiut ini terbuka kepada pegawai<sup>2</sup> dari negara tetangga.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya Institiut yang mungkin di-beri nama Institiut Tadbir Pembangunan Negara belum-lah di-ishtiharkan pembukaan-nya sa-chara rasmi, walau pun beberapa kursus telah dan sedang di-jalankan di-tempat itu, yang sekarang di-kenal sa-bagai Dewan Latehan Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan di-Petaling Jaya. Semua pegawai<sup>2</sup> Kerajaan ada-lah layak memasoki Institiut Tadbir Pembangunan Negara:

- (a) Kursus<sup>2</sup> yang di-beri oleh Institiut itu ada-lah saperti berikut:
  - (i) Kursus Kemajuan Pentadbiran
  - (ii) Kursus Analisa Pengurusan
  - (iii) Kursus Pentadbiran Kakitangan
  - (iv) Kursus Pentadbiran Tanah
  - (v) Kursus Pentadbiran Kewangan
  - (vi) Kursus Pentadbiran Kerajaan Tempatan
  - (vii) Kursus Pembangunan Luar Bandar dan Kemasyarakatan
  - (viii) Kursus Kemajuan Pengurusan, dan
  - (ix) Kursus Asas.

Ini termasuk-lah kursus<sup>2</sup> khas mengenai bidang pentadbiran dan pengurusan yang tertentu, kursus Perhubungan Awam, kursus Teknik Latehan, kursus Perkeranian, dan kursus<sup>2</sup> khas untuk Steno, Jurutaip dan juga Pelayan Pejabat. Kursus<sup>2</sup> ini akan memakan masa antara satu hingga dua minggu.

- (b) Semua kursus<sup>2</sup> yang di-sediakan ini ada-lah bertujuan untuk menambah kecekapan pegawai<sup>2</sup> dalam menjalankan tugas<sup>2</sup> mereka. Dalam pada itu, kursus<sup>2</sup> di-atas perkara bekerjasama dan juga prinsip perdampingan dengan ra'ayat ada-lah juga di-beri tekanan yang khas.
- (c) Institiut ini mungkin juga di-buka kepada pegawai<sup>2</sup> dari negara<sup>2</sup> tetangga tetapi keutamaan ada-lah di-beri kepada pegawai<sup>2</sup> kita termasuk-lah pegawai<sup>2</sup> daripada badan<sup>2</sup> berkanun.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menaruh satu keyakinan bahawa pegawai yang tamat dari kursus ini akan menghilangkan sungutan orang ramai terhadap sa-tengah<sup>2</sup> pentadbir Kerajaan di-daerah<sup>2</sup>.

**Perdana Menteri:** Saya berharap dengan ada-nya latehan ini pegawai<sup>2</sup> itu akan lebeh chekap lagi menjalankan tugas-nya dan akan dapat mendampingi diri dengan lebeh rapat dan sempurna dengan ra'ayat yang mereka itu berdamping.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan lagi. Ada-kah Kerajaan mempunyai satu ranchangan dalam masa hadapan bahawa Institiut ini akan di-buatkan sa-buah pusat pentadbiran yang tinggi mutu-nya di-kawasan Tenggara Asia ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita tidak boleh hendak tinggikan lagi mutu institiut ini daripada menjadi Institiut Pentadbiran bagi negara kita. Sa-bagai mana saya kata tadi, kita boleh juga memberi peluang kepada pegawai<sup>2</sup> di-negara<sup>2</sup> sahabat di-Tenggara Asia ini. Tetapi saya fikir, kita tidak boleh-lah hendak mengangkat institiut itu sendiri mengatakan ini-lah institiut yang tertinggi di-Tenggara Asia. Ini tidak betul pada tempat-nya sebab kita sa-bagai negara yang merdeka ada-lah berkhajaja kepentingan diri kita sendiri sahaja.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Dapat-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini negara<sup>2</sup> yang turut sama dalam kursus itu dengan chara 'am.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini belum ada lagi.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan ia-itu ada-kah chara pemilihan pegawai<sup>2</sup> untuk memasoki ka-Dewan Latehan ini keutamaan-nya di-beri kepada pegawai<sup>2</sup> yang banyak menerima sungutan daripada ra'ayat, maka pegawai itu di-dahulukan memasoki latehan ini dan pegawai<sup>2</sup> yang kurang menerima sungutan daripada ra'ayat di-kemudiankan. Ada-kah benar chara yang saperti itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kita beri latehan kepada semua pegawai mengikut chawangan pekerjaan. Saya harap tidak ada pegawai<sup>2</sup> yang menerima sungutan daripada ra'ayat. Kalau ada, tentu-lah kita akan mengambil tindakan terhadap mereka itu.

#### HOTEL HILTON—PENANAMAN MODAL PERNAS

**2. Dr Tan Chee Khoon** minta Perdana Menteri menyatakan ada-kah beliau sedar ia-itu PERNAS telah menanam modal sebanyak \$10 juta dalam Hotel Hilton, Kuala Lumpur yang di-punya oleh orang<sup>2</sup> asing dan jika ya, nyatakan sama ada dengan berbuat demikian PERNAS sa-benar-nya menjalankan dasar-nya untuk membantu orang<sup>2</sup> Melayu dalam perdagangan dan perusahaan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan bahawa angka yang di-sebutkan dalam soalan ini bukan \$10 juta tetapi \$16 juta.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Hotel Hilton, Kuala Lumpur, bukan kepunyaan orang asing sa-bagaimana yang di-dakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. PERNAS ada-lah merupakan salah satu badan yang menanam modal di-dalam hotel itu.

Dasar PERNAS ia-lah untuk membantu orang<sup>2</sup> Melayu dalam perusahaan dan perdagangan, dan penyertaan PERNAS di-dalam Hotel ini akan membolehkan lebih ramai orang<sup>2</sup> Melayu mendapat pekerjaan dan juga latehan kemahiran dalam bidang pentadbiran hotel.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada-kah benar PERNAS mengambil bahagian di-dalam hotel<sup>2</sup> ini ta' di-adakan penyiasatan dengan teliti atau di-dalam bahasa Inggeris, feasibility study sa-belum PERNAS mengambil bahagian dalam perkara hotel ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya di-beritahu pehak penguasa PERNAS telah menimbang dengan teliti-nya berkenaan dengan modal ini dan mereka berfikir ada-lah memberi faedah bukan sahaja kepada PERNAS, kepada negara dan juga saya katakan tadi kepada orang<sup>2</sup> Melayu.

**Dr Tan Chee Khoon:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the supplementary question I seek to ask is, is it not a fact that at the beginning this project was not approved and then somehow, later, mysteriously it got approved with an investment of \$16 million?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ta' ada kena-mengena dengan soal ini. Soal yang asal ia-lah sama ada benar-kah PERNAS mengambil bahagian. Saya kata PERNAS ada mengambil bahagian.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. PERNAS ada-lah satu badan yang di-bantu oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf perniagaan orang Melayu di-negara ini. Apa-kah sebab-nya rombongan PERNAS yang baharu<sup>2</sup> ini hendak pergi berhubung dengan perniagaan ka-Negeri China telah tidak di-benarkan masuk?

**Perdana Menteri:** Itu soalan lain, jauh benar dengan soalan yang asal ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, ada-kah Kerajaan sedar bahawa ramai bumiputra kita yang telah tamat latehan yang di-beri oleh MARA berhubung dengan hotel ini enggan di-terima oleh sa-tengah<sup>2</sup> pengurus hotel yang besar<sup>2</sup>, dan dengan ada-nya hotel ini, ada-kah Kerajaan

dapat memberi jaminan bahawa bumiputra yang tamat latehan daripada MARA ini akan di-beri peluang kepada mereka keutamaan bekerja di-hotel<sup>2</sup>?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah saya ta' boleh memberi jaminan ia-itu semua sa-kali orang<sup>2</sup> yang tamat latehan di-Institusi Teknologi MARA dalam lapangan pengurusan hotel ini di-beri pekerjaan dalam hotel ini, tetapi dengan sa-berapa yang boleh, sebab pekerja<sup>2</sup> di-hotel<sup>2</sup> itu adalah terhad. Kita akan mengambil orang<sup>2</sup> Melayu yang terlateh untuk bekerja di-hotel<sup>2</sup> itu.

### PERDANA MENTERI SINGAPURA— HASIL LAWATAN

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil dari lawatan Perdana Menteri Singapura ka-Malaysia baru<sup>2</sup> ini, dan;
- (b) sama ada masalah Selat Melaka telah di-binchangkan dan jika ya, apa-kah sikap Singapura di-dalam perkara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lawatan itu ada-lah menguntongkan kerana ia memberi kesempatan kepada Perdana Menteri Singapura dan saya mengadakan perbincangan mengenai hal<sup>2</sup> kepentingan bersama. Di-dalam sa-tengah<sup>2</sup> perkara telah terdapat beberapa persetujuan sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Kenyataan Akhbar bersama. Saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kepada kenyataan itu.

- (b) Tidak. Masalah ini tidak di-binchangkan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan, di-dalam masa yang hampir 1½ jam sahaja kedua<sup>2</sup> Perdana Menteri boleh menyelesaikan masalah<sup>2</sup> yang di-binchangkan, pada hal sa-waktu President Nixon pergi ka-Peking, perbincangan dengan Perdana Menteri, Chou En Lai memakan masa 30 jam lebih.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kehasilan satu<sup>2</sup> perbincangan itu ta' boleh di-ukor dengan masa, barangkali juga Perdana Menteri Singapura dengan saya

chepak boleh dapat selesaikan satu<sup>2</sup> perkara dengan segera dalam masa satu jam mengenai masalah<sup>2</sup> di-antara kedua negara kita. Tetapi perbincangan di-antara Ketua<sup>2</sup> Kerajaan bukan-lah boleh di-adakan dengan sa-kali gus. Ini bagi kali permulaan, semenjak saya menjadi Perdana Menteri. Kemudian barangkali kita akan mengadakan perbincangan lagi daripada satu masa ka-satu masa.

**Tuan Goh Hock Guan:** (Dengan izin) Sir, when the Prime Minister of Singapore was here, he was briefed on the security position in the country. Would the Honourable Prime Minister please inform us whether one of the outcome of the visit made by the Prime Minister of Singapore is that there would be closer security arrangement between Malaysia and Singapore?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai negara tetangga kita yang rapat sa-kali kita memang adakan perhubungan rapat dalam semua lapangan termasuk-lah dalam lapangan security, dengan sebab itu, kita telah memberi Perdana Menteri Singapura keterangan<sup>2</sup> berkenaan dengan hal security supaya dapat faham tentang kedudukan security di-Malaysia dan dengan itu, kita perchaya akan dapat memperkuatkan lagi kerjasama di-antara kedua negara.

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, before the break up between Malaysia and Singapore, there was a co-ordinating body to co-ordinate the security of these two countries. Is it possible that, as a result of the visit by the Prime Minister of Singapore, such a body would be revived again to co-ordinate the security efforts of the two countries?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ta' fikir Jawatan-kuasa saperti itu mustahak di-adakan, sebab kerjasama telah dapat berjalan dengan baik, dengan chara diam<sup>2</sup> sahaja, sebab perkara ini perkara sulit dan chara yang sa-macam ini ada-lah lebih memberi kesan lagi daripada mengadakan Jawatan-kuasa.

**Tuan V. David:** (Dengan izin) Sir, in the Joint Communique issued by the Government we noticed that discussion took place regarding currency. Can the Prime Minister inform this House what detailed talk the Government had with respect to currency?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah di-ishtiharkan dalam joint communique. Saya fikir elok-lah Ahli Yang Berhormat itu bacha, kalau ta' membacha pada hari itu, boleh-lah menchari joint communique untuk membacha-nya. Saya fikir ta' payah saya terangkan lagi.

**Tuan V. David:** Sir, the Communique did not spell out the details of the discussion. In the first place, while the discussion was for 1½ hours, the Communique did not even contain about five minutes' discussion. So, can we have at least a Paper presented to this House by the Prime Minister at a later stage to inform us of the details of the discussion?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengadakan kertas puteh dan saya fikir tidak mustahak di-adakan dan apa yang telah di-persetujui telah di-ishtiharkan dan saya fikir itu memadai.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Di-dalam perbincangan di-antara kedua² Perdana Menteri, ada-kah mereka membincangkan perkara MSA yang sekarang Singapura akan menggunakan-nya, jika ada, mengapa-kah kedua² Kerajaan sekarang hendak membawa perkara ini ka-mahkamah?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah di-bincangkan telah diterangkan di-dalam communique. Saya ta' ada apa hendak tambah lagi. Perkara yang lain, saya ta' boleh sebutkan di-sini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Ada-kah benar, sa-tengah² ra'ayat dalam negeri ini mengatakan dalam pertemuan di-antara Perdana Menteri Singapura dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa Perdana Menteri Singapura telah merayu dan merisik supaya memasoki Malaysia sa-mula?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu khabar² angin sahaja, ta' boleh.

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, as a result of the visit by the Prime Minister of Singapore, would it be likely that the Prime Minister of Malaysia would also be paying back a similar visit to the Republic of Singapore in the near future?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bila sampai masa-nya dan bila saya mendapat jemputan, harus saya akan membuat lawatan.

#### RANCHANGAN PERUMAHAN BAGI NELAYAN²

**4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa banyak-kah rumah² akan di-dirikan oleh Kementerian dalam tahun 1972 untuk faedah:

- (a) nelayan²;
- (b) penduduk² kampung baharu; dan
- (c) penduduk² kampung lama.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, dasar tentang perumahan, menurut apa yang di-bentangkan di-bawah Sekshen II, Bab XVI Rancangan Malaysia Kedua, dengan jelas menyatakan bahawa objektif Rancangan Perumahan Kebangsaan ia-lah untuk memenohi keperluan² kumpulan berpendapatan rendah dari semua kaum tidak mengira keturunan dan di-ranchang untuk menghapuskan keadaan kediaman yang sesak dan tidak sehat serta setingan² di-samping menyelesaikan masalah² sosio ekonomi yang lain.

Kerajaan² Negeri dalam membuat permohonan-nya untuk mendapatkan pinjaman bagi ranchangan perumahan² awam ada-lah di-kehendaki mematohi dasar ini. Ada-lah terpulang kepada Kerajaan² Negeri apabila membuat ranchangan perumahan memasokkan nelayan², penduduk² kampung baharu dan penduduk² kampung lama ka-dalam ranchangan² negeri itu. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini tidak dengan sendiri membena rumah², tetapi hanya mengeluarkan pinjaman² kepada Kerajaan² Negeri dan pehak Kerajaan² Negeri-lah yang bertanggung-jawab untuk membahagi²kan rumah² itu kepada kumpulan² berpendapatan rendah dan termasuk-lah gulungan² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh yang demikian, Kementerian ini tidak-lah dapat menyatakan apa-kah gulungan² orang yang akan di-tempatkan di-dalam ranchangan² perumahan yang akan di-tempatkan di-dalam ranchangan² perumahan yang akan di-siapkan dalam tahun 1972, kechuali menyatakan bahawa mereka² itu ada-lah mereka² daripada gulungan yang berpendapatan rendah.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa penghuni<sup>2</sup> yang menduduki rumah murah ra'ayat ini telah mengalami berbagai kesulitan dan kesusahan. Sedia-kah Kementerian ini mengkaji sa-mula untuk mengatorkan masalah<sup>2</sup> yang di-bangkitkan oleh penghuni<sup>2</sup> itu.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, the Honourable Deputy Minister of Home Affairs stated just now that the responsibility for building low-cost houses for the fishermen and the residents of the new villages and old kampongs lies with the respective State Governments concerned. Sir, money is provided by the Federal Government and so far most of the State Governments concerned have done very little in the way of providing low-cost houses either in the old kampong areas, or the new villages or housing for the fishermen. Now, what steps will the Federal Government take to ensure that the money which has been provided is used promptly and productively to build these houses for the people?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar.

#### ELAUN BAHASA—CHADANGAN MENAREK BALEK

**5. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menarek balek elaun bahasa yang di-bayar kepada Pegawai<sup>2</sup> Polis jika bahasa itu bahasa ibunda-nya, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membayar elaun bahasa kepada Pegawai<sup>2</sup> Polis atas kelayakan dalam bahasa ibunda-nya masing<sup>2</sup>. Mithal-nya, orang China bangsa Hakka tidak menerima elaun bahasa Hakka dan orang India bangsa Tamil tidak menerima elaun bahasa Tamil. Oleh yang demikian, soal menarek balek elaun bahasa kepada mereka yang berkelayakan dalam bahasa ibunda masing<sup>2</sup> tidak-lah timbul.

Apa yang sa-benar-nya berlaku ia-lah Kerajaan ada membayar elaun bahasa kepada Pegawai<sup>2</sup> Polis yang berpangkat rendah dari Sub-Inspektor hingga ka-mata<sup>2</sup> termasuk anggota Polis Wanita di-dalam pangkat yang rendah, jika mereka itu lulus ujian dalam bahasa yang lain daripada bahasa ibunda masing<sup>2</sup>. Mithal-nya, orang China bangsa Hakka yang lulus ujian dalam bahasa Hokkien akan di-bayar elaun bahasa Hokkien, dan begitu juga orang India bangsa Tamil akan menerima elaun bahasa Telegu jika lulus ujian dalam bahasa Telegu. Kerajaan tidak berchadang hendak menarek balek elaun bahasa ini oleh sebab di-anggap berguna dalam menjalankan tugas masing<sup>2</sup> jika Pegawai<sup>2</sup> Polis mengetahui beberapa bahasa yang di-pakai oleh berbagai kaum yang menduduki negara ini.

#### SEKIM KUMPULAN WANG KAKI- TANGAN LEMBAGA PERUMAHAN

**6. Tuan V. David** (*di-bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan kerana Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Lembaga Perumahan tidak mengadakan meshuarat dalam dua tahun yang lampau, pekerja<sup>2</sup> yang berumur lebeh dari 50 tahun tidak dapat mengeluarkan 1/3 daripada simpanan mereka daripada Kumpulan Wang itu.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun tidak ada meshuarat di-jalankan pada tahun 1971, perlu-lah dinyatakan di-sini bahawa tidak ada sa-orang pun ahli Sekim Kumpulan Wang Kakitangan Lembaga Perumahan (Housing Trust Staff Provident Scheme) yang telah memohon untuk mengeluarkan satu pertiga daripada jumlah wang kumpulan mereka. Untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat pada masa ini hanya terdapat sa-orang sahaja pekerja yang telah meningkat umur 50 tahun dan beliau tidak memohon mengeluarkan satu pertiga wang kumpulan-nya. Sa-kira-nya sa-saorang itu membuat permohonan mengeluarkan satu pertiga wang kumpulan-nya, maka boleh-lah Lembaga Pengawal menimbangkan permohonan saperti itu oleh kerana di-dalam Ordinan Kumpulan Wang Pekerja terdapat peruntukan untuk menyelesaikan permintaan<sup>2</sup> saperti ini. Berikutan dengan hal ini saya suka mema'alomkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada masa

ini Kerajaan sedang mengkaji struktur dan fungsi atau pun tugas Lembaga Perumahan supaya menentukan peranan-nya di-masa akan datang berhubung dengan pembangunan perumahan awam berbanding dengan agensi<sup>2</sup> Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang lain, yang terlibat dalam pembangunan perumahan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan sebab<sup>2</sup>-nya Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Lembaga Perumahan tidak mengadakan meshuarat di-dalam dua tahun yang lalu?

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan lain. Soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan tidak di-jawab oleh Menteri yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa itu boleh di-sifatkan sa-bagai soalan lain.

#### **SHARIKAT BAS FOH HUP BERHAD— MENGIKTIRAFKAN**

**7. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu perintah untuk mengiktirafkan Sharikat Bas Foh Hup Berhad, Seremban, telah di-keluarkan di-bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 pada 3hb Januari, 1972. Lebeh lanjut lagi tuntutan kesatuan ka-atas gaji, sharat<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> perkara yang di-kemukakan pada 19hb Januari, 1972 telah di-laporkan kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat pada 7hb Februari, 1972 untuk di-rojokkan ka-Mahkamah Perusahaan. Sila nyatakan meng-apa-kah perkara itu belum di-rojokkan kepada Mahkamah Perusahaan.

**Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat telah membuat keputusan pada 3hb Januari, 1972 bahawa Foh Hup Omnibus Sendirian Berhad mesti-lah mengiktirafkan Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Pengangkutan di-bawah Bahagian 8 (5) Akta Perhubungan Perusahaan dan dengan kepu-tusan ini berma'ana-lah pada 19hb Januari, 1972 kesatuan itu telah mengemukakan cha-

dangan-nya kepada pehak majikan untuk mendapatkan persetujuan bersama berkenaan sharat<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> peratoran pekerjaan dengan pehak majikan itu. Kedua<sup>2</sup> belah pehak telah gagal untuk mencapai persetujuan ber-hubong dengan chadangan<sup>2</sup> itu dan perkara itu telah pun di-bawa ka-Mahkamah Per-usahaan pada 8hb April, 1972. Mahkamah Perhubungan Perusahaan telah menyebut kes pada 17hb April, 1972 dan telah menetapkan hari perbicharaan pada 22hb hingga 24hb Ogos, 1972.

Untuk sementara waktu, Sharikat Foh Hup Omnibus Sendirian Berhad telah mendapat perintah Mahkamah Tinggi, Bil. 67/72 mem-beri kebenaran untuk memohon Order of Certiorari membatalkan keputusan Menteri di-bawah sekshen 8 (5) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 menentukan bahawa kesa-tuan itu di-akuai oleh Sharikat Foh Hup Omnibus. Pada 1hb Mei, 1972, Sharikat Foh Hup Omnibus telah memohon Order of Certiorari dan permohonan ini akan di-dengari pada 26hb Jun, 1972. Pelaksanaan perintah Menteri serta pelaksanaan per-jalanan Mahkamah Tinggi ada-lah sekarang ini di-tahan. Pehak<sup>2</sup> yang akan di-dakwa ada-lah Yang Berhormat Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat dan Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Pengangkutan.

**Tuan V. David (Dengan izin)** Mr Speaker, Sir, yesterday the Deputy Minister of Labour openly declared here that there are no complaints in respect of the labour laws. To make it short, the employer in this case has defied the Minister's Order, under the Industrial Relations Act. What action has the Government taken in this matter in respect of the defiance of this employer on the Order of the Minister?

**Tuan Lee San Choon:** (Dengan izin) Sir, that is not a question. He is expressing his own view, with which we differ.

**Tuan V. David:** Tuan Speaker, this is not my view. It is a fact. In respect of recognition, the Union has been waiting for the last one year and in the meantime the employer has been victimising the workers. Now, the Order of the Minister has been thrown into the wastepaper basket by the employer. What action has the Government taken on this matter?

**Tuan Yang di-Pertua:** Will you frame your question not in anger, please? (*Ketawa*) There is nothing to be angry about.

**Tuan V. David:** I am sorry, Sir. After the Union's wait for one year and after several representations to the Government, the Minister of Labour made an Order of recognition under the law, and this Order has been thrown into the wastepaper basket by the employer. What action has the Government taken in this matter?

**Tuan Lee San Choon:** Sir, the Minister of Labour has made a number of Orders in connection with recognition and most of them, except this one, have been complied with by the managements concerned. In this particular case, the management challenged the Order in the High Court. We believe in the rule of law and we will have it out in the High Court. I believe if the Minister's Order is not challengeable under the law, then the Honourable Member will accuse us, again, for taking away the people's common law right.

**Tuan V. David:** I think the Deputy Minister is trying to completely side-track the issue. The question before us here is this: the law says that the employer cannot appeal or quash the decision of the Minister of Labour. In this case he has rejected the decision of the Minister of Labour. What action has the Government taken in this matter?

**Tuan Lee San Choon:** Sir, I have explained that the management has applied to the High Court for an Order of Certiorari and, as such, the High Court will hear the case. I cannot say anything about that until the High Court has made a decision and if eventually we find that there is any loophole in the law, then we will consider any amendment to tighten the law. But so far it has not been proved.

**Tuan V. David:** That sounds better. That means that it is an admission of the fact that the law should be amended (*Ketawa*).

**Tuan Lee San Choon:** That is his view, Sir. The Minister of Home Affairs is around. If the Honourable Member for Dato Kramat keeps on agitating on no basis, then I have got to report to the Honourable Minister of Home Affairs (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** That is a threat by the Deputy Minister of Labour. Sir, this seems to be a threat: if, on any questions asked, the Deputy Minister is going to ask the Minister of Home Affairs to use the Internal Security Act, then it is a challenge and a threat. Sir, in this case here, it is absolutely clear, beyond any doubt, that the law needs amendment; and the Deputy Minister must be honest in this matter and he must admit that the law needs amendment.

**Tuan Yang di-Pertua:** We are concerned with questions and answers during this hour and if there is anything going beyond questions and answers, reserve it for some other time.

**Dr Tan Chee Khoon:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, before I frame my question, I must really advise the Honourable Deputy Minister of Labour and Manpower that if he cannot tackle my colleague from Dato Kramat by himself, please do not hide behind the *sarong* of the Minister of Home Affairs (*Ketawa*).

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** (*Dengan izin*) Sir, I wear sarong only in the house (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** The question that I would like to ask the Honourable Deputy Minister is this. Time and again, he has told us in this House that the labour laws in this country are near perfect and do not need a revision. But he knows very well that time and again this question of recognition of unions often becomes a very tedious and long-drawn-out affair for the poor workers of this country who cannot afford to go and see expensive lawyers. This company concerned, perhaps, has gone to some of the best civil lawyers in this country and are prepared to pay thousands of dollars. But my colleague who heads a very poor union cannot afford such expenses. The question I wish to ask the Honourable Deputy Minister is that, in future instead of waiting for one long year for a case to be decided by the Minister and then to be challenged in a court of law, will his Ministry not try and expedite such cases of recognition? Instead of one year, can't the period be reduced to one month, for example, in clear-cut cases?

**Tuan Lee San Choon:** Mr Speaker, Sir, I do not know, in the first place, how the Honourable Member for Batu comes to the decision that a case has got to wait for one long year before the case is taken to court. If he bases his argument on an assumption or on hearsay, then I would not care to answer that. In the second place, Sir, I would repeat what I said: if the Honourable Member for Dato Kramat bases his argument not on facts, on false grounds, then I cannot help him. If he keeps on agitating, eventually I have to report to the Honourable Minister of Home Affairs (*Ketawa*). If he bases his argument on facts, on proofs, then we will certainly consider it. We have so many channels in which we can discuss this. As I said, we have dealt with so many cases since the introduction of the law on recognition; and this is the only case which has gone to the High Court, in which we have not been proved wrong yet. So, how could he argue, "Therefore, this is proof that the law has got to be changed."?

**Tuan V. David:** Sir, in the first place, if the Minister of Home Affairs could take some of these Ministers and put them behind bars, most of our industrial problems will be solved (*Ketawa*) Sir, secondly, the Minister said that I have no facts. I now challenge that this case has been pending for more than a year. If it is proved that it is pending for more than a year, is the Minister prepared to resign from his position?

**Tuan Yang di-Pertua:** There is still no question (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** The question is, if I prove that the question of recognition has been pending for more than a year, is the Deputy Minister of Labour prepared to resign?

**Tuan Yang di-Pertua:** Prepared to do what? I did not hear.

**Tuan V. David:** Prepared to resign from his position as the Deputy Minister.

**Tuan Yang di-Pertua:** What has that got to do with this question? (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** That means, Sir, the Minister has deliberately misled this House.

**Tuan Yang di-Pertua:** Resign on one point?

**Tuan V. David:** But that is a deliberate lie the Minister has been telling this House!

**Tuan Yang di-Pertua:** That has not been proved.

**Tuan V. David:** If the Minister agrees, I am prepared to prove before any panel.

**Tuan Lee San Choon:** Mr Speaker, Sir, I say the Honourable Member for Dato Kramat is deliberately telling a lie in this House and I can say it with facts, with dates—quoting all the dates. He had brought up a case some time last year on some other basis, which we had dealt with. I ask him to prove that this case has taken a year to deal with.

**Tuan V. David:** I am prepared to explain, Sir, if he is prepared to do so. I am prepared to prove that this case has been pending for more than a year.

**Tuan Yang di-Pertua:** I don't think I am qualified to be the referee for these challenges (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** Mr Speaker, Sir, I think the best person would be the Minister of Home Affairs (*Ketawa*).

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** (*Dengan izin*) Sir, I really object to being dragged into this ding-dong game here. If I were to interfere I will knock one of them down completely (*Ketawa*).

#### RANCHANGAN<sup>2</sup> RADIO/ TALIVISHEN—MENGGA MBARKAN MASHARAKAT

8. **Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan sama ada beliau akan menyakinkan Dewan ini bahawa ranchangan<sup>2</sup> dalam Radio dan Talivishen di-susun dan di-laksanakan untuk mengga mbarkan sa-buah masharakat berbilang bangsa.

**Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan<sup>2</sup> dalam Radio dan Talivishen memang-lah

di-susun dan di-laksanakan untuk menggambarkan satu masyarakat walau pun berbilang bangsa menuju ka-arrah perpaduan yang lebih erat mengikut apa yang dimaksudkan oleh Rukunegara.

**Tuan V. David:** (*Dengan izin*) How do all these crime films of the United States become part of the Rukunegara? (*Ketawa*).

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Cherita<sup>2</sup> crime itu menunjukkan rule of law ia-itu satu daripada prinsip Rukunegara ia-itu kedaulatan undang<sup>2</sup> (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Filem crime yang di-sebutkan oleh rakan saya bukan boleh menggalakkan belia<sup>2</sup> di-tanah ayer kita membuat kesalahan (crime) di-tanah ayer kita.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Pertama-nya soal crime ini menyeleweng, tetapi saya sanggup menjawab-nya kerana tidak ada satu pun gambar, proofkan kalau ada gambar menunjukkan "crime pays"; gambar yang kita tunjukkan semua menunjukkan "crime does not pay."

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, in view of the dissatisfaction expressed by the public with regard to the programmes provided by the Government-controlled T.V. Malaysia, would the Honourable Minister consider the establishment of a second T.V. station to be run entirely by the private sector, which should also be run in accordance with the Rukunegara and which should reflect more adequately the multi-racial character of this country?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mendengar komplek, bahkan kita mendapat banyak pujian<sup>2</sup> berkenaan dengan chara kita sudah mengubah ranchangan<sup>2</sup> Radio dan Talivishen mengikut masyarakat kita yang terdiri dari berbagai<sup>2</sup> bangsa. Dan dari segi yang kedua-nya ia-itu ada-kah Kerajaan hendak menimbangkan soal membenarkan di-jalankan sa-chara private, itu memang tidak ada di-dalam pertimbangan Kerajaan dan untuk membetulkan Ahli Yang Berhormat tadi walau pun Radio dan Talivishen bukan Government-controlled, tetapi Government-owned.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Speaker, Government-owned dan Government-controlled itu synonymous.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Lain!

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, the dubbing in a lot of these programmes that we see in T.V. Malaysia is unsatisfactory in the sense that some of the dubbings that come out seem to reflect all kinds of funny noises—like chaps having stomach ache—and would the Government consider improving this by keeping the original language spoken by the characters in these programmes but using Bahasa Malaysia sub-titles, because this has the advantage of doing away with a lot of these "doubles" and the funny noises which emit from their mouth organs?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Gambar<sup>2</sup> di-dalam bahasa Inggeris kebanyakan-nya kita tidak barangkali semuanya kita tidak dabling, tetapi gambar<sup>2</sup> dalam bahasa lain daripada Inggeris yang payah kita faham di-sini, itu kita menggunakan dabling dan kita sentiasa memperbaiki teknik dabling ini. Dan kalau ada bunyi<sup>2</sup> itu bukan-lah sebab sakit perut barangkali, tetapi sakit telinga si-pendengar (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, most of the programmes which come out on T.V. Malaysia hardly reflect the multi-racial character of this country, like the violent films of America and so on. In view of this, would the Government consider producing its own programmes and its own documentaries and feature-stories with a multi-racial cast in them and with a multi-racial content in them so as to implement the Rukunegara principles?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya berharap Yang Berhormat chuba-lah menuntun talivishen; jawapan-nya sudah sedia.

**Tuan Goh Hock Guan:** Is the Honourable Minister inviting us to take part in T.V. programmes in political forums?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan menuntun itu dia tidak faham (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Sa-benar-nya, Tuan Speaker, tetapi menuntun sahaja tidak chukup, kita mesti ambil bahagian dalam program<sup>2</sup> itu. The next question which I want to come to, Sir, is this. In view of the fact that T.V. Malaysia and Radio Malaysia are Government owned, not Government-controlled, and in view of the fact that we have been getting a lot of symposiums and seminars which are really one-way traffic—you know, coming out from one political party and one group of people—therefore to reflect the multi-racial character of this society and the multi-political character of this society, when would the Honourable Minister implement his earlier assurance that all political parties, including PAS, Pekemas, DAP and the Alliance could take part in T.V. forums and debates?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Soal-nya, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ini menggambarkan multi-racial, bukan multi-political?

**Tuan V. David:** Parti kami menghormati Rukunegara, tetapi gambar<sup>2</sup> ini di-tunjokkan di-Talivishen tidak ada hormatkan Rukunegara. Parti kami meminta Yang Berhormat Menteri periksa perkara ini. Ra'ayat di-luar membangkang Ranchangan Talivishen. Kerajaan hendak-lah buat satu laporan bagaimana tiap<sup>2</sup> ra'ayat boleh menyokong Ranchangan Talivishen Kerajaan.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah di-jawab bahawa ra'ayat banyak benar yang sudah memberi pujian ia-itu chara<sup>2</sup> kita menyusun semula ranchangan baharu<sup>2</sup> ini, dan soalan akhir ini paling umum sa-kali. Kalau ada bukti<sup>2</sup> yang program yang melanggar Rukunegara sila-lah berhubung dengan Kementerian, kita akan mengubahkan keadaan.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-pertua, saya puji Talivishen Malaysia dan Radio Malaysia, tetapi ada-kah Menteri yang bertanggung-jawab itu memikirkan pada hari yang akan datang lebih di-banyakkan oleh kerana Ranchangan Luar Bandar, Ranchangan Lima Tahun Kedua ini lebih di-banyakkan tunjok ia-itu kemajuan ra'ayat menchangkul, ra'ayat

menebang, ra'ayat bekerja, itu di-banyakkan daripada tunjok yang lain<sup>2</sup>. Ada-kah ranchangan seperti itu. Sungguh pun ada sedikit<sup>2</sup>, tetapi hendak di-banyakkan lagi. Ada-kah Menteri itu akan membuat pada hari akan datang.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua, soalan ini. Memang kalau betul<sup>2</sup> di-tuntun, mengikutkan ranchangan itu memang kita mengisikan ini semua-nya, tetapi bukan-lah satu aliran sahaja; ada bermacam<sup>2</sup>. Jadi, soal hendak membanyakkan lagi itu memang sentiasa dalam pertimbangan untuk menambatkan lagi, untuk memperbaiki mutu program.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau satu aliran sahaja jemu orang yang menengok-nya (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, at the moment a lot of these talentine contests are invariably restricted to one particular racial community, which certainly does not help to project the multi-racial personality of this country. Will the Honourable Minister consider that for all talentine contests in future whether it be singing or other items, multiracial participants will be invited to take part in these programmes?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Soalan ini saya kurang faham, Tuan Yang di-Pertua. Apa-kah yang di-maksudkan ini di-dalam Radio atau pun Talivishen?

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Speaker, we have seen several times the talentine contests where only either Chinese or . . . .

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Ranchangan ini ada dua. Satu dalam Radio dan satu lagi dalam Talivishen. Yang mana satu yang di-maksudkan?

**Tuan Goh Hock Guan:** Talivishen.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kalau dalam Talivishen ini memang sudah berchampur, sila-lah tengok, tiap<sup>2</sup> kali, saya boleh berani menyatakan buka-lah tengok (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** Sir, the M.I.C. talks a lot about Tamil films in the vernacular newspapers, but they have no guts to say what think about the Tamil films. The most deplorable thing that we see is rotten Tamil films and when Tamil films are shown at least about 10 times they are cut and interrupted. Will the Minister look into this matter?

**Tuan Yang di-Pertua:** I don't quite follow.

**Tuan V. David:** The Tamil films shown in the television are most deplorable because some of the films are very old and even if these old films are shown, at least about ten times they are interrupted by other programmes. Will the Minister look into the matter?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Yang pertama-nya, Tuan Yang di-Pertua, gambar Tamil kalau tidak baik mutu-nya ialah di-sebabkan gambar ini semua-nya gambar lama, kerana gambar lama-lah yang kita di-benarkan oleh pengeluar<sup>2</sup> itu menyewa-nya dan mutu-nya itu bergantung-lah kepada apa yang di-suka<sup>2</sup> oleh penuntun<sup>2</sup>. Maka kita dapati gambar ini memang panjang, kadang<sup>2</sup> sampai tiga jam. Itu-lah sebab-nya tersekat<sup>2</sup> (*Ketawa*).

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, invariably when Members of Parliament from the Opposition have been charged in court this information is relayed in all four languages in the television and radio but when they are acquitted by the court, this information is not similarly broadcast throughout the whole country.

**Tuan Yang di-Pertua:** That has got nothing to do with the subject under discussion.

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, the four languages . . . . .

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bahasa yang di-gunakan ia-lah empat bahasa.

**Tuan V. David:** I don't know why the Malaysian Indian Congress which is supposed to be a partner of the Alliance, does not say anything about these programmes, but I find a lot has been said in the vernacular papers. I don't find any representative of the M.I.C. here, but I am sure the Malaysian Indian

Congress itself would have brought to the attention of the Minister the complaints about the Tamil programmes. What I am humbly requesting the Minister is to review the entire system we are having now and to see that the programmes satisfy all the people of this country.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Dia sanggup, Tuan Yang di-Pertua, bahawa review itu constantly being made at the moment untuk membaiki mutu dan kita berterima kaseh-lah bahawa Yang Berhormat itu sekarang berchakap bagi pihak M.I.C. (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoo:** Oleh sebab M.I.C. tidak mewakili ra'ayat di-Dewan ini (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** Mr Speaker, Sir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal satu<sup>2</sup>!

**Tuan V. David:** Itu bukan soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bukan soalan, Ahli Yang Berhormat tidak ada hak berchakap dalam Dewan ini (*Ketawa*).

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, as far as we are concerned the M.I.C. does not exist at all. It is dead and gone. However, there are some statements in the vernacular papers by some branches differently from the leadership of the M.I.C. and if such statements come, of course, I thought they would have been reported to the Minister correctly. So what I am requesting the Minister is to review the entire matter as there is a lot of dissatisfaction about Tamil programmes, and when the Minister is reviewing the entire programme he must bear in mind the element of the complaints.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab bahawa kita constantly reviewing the programme untuk memperbaiki mutu. Kalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak nampak M.I.C., barangkali bukan M.I.C. tidak ada, beliau yang tidak nampak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali beliau suka, kalau sudah terang itu di-suluhkan pula (*Ketawa*).

## POLIO—SUNTEKAN MENCHEGAH

9. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa-kah jumlah kanak<sup>2</sup> yang telah di-berikan suntukan mencheгах polio dengan menyatakan jumlah bagi tiap<sup>2</sup> negeri dalam Malaysia Barat.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kanak<sup>2</sup> yang telah diberi ubat pencheгах polio mengikut negeri di-Malaysia Barat, sa-hingga 30hb April 1972 ada-lah saperti berikut:

|                 |     |     |           |
|-----------------|-----|-----|-----------|
| Perlis          | ... | ... | 11,434    |
| Kedah           | ... | ... | 152,689   |
| Pulau Pinang    | ... | ... | 156,680   |
| Perak           | ... | ... | 223,750   |
| Selangor        | ... | ... | 286,157   |
| Negeri Sembilan | ... | ... | 116,854   |
| Melaka          | ... | ... | 96,510    |
| Johor           | ... | ... | 299,494   |
| Pahang          | ... | ... | 65,920    |
| Trengganu       | ... | ... | 64,471    |
| Kelantan        | ... | ... | 106,806   |
| JUMLAH          | ... | ... | 1,580,765 |

Tuan V. David: (Dengan izin) Sir, in Penang especially the Government discovered polio and a number of cases were brought to the attention of the Government. What was the reason why the Government did not declare a state of emergency, especially when there was information regarding an epidemic in the State of Penang?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain (Ketawa).

Tuan V. David: Ini bukan soalan lain. Saya hendak bertanya ia-itu Kerajaan faham bahawa ada dua kes polio di-Pulau Pinang, apa-kah sebab-nya Kerajaan tidak mengenakan dharurat di-Pulau Pinang. Padahal doktor<sup>2</sup> kita boleh mengambil berat atas perkara ini, menjaga ra'ayat<sup>2</sup> di-Pulau Pinang?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya sudah terangkan tadi, tindakan telah diambil untuk mencheгах penyakit jenis itu di-situ, tetapi apa yang saya katakan ini ia-

lah soalan lain. Yang di-tanyakan di-sini lain dari soalan yang asal itu. Yang sa-benarnya Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mencheгах penyakit ini, bukan membiarkan begitu sahaja.

## WABAK POLIO—PERISHTIHARAN DI-KEDAH

10. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bila-kah perishtiheran wabak polio di-negeri Kedah telah di-buat; dan
- (b) apa-kah sebab<sup>2</sup>-nya ubat<sup>2</sup> pencheгах polio tiada terdapat di-Hospital Besar Alor Star dalam masa 20 hari yang pertama itu; sa-balek-nya ubat itu boleh terdapat dari kelinik<sup>2</sup> prebet.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perishtiheran wabak polio di-Negeri Kedah telah di-buat pada 17hb Januari, 1972.
- (b) Sunggoh pun ubat<sup>2</sup> pencheгах polio tidak dapat di-perolehi di-Hospital Besar Alor Star, tetapi ubat<sup>2</sup> itu boleh di-dapati di-Pejabat Kesihatan Bakar Bata dari tarikh 10hb Februari, 1972. Perbekalan vaksin kepada Kedah telah memakan masa sedikit kerana simpanan vaksin yang ada pada masa itu telah di-perbahagi<sup>2</sup>kan kepada negeri<sup>2</sup> yang lebih merbahaya daripada Kedah. Bilangan kes<sup>2</sup> polio pada waktu itu untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat itu ia-lah saperti di-bawah ini:

|                |     |     |     |    |
|----------------|-----|-----|-----|----|
| Penang         | ... | ... | ... | 59 |
| Selangor       | ... | ... | ... | 28 |
| Negri Sembilan | ... | ... | ... | 25 |
| Johor          | ... | ... | ... | 18 |
| Kedah          | ... | ... | ... | 9  |

Klinik<sup>2</sup> swasta mempunyai ubat<sup>2</sup> ini oleh sebab mereka telah menawarkan vaksin ini untuk beberapa tahun dan mereka memperolehi simpanan<sup>2</sup> mereka dari penjual<sup>2</sup> ubat.

Tuan V. Veerappen: (Dengan izin) Is the Minister aware that during the height of the epidemic in Province Wellesley, Penang, the offices concerned refused to open on Saturdays and Sundays, and that whether he would ensure that in times of emergencies like this, where there is great anxiety among

the people, he would ensure that the health offices and the hospitals remain open even on public holidays and Sundays and would work over-time to see that the people are attended to?

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar yang perkara ini terjadi, tetapi jikalau ada kejadian sudah tentu ini memerlukan, yang doktor<sup>2</sup> mesti berada di-situ dan jikalau mereka tidak peduli rayuan Yang Berhormat itu, saya harap Yang Berhormat boleh membawa perkara itu kepada Kementerian.

### RUMAH<sup>2</sup> KERAJAAN—LUAS KAWASAN

**11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

(a) berapa ekar tanah di-Kuala Lumpur yang di-punya<sup>2</sup> oleh Kerajaan Persekutuan sa-belum Merdeka telah di-untukkan bagi—

(i) rumah<sup>2</sup> Kerajaan; dan

(ii) pejabat<sup>2</sup>;

(b) berapa ekar tanah lagi telah di-tambah bagi tujuan yang sama sa-sudah merdeka.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, tanah<sup>2</sup> yang berpegang dengan surat hak atas Kerajaan Persekutuan sa-belum merdeka yang di-untukkan bagi rumah<sup>2</sup> Kerajaan ia-lah 19 ekar 24 $\frac{3}{4}$  pole. Ada 47 kawasan<sup>2</sup> yang telah di-gunakan oleh Kerajaan Persekutuan di-bawah kuat kuasa Fasal 166 (4) Perlembagaan dan reserve melalui *Warta*<sup>2</sup> Kerajaan yang di-gunakan sebagai tapak<sup>2</sup> pejabat Kerajaan Persekutuan di-Kuala Lumpur sa-belum merdeka. Keluasan tanah<sup>2</sup> bagi rumah<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan di-Kuala Lumpur yang di-tambah sa-sudah merdeka dan yang telah di-selesaikan dengan chara pengluasan kawasan hak milek ia-lah 227 ekar 3 rod dan 23 pole. Tanah<sup>2</sup> untuk pejabat<sup>2</sup> yang telah di-selesaikan dengan chara yang sama ia-lah lebeh kurang 306 ekar dan 1 pole di-tambah sa-sudah merdeka.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di-waktu penjajahan Inggeris dahulu rumah<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> penjajah dalam satu rumah ada lebeh kurang

dalam 5 ekar, jadi ada-kah ranchangan Kerajaan pada hari ini oleh kerana pegawai<sup>2</sup> kita ramai, yang sa-buah rumah sampai 5 ekar itu di-pechah<sup>2</sup>kan untuk di-jadikan rumah<sup>2</sup> pegawai yang lebeh banyak lagi, ada-kah ranchangan Kerajaan berbuat begitu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Ini tidak ada kena mengena dengan soalan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah chukop.

(Masa untuk *Pertanyaan*<sup>2</sup> bagi *Jawab Mulut* telah chukop dan *Jawapan*<sup>2</sup> *Lisan* bagi *Pertanyaan*<sup>2</sup> No. 12 hingga 53 ada-lah di-beri di-bawah ini)

### POKOK<sup>2</sup> PINE—TANAMAN

**12. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ekar pokok<sup>2</sup> "pine" telah di-tanam oleh Kerajaan di-seluruh Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Lebeh kurang 3,000 ekar telah di-tanam dengan "pine" oleh Kerajaan di-Malaysia Barat.

### TULISAN JAWI—MELUASKAN PENGGUNAAN

**13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bila-kah tulisan Jawi di-gunakan dalam negeri ini dengan lebeh meluas ia-itu sama ada sa-belum atau sa-lepas Merdeka;

(b) apa-kah di-antara sebab<sup>2</sup> kemerosotan penggunaan dan pengajaran tulisan Jawi; dan

(c) apa-kah langkah<sup>2</sup> bagi mengembang dan menyuburkan penggunaan tulisan Jawi.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Ada-lah sukar hendak menentukan sama ada tulisan Jawi di-gunakan lebeh meluas sa-belum atau sa-lepas Merdeka di-negeri ini, tetapi di-sekolah<sup>2</sup>, jawab-nya ia-lah sa-lepas Merdeka. Ini ada-lah kerana bilangan murid<sup>2</sup> yang belajar di-sekolah<sup>2</sup> ada-lah lebeh ramai jika di-bandingkan dengan bilangan sa-belum Merdeka dan penuntut<sup>2</sup>

ini di-wajibkan mempelajari Bahasa Malaysia. Dalam mata-pelajaran Bahasa Malaysia ini, pelajaran tulisan Jawi telah pun di-masokkan ka-dalam sukatan pelajaran untuk Darjah II hingga Darjah VI dan ini akan di-teruskan di-peringkat Sekolah Menengah kelak. Pelajaran Jawi ini ada-lah di-wajibkan bagi penuntut<sup>2</sup> Melayu dan di-galakkan bagi penuntut<sup>2</sup> bukan Melayu. Sa-lain dari itu, pelajaran ugama telah di-wajibkan bagi penuntut<sup>2</sup> yang beragama Islam sa-lepas Merdeka dan penggunaan tulisan jawi ada-lah di-perlukan bagi mengikut pelajaran ugama ini.

#### **STESHEN PEMANCHAR TV DI-GUNONG LEDANG**

**14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan menyatakan ada-kah benar bahawa sa-buah Steshen Pemanchar Radio dan Talivishen akan di-bena di-kemunchak Gunung Ledang di-Johor. Jika benar bila dan berapa-kah perbelanjaan-nya serta berapa besar kawasan sa-keliling yang akan mendapat faedah dari projek tersebut.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua, 1971-1975, sa-buah Steshen Pemanchar TV akan di-bena di-kemunchak Gunung Ledang di-Johor. Projek ini akan menelan belanja sa-banyak kira<sup>2</sup> 2 juta ringgit dan di-jangka akan siap pada pertengahan tahun 1974. Gemas, Labis, Muar, Batu Pahat, Kluang, Yong Peng dan kawasan<sup>2</sup> yang berhampiran akan mendapat faedah daripada projek ini. Tidak ada sebarang ranchangan dalam bidang radio untuk kawasan ini, untuk di-bena di-Gunong Ledang.

#### **BUROH<sup>2</sup> HUTAN SEMENTARA— LAPORAN SUFFIAN**

**15. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa buroh<sup>2</sup> hutan sementara di-Selangor tidak di-beri gaji mengikut Laporan Suffian dan mereka tidak di-beri keistimewaan saperti chuti 'am dan chuti sakit dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah bagi memperelokkan layanan<sup>2</sup> yang di-beri

kapada buroh hutan sambilan sunggoh pun mereka itu ada-lah terkeluar dari sekim perkhidmatan Suffian.

#### **CHUKAI ATAS ALAT<sup>2</sup> SOKAN**

**16. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kapada Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa alat<sup>2</sup> sokan telah di-kechualikan daripada chukai dan sa-kira-nya sedar, nyatakan:

- (a) mengapa-kah kayu golf, alat<sup>2</sup> bowling dan menembak di-kechualikan dari chukai; dan
- (b) mengapa-kah alat<sup>2</sup> pelajaran saperti pensil, pemadam dan kayu pembaris tidak di-kechualikan dari chukai.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):**

- (a) Ada-lah tidak benar bahawa kayu golf, dan alat<sup>2</sup> bowling dan menembak di-kechualikan daripada chukai. Kesemua alat<sup>2</sup> tersebut di-kenakan chukai tokok sa-banyak 4% dan sa-tengah<sup>2</sup> daripadanya juga di-kenakan chukai jualan. Pada masa ini, Perbendaharaan sedang membuat kajian mengenai lain<sup>2</sup> alat sokan yang sekarang di-kechualikan daripada chukai jualan.

Berkenaan dengan pensil<sup>2</sup>, getah<sup>2</sup> pemadam dan kayu<sup>2</sup> pembaris, patut-lah di-fahamkan bahawa barang<sup>2</sup> itu tidak-lah merupakan alat<sup>2</sup> pelajaran semata<sup>2</sup>; barang<sup>2</sup> itu juga digunakan oleh gulongan<sup>2</sup> lain.

#### **BARANG<sup>2</sup> DI-IMPOT OLEH PERNAS**

**17. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jenis barang<sup>2</sup> yang telah di-impot dan di-beli oleh PERNAS semenjak rombongan-nya yang pertama ka-negeri China.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Semenjak rombongan-nya yang pertama ka-Pameran Perdagangan Canton dalam bulan Oktober, 1971, PERNAS telah membuat konterek daripada berbagai pembekal di-Negeri China untuk membeli barang<sup>2</sup> berharga dua juta ringgit. Sa-hingga 16hb Mei, 1972, PERNAS telah mengimpot barang<sup>2</sup> bernilai kira<sup>2</sup> \$750,000. Barang<sup>2</sup> yang di-impot oleh PERNAS ada-lah berupa:

- (i) wine;
- (ii) barang<sup>2</sup> makanan bertin (daging, sayur<sup>2</sup>an dan buah<sup>2</sup>an);

(iii) bahan<sup>2</sup> perumahan (alat<sup>2</sup> petukang, genting, alat<sup>2</sup> tandas dan bingkai<sup>2</sup>).

### KILANG GARAM DI-LUMUT— MENDIRIKAN

**18. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-bidang tanah di-Batu 10, Segari Lumut, Perak yang di-beli oleh sa-buah sharikat untuk tujuan mendirikan sa-buah kilang garam telah ditanam dengan ubi kayu pula dan jika ya, apa tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk mendesak sharikat ini supaya chepat membenakan kilang itu.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Sharikat yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah di-luluskan taraf perintis pada dasar-nya pada 17hb Julai, 1969 untuk membuat garam. Kelulusan itu telah terta'alok kepada syarat ia-itu sharikat itu hendak-lah memulakan membena kilang-nya dalam masa enam bulan daripada tarikh kelulusan tersebut. Kemudian-nya tempoh bagi sharikat itu untuk mendirikan kilang-nya telah di-lanjutkan sa-lama empat kali. Dalam menguatkuasakan syarat itu, Kementerian ini telah mendapati bahawa sharikat tersebut telah tidak dapat melaksanakan projek-nya dalam masa yang di-tetapkan dan dengan itu kelulusan taraf perintis pada dasar-nya telah di-tarek balek dan di-mansuhkan pada 16hb Julai, 1971, ia-itu dua tahun sa-lepas kelulusan taraf perintis. Keputusan Kementerian ini telah di-sampaikan kepada Kerajaan Negeri Perak yang telah memberi tanah itu kepada sharikat tersebut. Oleh kerana tanah ia-lah soal yang jatuh di-bawah kuasa Kerajaan Negeri, tindakan terhadap sharikat itu kerana menyalah-gunakan tanah tersebut hendak-lah di-ambil oleh Kerajaan Negeri.

### KECHICHIRAN DI-SEKOLAH<sup>2</sup> MENENGAH

**19. Tuan Pengiran Tahir bin Pengiran Patera** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa sebab utama bertambah-nya bilangan murid<sup>2</sup> yang terchichir di-sekolah<sup>2</sup> menengah ia-lah kemiskinan; dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang berkesan yang akan di-ambil bagi mengatasi masalah ini dan sama ada Kerajaan berchadang hendak memberikan pelajaran menengah dan menengah rendah dengan perchuma kepada kanak<sup>2</sup> di-negara ini.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Walau pun kemiskinan ada-lah satu faktor penting, ini tidak-lah berma'ana bahawa ia-nya sebab utama bertambah-nya kechichiran di-sekolah<sup>2</sup> menengah. Kajian sa-penoh mengenai kechichiran sedang di-buat dan saya maseh lagi menunggu hasil daripada kajian itu. Langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil bagi mengatasi masaalah ini akan berdasarkan kepada hasil penyiasatan tersebut.

### KECHICHIRAN PELAJARAN

**20. Pengarah Rahun anak Debak** minta Menteri Pelajaran menyatakan sa-jauh mana Kerajaan Persekutuan akan membantu Sarawak untuk memberi pelajaran menengah rendah perchuma kepada kanak<sup>2</sup> dan bila-kah maksud ini akan terchapai.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Kerajaan Persekutuan belum pernah mempertimbangkan perkara ini kerana belum ada permohonan saperti itu di-terima dari Kerajaan Negeri. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alom, mengikut perenggan 17, Laporan "Inter-Governmental Committee, 1962", dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran negeri Sarawak ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri.

### PEMBUANGAN NAJIS CHARA SALORAN AYER (SEWERAGE)

**21. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa menurut sa-orang pakar (Jurutera PKD(WHO) Enche Stafford) "backlog" keperluan<sup>2</sup> parit (Sewerage) di-Malaysia melibatkan dua juta orang ra'ayat jetata dan angka ini mungkin akan meningkat sampai sa-puluh juta dalam tahun 2000;
- (b) sama ada beliau ada apa<sup>2</sup> ranchangan<sup>2</sup> untuk mengatasi masa'alah "backlog" itu; dan
- (c) sama ada beliau dapat menentukan klorinasi parit<sup>2</sup> yang menerima aliran tangki septic sa-kira-nya parit itu mengalir melalui kawasan<sup>2</sup> bandar.

**Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew):**

- (a) Kerajaan sedar bahawa di-Malaysia ada "backlog" berkenaan keperluan<sup>2</sup> pembuangan najis dengan chara

saloran ayer (sewerage). Satu perkara yang patut di-terangkan ia-lah angka<sup>2</sup> yang di-nyatakan oleh Tuan Stafford itu tidak termasuk chara<sup>2</sup> membersehan (treatment) di-tempat<sup>2</sup> kebersihan yang kechil (treatment work) saperti tangki<sup>2</sup> najis dan lain<sup>2</sup>.

- (b) Kementerian saya ada chadangan untuk mengadakan "Central Sewerage Scheme" bagi semua bandar<sup>2</sup> besar di-Malaysia. Pekerjaan di-atas dua sekim di-jangka akan di-mulakan tidak berapa lama lagi, satu untuk kawasan "Greater Kuala Lumpur" dan satu lagi di-kawasan Perbandaran Ipoh. Kajian untuk sekim "water-borne sewerage" telah juga di-jalankan bagi Johor Bahru, Seremban dan Klang.
- (c) Kementerian saya tidak mengirakan perlu untuk menggunakan chlorine bagi "effluent" tangki najis sa-bagai langkah biasa. Langkah ini tidak menjadi satu langkah kebiasaan melainkan "effluent" datang-nya daripada puncha yang berjangkit<sup>2</sup> saperti dari Wad<sup>2</sup> Cholera.

## PEKERJAAN KAPADA ANAK NEGERI—PELUANG

**22. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang sedang di-ambil untuk mendesak firma<sup>2</sup> perniagaan besar asing yang berjalan dalam Malaysia supaya mengambil dan melateh lebeh ramai lagi orang<sup>2</sup> tempatan, terutama sa-kali anak<sup>2</sup> negeri dalam jawatan<sup>2</sup> yang lebeh bertanggung-jawab.

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Ada-lah dasar Kerajaan bahawa semua peluang<sup>2</sup> pekerjaan yang terdapat di-negeri ini, di-semua peringkat pekerjaan hendak-lah di-beri kapada warganegara<sup>2</sup> negeri ini. Oleh yang demikian, semua majikan<sup>2</sup> tempatan atau majikan<sup>2</sup> yang menjalankan pertubohan asing ada-lah di-wajibkan mengikut dasar ini.

Walau bagaimana pun, dalam beberapa perkara di-mana warganegara<sup>2</sup> tempatan yang berkelayakan tidak di-perolehi bagi pekerjaan<sup>2</sup> yang tertentu, kelulusan ada-lah di-beri untuk membawa pekerja<sup>2</sup> dagang untuk mengendalikan kedudokan<sup>2</sup> sa-

demikian sa-hingga sampai waktu-nya apabila warganegara<sup>2</sup> yang berkelayakan di-perolehi.

Pegawai<sup>2</sup> Pemereksa dari Kementerian saya ada-lah di-arah menumpukan perhatian khas terhadap penyusunan tenaga-kerja di-tiap<sup>2</sup> pertubohan yang mereka pereksa dan di-mana terdapat penyusunan tenaga-kerja tidak membayangkan penyusunan berbagai kaum di-negeri ini, mereka akan menasehati majikan<sup>2</sup> yang berkenaan untuk mengambil langkah<sup>2</sup> yang tertentu untuk membuat pembetulan yang perlu di-masa kerja<sup>2</sup> pengambilan yang baharu.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, apabila meluluskan projek<sup>2</sup> baharu di-Malaysia Barat atau di-Malaysia Timor, menuntukan syarat<sup>2</sup> dalam surat kebenaran yang berbunyi saperti berikut:

" . . . . . bahawa Sharikat tersebut akan mengambil dan melateh warga-negara<sup>2</sup> Malaysia di-semua peringkat pekerjaan sa-bagai mencherminakan penyusunan berbagai kaum di-negeri ini"

Bagi menentukan penyesuaian terhadap syarat<sup>2</sup> ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memereksa dari masa ka-masa sama ada Sharikat itu menyelenggarakan dasar<sup>2</sup> ini.

Di-kebanyakan sharikat<sup>2</sup> yang besar, kepunyaan dan di-bawah jagaan orang<sup>2</sup> asing, jawatan<sup>2</sup> tinggi ada-lah di-sandang oleh pekerja<sup>2</sup> dagang dan sharikat<sup>2</sup> ini ada-lah di-bantu oleh Jawatan-Kuasa Perwarganegaraan dalam achara<sup>2</sup> kewarganegaraan mereka.

## JURURAWAT<sup>2</sup>—MENGECHUALIKAN BAHASA MALAYSIA

**23. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan kekurangan jururawat<sup>2</sup> di-Malaysia, sama ada beliau akan menimbang mengechualikan Bahasa Malaysia yang menjadi salah satu daripada syarat<sup>2</sup> kelayakan di-dalam pengambilan jururawat<sup>2</sup> dan sa-balek-nya pula beri mereka masa sa-lama sa-tahun sa-lepas pengambilan untuk mempelajari Bahasa Malaysia.

**Tuan Lee Siok Yew:** Tidak. Ada-lah menjadi dasar kebangsaan kita bahawa Bahasa Malaysia ia-lah satu kelayakan bagi Jururawat<sup>2</sup> Pelateh di-Malaysia Barat.

Di-Sabah dan Sarawak, Bahasa Malaysia bukan-lah satu kelulusan bagi Pelateh<sup>2</sup> Juru-rawat. Sunggoh pun begitu pengetahuan didalam Bahasa Malaysia ada-lah berfaedah.

### **HOSPITAL MARUDI—MEMBESARKAN**

**24. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menimbang untuk:

- (a) membesarkan Hospital Marudi;
- (b) menempatkan sa-orang doktor gigi disana; dan
- (c) mengadakan lawatan<sup>2</sup> oleh sa-orang pakar mata di-hospital itu.

**Tuan Lee Siok Yew:**

- (a) Ya, membesarkan Hospital Marudi ada-lah satu projek di-bawah Rancangan Malaysia Kedua yang dijadualkan pelaksanaan-nya dalam tahun 1973.
- (b) Saya tidak dapat menempatkan sa-orang Doktor Gigi di-Hospital Marudi oleh kerana kekurangan doktor<sup>2</sup> pada masa ini. Walau bagaimana pun sa-orang Doktor Gigi bertempat di-Miri membuat lawatan-nya kerap-kali, dan lawatan<sup>2</sup> ini akan bertambah apabila Poliklinik di-Miri siap di-bena.
- (c) Pada masa ini sa-orang pakar mata dari Hospital Besar Sarawak mengadakan lawatan ka-Hospital Marudi.

### **TEMPAT<sup>2</sup> KEBUDAYAAN DAN BERSEJARAH SARAWAK**

**25. Tuan Andrew Mara** anak **Walter Unjah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan sedang ambil untuk memperbaiki dan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang lebih baik di-tempat<sup>2</sup> yang mungkin penoh dengan kebudayaan dan sejarah di-Sarawak seperti Gua Niah dalam Daerah Miri, Tasek Tai Parit dalam Daerah Bau, Bukit Sadok dalam Daerah Lubok Antu dan Pulau Talang-Talang, di-seluruh pantai Daerah Lundu bagi menarik pelancong<sup>2</sup> asing.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Kerajaan Persekutuan belum mempunyai apa<sup>2</sup> chadangan untuk memperbaiki dan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> yang lebih baik di-tempat<sup>2</sup> yang penoh dengan kebudayaan

dan bersejarah di-Sarawak kerana pada masa ini Ordinance Antiquities and Treasure Trove Ordinance No. 14 of 1957 hanya meliputi Malaysia Barat dan tidak termasuk Malaysia Timor. Langkah<sup>2</sup> akan di-ambil untuk meminda Ordinance tersebut supaya meliputi Sarawak dan Sabah juga. Muzium Negara kini sedang merancang untuk menyediakan langkah<sup>2</sup> memelihara dan mengadakan kemudahan<sup>2</sup> di-tempat<sup>2</sup> yang bersejarah di-Sarawak, juga satu penyelidikan akan di-jalankan dengan kerjasama Muzium Negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah.

### **PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SEKOLAH<sup>2</sup>**

**26. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pelajaran menyatakan sikap tegas Kerajaan terhadap pelajaran Ugama di-sekolah<sup>2</sup> Kerajaan, sekolah<sup>2</sup> bantuan Kerajaan dan Sekolah<sup>2</sup> Ugama Islam.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Sekshen 36, Akta Pelajaran, 1961 membekalkan bahawa jika terdapat 15 atau lebih murid<sup>2</sup> yang beragama Islam dalam sa-sabua sekolah bantuan penoh, penuntut<sup>2</sup> itu hendak-lah di-berikan pengajian Ugama Islam. Bagi Sekolah<sup>2</sup> Menengah bantuan penoh, ada-lah menjadi tanggung-jawab penoh Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan guru<sup>2</sup> dan membayar gaji guru<sup>2</sup> itu. Bagi sekolah<sup>2</sup> rendah bantuan penoh pula, ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan<sup>2</sup> Negeri untuk mengadakan guru<sup>2</sup> tetapi Kerajaan Persekutuan membantu menampung pembayaran gaji guru<sup>2</sup> tersebut atas kadar 50%.

Berkenaan dengan sekolah<sup>2</sup> Ugama Islam yang bukan di-bawah kelolaan Kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan ada memberi bantuan kewangan mengikut perengkat sekolah<sup>2</sup> itu dan bilangan pelajar<sup>2</sup>-nya. Bagi peringkat rendah kadar-nya ada-lah \$10 bagi sa-orang murid sa-tahun, peringkat menengah \$14, peringkat atas \$20.

Berhubung dengan perbekalan guru<sup>2</sup> Ugama, Kementerian Pelajaran sudah memulakan latihan-nya sendiri di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras mula tahun 1970. Kumpulan pelateh pertama sa-ramai 50 orang akan menamatkan kursus-nya pada akhir tahun ini dan mereka yang lulus akan mengajar di-sekolah<sup>2</sup> menengah.

### PERADUAN PESTA DRAMA DI-SEKOLAH<sup>2</sup>

**27. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pelajaran menyatakan tujuan penting serta faedah<sup>2</sup>-nya Kerajaan menganjorkan peraduan Pesta Drama di-kalangan Sekolah<sup>2</sup> Rendah dan Menengah di-seluruh Malaysia.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Pelajaran yang di-berikan kepada anak kita di-bangku sekolah termasuklah pelajaran<sup>2</sup> yang dapat membentuk keperibadian dan drama ada-lah mustahak dari segi ini. Pada tahun ini peraduan drama di-adakan di-antara sekolah<sup>2</sup> menengah di-peringkat negeri, sa-bagai perseediaan bagi "Expo Pendidikan" yang akan berlangsung pada bulan Ogos hadapan. Dalam "Expo" ini peraduan di-peringkat Kebangsaan akan di-adakan.

### BARANG<sup>2</sup> TEMPATAN— MENANDAKAN

**28. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ada-kah beliau sedar ia-itu barang<sup>2</sup> yang di-buat di-Malaysia ini dan di-isikan dalam kotak atau botol tidak di-nyatakan berat-nya atau isi padu-nya, jika sedar, apa-kah tindakan yang akan di-ambil-nya terhadap pengeluar<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> ini.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Pada masa ini tidak ada undang<sup>2</sup> yang berkehendakkan pembuat barang<sup>2</sup> tempatan menunjukkan berat-nya atau isi padu-nya terhadap barang<sup>2</sup> yang di-isi dalam kotak atau botol. Tetapi Kerajaan telah bersetuju mengadakan Rang Undang<sup>2</sup> yang di-namakan Akta Perihal Perdagangan yang akan di-bentangkan di-Dewan ini tidak berapa lama lagi. Di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> itu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian di-beri kuasa membuat perentah menghendaki pembekal<sup>2</sup> barang<sup>2</sup> menandakan terhadap barang<sup>2</sup> yang di-bekal-nya dengan kenyataan<sup>2</sup> berkenaan barang<sup>2</sup> itu termasuk berat-nya. Pembekal<sup>2</sup> yang tidak mematuhi perentah ini akan di-da'awa dan jika di-dapati salah, boleh di-denda atau di-penjarakan atau kedua<sup>2</sup>-nya sa-kali.

### BARANG<sup>2</sup> BUATAN MALAYSIA— TANDA MUTU

**29. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) siapa-kah yang mengesahkan barang<sup>2</sup> buatan Malaysia untuk menentukan sama ada barang<sup>2</sup> itu mengikut mutu yang baik; dan
- (b) ada-kah beliau sedar banyak barang<sup>2</sup> yang di-buat di-Malaysia ada-lah bermutu kurang baik.

**Tuan Mohamed Khir Johari:**

- (a) Majlis Piawaiian yang di-tubuhkan di-bawah Sekshen 3 Akta Piawaiian, tahun 1966, di-beri kuasa untuk mengeluarkan lesen di-bawah Sekshen 20 Akta tersebut kepada sa-siapa hendak menggunakan tanda darjah atau mutu terhadap barang<sup>2</sup> jika Majlis itu puas hati yang barang<sup>2</sup> itu mematuhi darjah yang di-tentukan bagi kumpulan barang<sup>2</sup> tersebut.
- (b) Barang<sup>2</sup> buatan Malaysia pada 'am-nya tidak kurang mutu-nya daripada barang<sup>2</sup> yang di-impot. Barang<sup>2</sup> buatan Malaysia sudah pun di-terima di-pasaran<sup>2</sup> di-luar negeri di-mana pertandingan pasaran dengan pengeluar<sup>2</sup> dari negeri<sup>2</sup> lain sangat hebat. Sa-lain daripada harga yang setanding, banyak barang<sup>2</sup> buatan Malaysia telah berjaya memasoki pasaran luar negeri oleh kerana mutu-nya. Jika Ahli Yang Berhormat mengetahui barang<sup>2</sup> buatan Malaysia bermutu rendah, beliau patutlah membuat aduan yang tepat kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

### PENDUDOK<sup>2</sup> KAMPONG BAHARU— SERUAN

**30. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan:

- (a) bagaimana-kah dapat ia menerangkan seruan<sup>2</sup>-nya kepada penduduk<sup>2</sup> kampung baharu yang berumur 35 tahun ka-bawah supaya memohon tanah untuk memasoki ranchangan FLDA, kerana terdapat kenyataan Pengerusi LKTP yang menyatakan bahawa LKTP tidak akan melayani permohonan<sup>2</sup> baru sahingga 25,000 permohonan<sup>2</sup> yang sedang

di-bekukan itu telah selesai di-layani dengan berakhir-nya tempoh Rancangan Malaysia Kedua; dan

- (b) menyatakan sama ada ia telah berunding dengan Pengerusi LKTP sebelum ia menyeru penduduk<sup>2</sup> kampung<sup>2</sup> baru yang berumur 35 tahun ka-bawah supaya memohon memasuki rancangan LKTP.

**Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Ada-lah di-kesalkan bahawa kandungan che-ramah saya untuk menggalakkan penduduk<sup>2</sup> kampung baharu yang berkelayakan supaya menyertai Rancangan LKTP telah menimbulkan salah faham. Sa-benar-nya saya bermaksud menasihatkan mereka supaya membuat permohonan bila permohonan di-buka. Saya berbuat demikian kerana saya di-fahamkan bahawa di-masa yang lampau ada di-antara penduduk<sup>2</sup> kampung baharu yang enggan inenyertai Rancangan LKTP.

Berhubung perkara perbincangan dengan Pengerusi LKTP, saya tidak memikirkan mustahak kerana saya tahu Rancangan LKTP di-luar kawasan Rezab Melayu ia-lah untuk semua kaum dan saya mengetahui segala kelayakan<sup>2</sup> yang di-sharatkan.

### RANCHANGAN<sup>2</sup> DI-TALIVISHEN

**31. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan:

- (a) berapa jam yang di-utuskan untuk ranchangan<sup>2</sup> India dan China di-talivishen pada satu hari; dan
- (b) ada-kah beliau sedar bahawa filem<sup>2</sup> yang di-tayangkan dalam TV Malaysia ada-lah rendah mutu-nya dan jika ya, nyatakan sama ada beliau akan menimbang memperbaiki ranchangan<sup>2</sup> ini.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Saya suka hendak mema'alumkan bahawa Kementerian Penerangan tidak merangka ranchangan-nya mengikut bangsa, tetapi semua ranchangan-nya berchorak Malaysia dan berdasarkan Rukunegara.
- (b) Saya tidak faham dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu, Filem<sup>2</sup> yang di-tayangkan menerusi TV tinggi mutu-nya.

### DOKTOR<sup>2</sup> KA-CHINA—MENGHANTAR

**32. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menghantar suatu rombongan doktor<sup>2</sup> untuk pergi ka-Republik Ra'ayat China untuk mempelajari teknik "acupuncture".

**Tuan Lee Siok Yew:** Kementerian saya tidak berchadang menghantar doktor<sup>2</sup> ka-Republik Ra'ayat China untuk mempelajari teknik "acupuncture" buat masa ini. Walau bagaimana pun, Kementerian saya tidak ada halangan, jika doktor persendirian hendak pergi untuk mempelajari teknik saperti itu.

### KEMALANGAN PEKERJA<sup>2</sup> INDUSTRI<sup>2</sup>

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan jumlah<sup>2</sup> kemalangan yang di-alami oleh pekerja<sup>2</sup> di-industri<sup>2</sup> kayu-balak, sama ada di-kilang<sup>2</sup> papan, kilang<sup>2</sup> atau pun di-dalam proses memotong dan mengangkut kayu<sup>2</sup> balak.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Bilangan kemalangan yang di-timpa oleh pekerja<sup>2</sup> dalam industri<sup>2</sup> kayu-balak ada-lah saperti berikut:

|                                                 | 1968  | 1969  | 1970  |
|-------------------------------------------------|-------|-------|-------|
| Perhutanan dan balak                            | 183   | 242   | 357   |
| Kilang <sup>2</sup> papan dan lain <sup>2</sup> | 866   | 830   | 1,118 |
| kilang kayu                                     |       |       |       |
| Bahan kayu dan kilang                           | 119   | 16    | 130   |
| perabot                                         |       |       |       |
| JUMLAH ...                                      | 1,168 | 1,088 | 1,605 |

### DEGREE<sup>2</sup> UNIVERSITI— JAWATAN-KUASA MENILAI

**34. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Jawatan-kuasa untuk menilai degree<sup>2</sup> universiti Nanyang dan Taiwan telah pun menyiapkan laporannya atau belum, jika sudah, nyatakan kandungan-nya sa-chepat mungkin.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Belum lagi.

### MURID<sup>2</sup> SEKOLAH RENDAH— JUMLAH

**35. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah murid<sup>2</sup> sekolah rendah jenis<sup>2</sup> yang berikut—
- (a) Sekolah<sup>2</sup> Kebangsaan;

- (b) Sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan China;
- (c) Sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan Tamil; dan
- (d) Sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan Inggeris; dan
- (ii) jumlah guru<sup>2</sup> yang berkebolehan mengajar Bahasa Malaysia di-Sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan China, Jenis Kebangsaan Tamil dan Jenis Kebangsaan Inggeris di-aliran Kebangsaan.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:**

- (i) (a) 639,597
- (b) 433,920
- (c) 78,478
- (d) 336,801
- (ii) Bilangan guru<sup>2</sup> Bahasa Malaysia yang terlateh dan berkelayakan di-sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan China, Tamil dan Inggeris ia-lah 11,492 dan bilangan guru<sup>2</sup> Bahasa Inggeris yang terlateh dan berkelayakan dalam aliran Kebangsaan di-Sekolah<sup>2</sup> rendah bantuan ia-lah 8,705.

#### PEMBENAAN PERHUBONGAN PULAU PINANG—TANAH BESAR

36. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perhubungan menyatakan jenis<sup>2</sup> perhubungan tetap yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan Pusat untuk menghubungi Pulau Pinang dengan Tanah Besar dan nyatakan sebab<sup>2</sup> memilih chara<sup>2</sup> perhubungan ini.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Mengenaï chadangan pembinaan perhubungan tetap antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar di-dapati ada empat jenis perhubungan yang boleh dipilih ia-itu jambatan (bridge), Jabanah (tunnel), gabongan jambatan/tambak (bridge and causeway) dan gabongan jabanah/tambak (tunnel and causeway). Untuk menentukan pilihan yang sesuai, Kerajaan telah mengkaji laporan Sharikat Perunding yang di-undangkan membuat kajian atas kemungkinan pembinaan projek ini. Hasil daripada kajian dan rundingan yang di-buat antara Kerajaan dan Sharikat Perunding ini, di-dapati per-

hubungan sa-chara jambatan (bridge) ada-lah lebeh sesuai menilek kapada beberapa aspek saperti kos rekabentuk dan pengawasan (engineering design and supervision) kos benaan, kos penyenggaraan dan kemudahan untok di-buat apa<sup>2</sup> perubahan bagi me-menohi keperluan tambahan lalu-lintas kelak.

#### PUSAT KESIHATAN—RUMAH PANGSA RIFLE RANGE

37. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walau pun terdapat sa-buah pusat peranchang keluarga di-9 buah rumah pangsa yang di-dudoki oleh lebeh kurang 20,000 orang, di-Rifle Range Pulau Pinang, masch lagi tidak ada kelinik kesihatan di-situ dan sama ada Kementerian-nya akan membuka satu kelinik kesihatan untok berkhidmat kapada pendudok<sup>2</sup> di-kawasan ini.

**Tuan Lee Siok Yew:** Walau pun Rumah Pangsa Rifle Range di-Pulau Pinang tidak ada Kelinik Kesihatan tetapi di-Kampung Ayer Itam ia-itu  $\frac{1}{2}$  batu jauh ada sa-buah Pusat Kesihatan Kechil. Pusat Kesihatan Kechil ini memberi perkhidmatan kapada pendudok<sup>2</sup> daripada kawasan di-Ayer Itam dan Rifle Range.

Dan lagi, ranchangan sedia ada untok menukarkan Pusat Kesihatan Kechil Ayer Itam kapada sa-buah Poly Kelinik dalam tahun 1972 dan dengan itu akan sa-lanjut-nya meninggikan taraf perkhidmatan kesihatan di-dalam kawasan itu.

Dengan ini, Kementerian saya tidak me-mikirkan ada keperluan untok membuka sa-buah lagi kelinik kesihatan di-Rumah Pangsa Rifle Range.

#### PENGKALAN TENTERA LAUT DI-LUMUT—RANCHANGAN

38. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan memberikan laporan<sup>2</sup> kemajuan ranchangan Kerajaan untok membena pengkalan laut Malaysia di-Lumut, dan menyatakan sama ada beliau sedar yang pendudok<sup>2</sup> di-Lumut dan Sitiawan tidak suka terhadap projek ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Maklumat yang di-minta oleh Ahli Yang Berhormat mengenai kemajuan projek Tentera Laut di-Lumut itu ada-lah berdarjah (RAHSIA) dan oleh itu tidak-lah dapat di-berikan.

Mengenai apa yang di-katakan penduduk<sup>2</sup> di-kawasan itu tidak senang dengan pojek itu, ini ada-lah suatu perkara biasa kerana ada sa-bahagian daripada penduduk<sup>2</sup> di-kawasan yang berkenaan itu akan terpaksa di-pindahkan ka-lain tempat. Walau bagaimanapun, mereka itu pasti akan di-bayar pampasan sa-chukup-nya. Faedah projek itu kepada kawasan itu dan kepada negara seluruh-nya ada-lah lebih besar daripada apa<sup>2</sup> kesukaran yang akan di-alami pada peringkat permulaan projek itu.

### POTENSIAL<sup>2</sup> PELANCHONGAN MELAKA

**39. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar akan potensial<sup>2</sup> pelanchongan yang besar di-Negeri Melaka berdasarkan sejarah-nya, dan menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Kementerian-nya untuk memajukan Melaka untuk menggalakkan pelanchongan.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Semasa pembukaan rasmi Shah's Beach Motel tahun lalu, Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menyatakan potensial<sup>2</sup> pelanchongan di-Negeri Melaka ada-lah sunggoh<sup>2</sup> cherah berdasarkan kepada kesan<sup>2</sup> sejarah-nya. Sa-sunggoh-nya jika Ahli Yang Berhormat merujuk kepada peta<sup>2</sup> dunia zaman dahulu, Semenanjung Tanah Melayu telah di-kenali di-perengkat antarabangsa ketika itu sa-bagai "Melaka". Terpulang-lah kepada kita untuk mengambil kesempatan ini untuk menjadikan Melaka sekarang menjadi mashor sa-bagai Melaka zaman dahulu. Menteri Perdagangan dan Perindustrian sa-sunggoh-nya ada-lah menyedari hakikat bahawa potensial pelanchongan di-Negeri Melaka ada-lah sunggoh cherah.

Semenjak penubohan-nya, Jabatan Pelanchongan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil langkah<sup>2</sup> bagi menggalakkan Negeri Melaka bukan sahaja menerusi chetakan bahan<sup>2</sup> penggalakan untuk menarek perhatian pelawat<sup>2</sup> supaya datang ka-Negeri tersebut tetapi juga

menerusi akhbar, talivishen dan filem<sup>2</sup> di-luar negeri. Walau bagaimana pun daya penarek Melaka sa-chara keselurohan-nya harus-lah di-persaibangkan dengan keadaan dan kualiti tempat penginapan yang dapat di-beri kepada pelawat<sup>2</sup> antarabangsa; dan di-sini-lah pehak swasta boleh memainkan peranan-nya.

Daya penarek "physical" Melaka daripada segi sejarah dan pemandangan "natural" telah di-ranchangkan dan akan di-laksanakannya oleh Kerajaan Negeri Melaka. Sa-tengah daripada projek<sup>2</sup> pelanchongan yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaran Melaka ada-lah seperti berikut:

- (i) Penubohan Pusat Penerangan oleh Majlis Bandaran dengan perbelanjaan sa-banyak \$75,000;
- (ii) Pembinaan bangunan tambahan untuk Rumah Rehat Negeri Melaka yang mengandongi sa-jumlah 45 buah bilek tambahan dengan perbelanjaan sa-banyak \$500,000 yang di-biaya<sup>2</sup> oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) Pembinaan sa-buah kolam mandi untuk orang ramai oleh Majlis Bandaran dengan perbelanjaan sa-banyak \$600,000;
- (iv) Pembinaan padang "Golf" oleh Kerajaan Negeri dengan perbelanjaan sa-banyak \$200,000;
- (v) Penubohan sa-buah Zoo Kerajaan Negeri dengan perbelanjaan sa-banyak \$60,000.

Kerajaan Negeri tersebut juga mempunyai ranchangan untuk membangunkan sa-buah bandar baru di-Ayer Kroh. Sa-baik sahaja ranchangan ini di-laksanakan, Kerajaan Negeri berchadang untuk melaksanakan projek<sup>2</sup> seperti berikut:

- (i) Untuk mewartakan bandar tua Melaka sa-bagai kawasan untuk di-bangunkan sa-mula dalam mana sa-buah Jawatan-Kuasa telah pun di-tubuhkan mengandongi wakil<sup>2</sup> daripada Musium Negara. Tujuan-nya ia-lah untuk menghidupkan kembali suasana keagongan dan kemudian menjaga bangunan<sup>2</sup> dan juga kawasan<sup>2</sup> yang mempunyai nilai sejarah demi kepentingan pelanchong<sup>2</sup> ka-negeri itu;

- (ii) Untuk menjadikan bangunan Pejabat Sekretariat Kerajaan yang ada sekarang sa-bagai sa-buah Musium;
- (iii) Untuk membena sa-buah bangunan yang sama seperti Istana Sultan Mansor Shah dengan anggaran perbelanjaan sa-banyak \$40,000;
- (iv) Untuk memperbaiki tapak pendaratan lapangan terbang Negeri Melaka yang sa-panjang 4,500 kaki itu untuk membolehkan kapal-terbang jet berkembar injin mendarat di-situ.

### **PENUNTUT<sup>2</sup> ORANG ASLI DI-UNIVERSITI<sup>2</sup>**

**40. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak-kah penuntut<sup>2</sup> Orang Asli yang terdapat di-

- (a) Universiti Malaya;
- (b) Universiti Kebangsaan; dan
- (c) Universiti Pulau Pinang.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Dalam menjeniskan pelajaran<sup>2</sup> kepada berbagai<sup>2</sup> kaum, Universiti<sup>2</sup> hanya menjeniskan mereka di-bawah kaum Melayu, kaum China, kaum India dan lain<sup>2</sup> kaum. Oleh yang demikian, tidak dapat di-pastikan daripada penjenisan ini sama ada terdapat penuntut<sup>2</sup> Orang Asli di-Universiti<sup>2</sup> tersebut. Jika ada sa-kali pun, harus mereka telah di-masokkan di-bawah jenisan kaum Melayu.

### **LESEN TEKSI DI-PORT DICKSON— A. RENGASAMY**

**41. Dr A. Soorian** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa A. Rengasamy dari No. 4920 Kampong Gopal Rajoo, Port Dickson terpaksa berkongsi lesen teksi-nya dengan Subramaniam dari Bukit Pelandok; dan
- (b) sama ada Kementerian dapat memberi satu lesen kepada Rengasamy yang mempunyai keluarga yang besar dengan 8 orang anak.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:**

- (a) Saya sedar;
- (b) ada-lah tidak mungkin untuk mengeluarkan satu lesen kepada Enche' Rengasamy kerana pada masa sekarang

tidak ada kekosongan lesen kereta sewa yang berpangkalan di-dalam Daerah Port Dickson. Sa-kira-nya ada kekosongan di-kemudian hari maka kekosongan itu akan di-iklankan dan pada masa itu maka boleh-lah Enche' Rengasamy mengemukakan permohonan-nya.

### **ABACO ESTATE SEMENYIH— PEMBUANGAN PEKERJA**

**42. Dr A. Soorian** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akan perkara berikut yang berlaku di-ABACO Estate:

"12 pekerja telah di-buang kerja—enam orang mula dari 1hb April dan enam orang mula dari 21hb Julai 1971. Kes ini telah pun di-ambil dan di-rujokkan kepada Mahkamah Buroh tetapi hingga hari ini belum lagi ada keputusan".

- (b) Jika sedar, sama ada Kementerian dapat membuat sa-suatu untuk mempercepatkan Kes<sup>2</sup> Mahkamah Buroh ini supaya suatu keputusan yang chepat akan dapat di-chapai untuk mengelakkan penderitaan pekerja<sup>2</sup> yang terlibat.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** ABACO Estate Semenyih telah membuang kerja 7 orang pekerja<sup>2</sup> pada 31-3-1971, 7 orang pekerja pada 1-4-1971 dan 7 orang lagi pada 21-7-1971 kerana di-dapati berkelakuan tidak senonoh dan lain<sup>2</sup> sebab.

Semua pekerja<sup>2</sup> ini (21 orang) telah diwakili oleh Kesatuan Sekerja mereka.

Sa-bagai keputusan usaha<sup>2</sup> perdamaian yang di-buat oleh Kementerian lapan daripada 21 pekerja<sup>2</sup> yang itu telah di-ambil bekerja kembali oleh majikan pada 3-6-1971. 13 pekerja yang lain telah di-rujokkan kepada Mahkamah Perusahaan (pada Januari 1972) untuk mendapatkan keputusan muktamad.

Mahkamah Perusahaan telah mengemukakan kes ini pada 28-1-72 dan telah menetapkan hari pendengaran kes pada 29hb hingga 30hb Mach, 1972. Tetapi, atas permintaan pehak majikan dan kebenaran peguam dari Kesatuan Sekerja, pendengaran kes ini telah di-tunda kepada 5hb, 6hb, 8hb, dan 9hb Jun, 1972.

### LKTP—LUAS EKAR DI-BUKA

**43. Tuan Goh Hock Guan** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa ekar tanah telah di-buka oleh LKTP dari 1969 hingga 1971;
- (b) berapa ekar yang akan di-buka di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua;
- (c) kelayakan<sup>2</sup> yang perlu bagi sa-saorang pemohon untuk mendapatkan tanah di-ranchangan<sup>2</sup> LKTP.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**

- (a) Lembaga telah membuka sa-luas 144,593 ekar dari tahun 1969 hingga 1971.
- (b) sa-luas 275,000 ekar akan di-buka di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua.
- (c) Kelayakan<sup>2</sup> yang perlu untuk memohon ia-lah sa-saorang pemohon itu di-kehendaki menjadi Warga Negara Malaysia, sudah berkahwin dan berumur 18 hingga 35 tahun (40 tahun bagi bekas ahli<sup>2</sup> keselamatan) dan tidak memiliki tanah lebih dari 2 ekar.

### GERAI<sup>2</sup> KOPI—BAYARAN LESEN BULANAN

**44. Tuan Goh Hock Guan** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa bayaran lesen bulanan untuk gerai<sup>2</sup> kopi dalam lengkungan sempadan Bandar Raya Kuala Lumpur telah di-naikkan dari \$10 atau \$15 sa-bulan kepada \$150 atau \$400 sa-bulan;
- (b) mengapa-kah lesen<sup>2</sup> gerai<sup>2</sup> ini di-naikkan;
- (c) bagaimana-kah kadar lesen<sup>2</sup> ini di-kira;
- (d) bila-kah pihak yang berkuasa akan menurunkan bayaran lesen ini untuk penjaja<sup>2</sup> di-Bandar Raya Kuala Lumpur.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):** Gerai<sup>2</sup> tepi jalan di-Kuala Lumpur ada-lah di-kenakan bayaran lesen bulanan yang di-kira mengikut ukoran gerai<sup>2</sup> tersebut dan juga tempat di-mana ia-nya berada.

Bayaran lesen bagi gerai<sup>2</sup> yang tidak melebihi ukoran 18 kaki persegi letak-nya di-atas tanah sa-lain daripada tanah persendirian ia-lah dari \$15 sa-bulan hingga \$20 sa-bulan bergantung kepada kawasan letak gerai itu tetapi di-mana gerai<sup>2</sup> yang melebihi ukoran 18 kaki persegi, bayaran lesen-nya ada-lah di-tetapkan dengan bayaran yang lebih tinggi mengikut ukoran. Bayaran lesen bagi sa-buah gerai yang berukuran lebih dari 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi ia-lah dari \$20 sa-bulan hingga \$30 sa-bulan dan tambahan sa-banyak dari \$20 sa-bulan hingga \$30 sa-bulan bagi tiap<sup>2</sup> ukoran yang melebihi 100 kaki persegi atau pun sa-bahagian daripada-nya.

Bayaran lesen bagi gerai<sup>2</sup> yang terletak di-atas tanah persendirian ia-lah \$10 sa-bulan bagi semua kawasan yang ukoran-nya tidak lebih daripada 18 kaki persegi, \$15 sa-bulan bagi semua kawasan yang ukoran-nya melebihi 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi dan tambahan sa-banyak \$15 sa-bulan bagi tiap<sup>2</sup> 100 kaki persegi atau pun sa-bahagian daripada-nya.

Pada mula-nya gerai<sup>2</sup> tepi jalan yang di-maksudkan untuk perniagaan kecil<sup>2</sup> ada-lah untuk di-jalankan oleh orang<sup>2</sup> yang tidak mampu membayar sewa kedai, yang berukuran 18 kaki persegi yang mana bayaran lesen-nya ada-lah sangat<sup>2</sup> rendah. Sa-tiap tahun tuan<sup>2</sup> punya gerai telah membesarkan gerai<sup>2</sup> mereka dengan tambahan<sup>2</sup> yang tidak mendapat kebenaran. Dewan Bandaraya telah tidak mengambil tindakan meroboh tambahan haram itu sa-balek-nya menggunakan sikap liberal dan menyelaraskan tambahan<sup>2</sup> yang baharu itu dan meminta tuan punya gerai membayar dengan bayaran lebih mengikut ukoran gerai<sup>2</sup> tersebut.

Oleh itu jawapan<sup>2</sup> kepada soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Damansara itu ada-lah sa-bagai berikut:

- (a) Di-mana gerai<sup>2</sup> yang di-besarkan melebihi dari 18 kaki persegi dan tuan-punya gerai itu ingin mengekalkan tambahan<sup>2</sup> gerai itu, ia terpaksa-lah membayar bayaran lesen yang lebih yang di-kira mengikut ukoran gerai tersebut. Tuan-punya gerai yang tidak mampu membayar bayaran yang di-naikkan mesti-lah mengecilkan ukoran

gerai-nya supaya tidak melebihi 18 kaki persegi. Sa-benar-nya Dato' Bandar tidak mahu menggalakkan benaan<sup>2</sup> sementara yang memburokkan pemandangan dan yang demikian perniagaan<sup>2</sup> yang lebih besar ada-lah di-galakkan supaya berpindah ka-dalam kedai yang tetap.

(b) Bayaran lesen gerai telah tidak di-naikkan dari semenjak 1hb Januari, 1952. Dalam tahun 1970 satu kenaikan pada keseluruhan-nya telah di-buat kepada semua bayaran<sup>2</sup> lesen perniagaan supaya di-sesuaikan kepada peringkat yang lebih realistik dan hasil bayaran lesen gerai<sup>2</sup> tepi jalan juga telah naik sedikit bermula daripada 1hb Januari, 1971.

(c) Bayaran lesen ada-lah di-tetapkan mengikut ukoran gerai<sup>2</sup> dan tempat<sup>2</sup> di-mana ia-nya terletak. Pada umum-nya bayaran<sup>2</sup> lesen itu ada-lah seperti berikut:

(i) *Gerai<sup>2</sup> tepi jalan yang di-atas tanah sa-lain daripada tanah persendirian:*

\$15 hingga \$20 sa-bulan bagi keseluruhan kawasan yang gerai-nya tidak melebihi 18 kaki persegi bergantung pada tempat-nya, \$20 hingga \$30 sa-bulan bagi semua kawasan yang ukorannya melebihi 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi dan tambahan \$20 hingga \$30 sa-bulan bagi tiap<sup>2</sup> tambahan sa-luas 100 kaki persegi atau pun sa-bahagian dari-nya bergantung pada tempat-nya.

(ii) *Gerai<sup>2</sup> tepi jalan di-atas tanah persendirian:*

\$10 sa-bulan bagi keseluruhan kawasan yang ukorannya tidak melebihi 18 kaki persegi \$15 sa-bulan bagi seluruh kawasan yang ukorannya melebihi 18 kaki persegi tetapi tidak melebihi 100 kaki persegi dan tambahan sa-banyak \$15 bagi tiap<sup>2</sup> tambahan sa-luas 100 kaki persegi atau sa-bahagian dari-pada-nya.

(d) Dato' Bandar tidak berhajat hendak mengurangkan bayaran lesen bagi penjaja<sup>2</sup> dalam Bandaraya Kuala Lumpur oleh kerana bayaran yang ada sekarang bagi sa-buah gerai yang berukuran 18 kaki persegi ada-lah di-angap rendah.

(*Dengan izin*) Street stalls in Kuala Lumpur are charged monthly licence fees calculated in accordance with the size of the stalls and the localities where they are situated.

The licence fees for stalls not exceeding 18 sq. ft. situated on land other than private land range from \$15.00 per month to \$20.00 per month depending on the localities where they are situated but where the stalls exceed the size of 18 sq. ft. the licence fees are fixed at a higher rate according to the sizes. The licence fee for a stall exceeding 18 sq. ft. but not exceeding 100 sq. ft. ranges from \$20.00 per month to \$30.00 per month and an additional fee ranging from \$20.00 per month to \$30.00 per month for every additional 100 sq. ft. or part thereof.

The licence fees for stalls situated on private land are:

\$10.00 per month for an overall area not exceeding 18 sq. ft.

\$15.00 per month for an overall area exceeding 18 sq. ft. but not exceeding 100 sq. ft. and an additional \$15.00 per month for every additional 100 sq. ft. or part thereof.

Originally street stalls which are meant for small businesses to be carried out by people who cannot afford to pay rentals of shop premises were only 18 sq. ft. for which the licence fees are very small indeed. Over the years some of the stallholders enlarged their stalls with illegal extensions. Instead of taking action to demolish the illegal extensions, the Dato' Bandar took a liberal attitude and legalised the new size and requested the stallholders to pay the increased amount of fees according to the size of the stalls.

Therefore, the answers to the questions asked by the Honourable Member for Damansara are as follows:

(a) Where a stall has been enlarged beyond 18 sq. ft. and the stallholder wishes to retain the enlarged area he will have to pay the increased licence fee calculated

according to the size of the stall. Any stallholder who cannot afford to pay the increased fee should reduce his stall to a size not exceeding 18 sq. ft. In point of fact the Dato' Bandar does not wish to encourage these huge ugly temporary structures and larger businesses should be encouraged to move into shops of a permanent nature.

(b) Stall licence fees have not been increased since 1st of January, 1952. In 1970, a general revision was made to all trade licence fees in order to bring them to a more realistic level as a result of which the street stall licence fees, inter alia, were slightly increased with effect from 1st January, 1971.

(c) The licence fees are determined according to the size of the stalls and the localities in which they are situated. Generally the rates of licence fees are as follows:

(i) *Street stalls on land other than Private Land:*

\$15 p.m. to \$20 p.m. for an overall area not exceeding 18 sq. ft. depending on localities.

\$20 p.m. to \$30 p.m. for an overall area exceeding 18 sq. ft. but not exceeding 100 sq. ft. and an additional \$20 p.m. to \$30 p.m. for every additional 100 sq. ft. or part thereof depending on localities.

(ii) *Street stalls on Private Land:*

\$10 p.m. for an overall area not exceeding 18 sq. ft.

\$15 p.m. for an overall area exceeding 18 sq. ft. but not exceeding 100 sq. ft. and an additional \$15 p.m. for every additional 100 sq. ft. or part thereof.

(d) The Dato' Bandar has no intention to reduce the licence rates for hawkers in the City of Kuala Lumpur as it considers that the present rate of fees for an 18 sq. ft. stall is relatively low.

## GURU<sup>2</sup> SISWAZAH SAINS/HISAB— MENGATASI KEKURANGAN

45. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa guru<sup>2</sup> siswazah Sains dan Ilmu Hisab di-Sekolah<sup>2</sup> Menengah Atas ada-lah sangat kecil bilangan-nya dan jika sedar, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil bagi mengatasi masalah ini:
- (b) nyatakan juga bilangan guru<sup>2</sup> siswazah Sains dan Ilmu Hisab yang di-perlukan untuk kelas<sup>2</sup> Menengah Atas yang ada pada awal tahun 1972.

Tuan Hussein bin Dato' Onn:

- (a) Ya. Langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk mengatasi kekurangan ini ada-lah seperti berikut:
  - (i) Menawarkan biasiswa Persekutuan kepada penuntut<sup>2</sup> dan guru<sup>2</sup> yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus<sup>2</sup> di-Yayasan<sup>2</sup> Pelajaran Tinggi tempatan dan di-luar negeri. Umpama-nya untuk memenuhi keperluan sekolah<sup>2</sup> menengah kebangsaan, penuntut<sup>2</sup> telah di-hantar ka-Indonesia.
  - (ii) Universiti Malaya telah menambahkan pengambilan Siswazah<sup>2</sup> Sains dan Ilmu Hisab ka-dalam Fakulti Pendidikan.
  - (iii) Universiti Sains Malaysia telah mengadakan kursus Ijazah Sains dan pendidikan.
  - (iv) Maktab Pertanian Serdang telah mengadakan kursus untuk mengeluarkan siswazah<sup>2</sup> di-dalam bidang Sains Kaji Hayat dan Kimia.
  - (v) Institut Teknologi Kebangsaan telah mengadakan kursus<sup>2</sup> untuk mengeluarkan siswazah<sup>2</sup> di-dalam jurusan Fizik Ilmu Hisab dan Kimia.
  - (vi) Mula<sup>2</sup> daripada tahun ini, siswa-zah<sup>2</sup> Sains dan Ilmu Hisab yang tidak mendapat tempat dalam Fakulti Pendidikan Universiti

Malaya akan di-ambil dan di-berikan kursus pendidekan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

Untuk memenohi kekurangan yang terdapat sekarang ini tenaga pengajar daripada pasokan<sup>2</sup> suka-relawan Amerika Sharikat dan Indonesia telah di-perolehi.

(b) 3,000.

#### LAYANAN MAKAN— KETIDAKSAMAAN

**46. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sa-chara perinchian sama ada terdapat apa<sup>2</sup> ketidak-samaan mengenai layanan makan di-asrama, wang saku dan warrant teket bagi penuntut<sup>2</sup> Maktab Melayu Kuala Kangsar, Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh (STAR), Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR) Seremban, Sekolah Tengku Kurshiah dan Sekolah Tun Fatimah, Johor.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Ya, ketidak-samaan ini memang ada.

Dari segi layanan makanan, penuntut<sup>2</sup> di-Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Kolej Tengku Kurshiah, Seremban mendapat bantuan sa-banyak \$1.45 sa-orang, sa-hari. Penuntut<sup>2</sup> di-Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban dan Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru mendapat bantuan sa-banyak 72½ sen sa-orang, sa-hari.

Dari segi wang saku, penuntut<sup>2</sup> di-Kolej Melayu, Kuala Kangsar dan Kolej Tengku Kurshiah, Seremban tidak mendapat apa<sup>2</sup>. Penuntut<sup>2</sup> di-Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban dan Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru mendapat sa-banyak \$10 sa-orang sa-bulan kechuali penuntut<sup>2</sup> di-Tingkatan VI yang mendapat biasiswa kechil Persekutuan. Biasiswa kechil Persekutuan ini di-berikan juga kepada penuntut<sup>2</sup> di-Tingkatan VI di-Kolej Melayu, Kuala Kangsar dan Kolej Tengku Kurshiah, Seremban.

Dari segi teket waran, semua penuntut<sup>2</sup> dari sekolah<sup>2</sup> berasrama penoh dari Tingkatan Peralehan hingga Tingkatan V yang tinggal berhampiran dengan steshen Keretapi di-beri teket waran. Yang tinggal berjauhan dari steshen Keretapi di-beri tambang bas.

Penuntut<sup>2</sup> dalam Tingkatan VI di-sekolah<sup>2</sup> tersebut tidak di-beri teket waran kechuali penuntut<sup>2</sup> Tingkatan VI di-Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak, Seremban dan Kolej Tengku Kurshiah, Seremban.

Keadaan ketidak-samaan ini sedang di-kaji oleh Kementerian dengan tujuan hendak menyelaraskan.

#### GURU<sup>2</sup> SISWAZAH—LAPORAN IGC

**47. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) chara<sup>2</sup>-nya guru<sup>2</sup> siswazah dari Malaysia Barat, Australia, New Zealand, Canada dan United Kingdom di-ambil berkhidmat di-Malaysia Timor; dan
- (b) siapa-kah yang membayar gaji dan tambang dan berapa lama-kah mereka terpaksa berkhidmat di-sana.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Saya tidak dapat menjawab soalan<sup>2</sup> ini kerana mengikut perenggan 17, laporan "Inter-Governmental Committee, 1962" dasar pelajaran dan sistem pentadbiran pelajaran negeri<sup>2</sup> di-Malaysia Timor ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri masing<sup>2</sup>. Ini termasuk-lah chara pengambilan guru<sup>2</sup>, dan bayaran gaji mereka.

#### TANGKAPAN<sup>2</sup> DI-BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

**48. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada sa-barang tangkapan terhadap ahli<sup>2</sup> politik pernah di-lakukan sejak demokrasi berparlimen di-pulehkan.
- (b) jika pernah, berapa orang dan di-mana mereka di-tahan; dan
- (c) mengapa mereka di-tangkap.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Jika sa-kira-nya maksud soalan itu ia-lah tangkapan<sup>2</sup> di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960, maka jawapan-nya ia-lah: Tidak.

#### KOMINIS DI-TANGKAP— PENYOKONG<sup>2</sup>

**49. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orang-kah penyokong<sup>2</sup> komunis atau orang<sup>2</sup>

yang di-shaki telah di-tahan sejak operasi<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> Perak Utara dan Kedah Selatan di-lancharkan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Sejak gerakan<sup>2</sup> tersebut di-lancharkan dalam bulan September 1971, sa-ramai 236 orang penyokong<sup>2</sup> Komunis telah di-tangkap. Dari jumlah tersebut itu sa-banyak 100 orang telah di-bebaskan, 51 orang telah di-bebaskan dengan syarat, 33 orang telah di-kenakan Perintah Tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 dan 42 orang maseh dalam siasatan.

#### SIJIL<sup>2</sup> KEWARGANEGARAAN— PERMOHONAN

**50. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perkara<sup>2</sup> berikut bagi tahun<sup>2</sup> 1968, 1969, 1970 dan 1971:

- (a) Jumlah orang<sup>2</sup> yang telah membuat permohonan untuk Sijil<sup>2</sup> Kewarganegaraan di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan;
- (b) Jumlah pemohon<sup>2</sup> yang telah berjaya mendapatkan Sijil Kewarganegaraan di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan;
- (c) Jumlah permohonan<sup>2</sup> yang di-tolak di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan; dan

- (d) Jumlah pemohon<sup>2</sup> yang telah pun lulus ujian Bahasa Malaysia tetapi belum lagi di-panggil untuk mengangkat sumpah.

#### **Tun Dr Ismail Al-Haj:**

- (a) Bilangan permohonan<sup>2</sup> yang di-terima di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan bagi tahun<sup>2</sup> 1968, 1969, 1970 dan 1971 ada-lah seperti di-Lampiran "A";
- (b) Jumlah pemohon<sup>2</sup> yang berjaya mendapat Sijil Kewarganegaraan di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan bagi tahun 1968, 1969, 1970 dan 1971 ada-lah seperti di-Lampiran "B";
- (c) Jumlah permohonan<sup>2</sup> yang di-tolak di-bawah Perkara<sup>2</sup> yang berlainan dalam Perlembagaan bagi tahun<sup>2</sup> 1968, 1969, 1970 dan 1971 ada-lah seperti di-Lampiran "C";
- (d) Jumlah permohonan<sup>2</sup> yang telah lulus ujian Bahasa Malaysia ia-itu permohonan<sup>2</sup> di-bawah Perkara 16 dan 19 Perlembagaan, yang belum di-selesaikan ia-lah:

|      | Perkara 16 | Perkara 19 | Jumlah |
|------|------------|------------|--------|
| 1968 | ...        | 20         | 428    |
| 1969 | ...        | 78         | 6,078  |
| 1970 | ...        | 266        | 3,651  |
| 1971 | ...        | 3,000      | 1,720  |
|      |            | <hr/>      | <hr/>  |
|      |            | 3,364      | 11,877 |
|      |            | <hr/>      | <hr/>  |
|      |            |            | 15,241 |

## LAMPIRAN A

PERMOHONAN<sup>2</sup> UNTUK KEWARGANEGARAAN YANG DI-TERIMA DALAM TAHUN<sup>2</sup>  
1968, 1969, 1970 DAN 1971

| Tahun | Perkara | 14 | 15A | 15(1) | 15(2)  | 15(3) | 16     | 16A    | 17    | 19(1)(a)<br>(i) | 19(2) | 30(1) | Jumlah |
|-------|---------|----|-----|-------|--------|-------|--------|--------|-------|-----------------|-------|-------|--------|
| 1968  | ..      | .. | 34  | 2     | 2,491  | 4,684 | 29,841 | 10,815 | 2,319 | —               | 6,580 | 43    | 56,855 |
| 1969  | ..      | .. | 14  | —     | 5,089  | 6,389 | 33,843 | 11,207 | 1,805 | —               | 6,907 | 63    | 65,371 |
| 1970  | ..      | .. | 111 | 115   | 10,223 | 7,468 | 34,800 | 13,594 | 2,703 | 2               | 7,125 | 72    | 76,297 |
| 1971  | ..      | .. | 425 | 635   | 6,315  | 6,185 | 33,875 | 16,542 | 3,603 | —               | 4,513 | 40    | 72,143 |

## LAMPIRAN B

SIJIL<sup>2</sup> KEWARGANEGARAAN YANG DI-KELUARKAN DALAM TAHUN<sup>2</sup>  
1968, 1969, 1970 DAN 1971

| Tahun | Perkara | 14 | 15A | 15(1) | 15(2)  | 15(3) | 16     | 16A    | 17    | 19(1)(a)<br>(i) | 19(2) | 30(1) | Jumlah |
|-------|---------|----|-----|-------|--------|-------|--------|--------|-------|-----------------|-------|-------|--------|
| 1968  | ..      | .. | 6   | —     | 2,203  | 4,268 | 27,191 | 8,623  | 2,548 | 62              | 2,380 | 35    | 47,344 |
| 1969  | ..      | .. | —   | —     | 1,883  | 3,390 | 21,175 | 8,235  | 1,280 | 29              | 4,716 | 24    | 40,759 |
| 1970  | ..      | .. | 5   | 3     | 4,762  | 5,313 | 28,566 | 9,469  | 949   | 11              | 2,455 | 14    | 51,551 |
| 1971  | ..      | .. | 19  | 5     | 10,138 | 6,229 | 42,839 | 17,335 | 2,871 | 10              | 1,834 | 29    | 81,311 |

## LAMPIRAN C

PERMOHONAN<sup>2</sup> UNTUK KEWARGANEGARAAN YANG TELAH DI-TOLAK  
1968, 1969, 1970 DAN 1971

| Tahun | Perkara | 14  | 15A | 15(1) | 15(2) | 15(3) | 16  | 16A | 17 | 19(1)(a)<br>(i) | 19A(1) | 19(2) | 30 | 30(1) | 30(3) | Jumlah |
|-------|---------|-----|-----|-------|-------|-------|-----|-----|----|-----------------|--------|-------|----|-------|-------|--------|
| 1968  | ..      | 63  | 5   | 36    | 173   | 1,645 | 99  | 115 | 18 | 874             | 1      | 11    | 1  | 22    | 4     | 3,067  |
| 1969  | ..      | 71  | —   | 27    | 141   | 827   | 82  | 52  | 7  | 1,085           | —      | 11    | —  | 9     | —     | 2,312  |
| 1970  | ..      | 61  | 1   | 75    | 289   | 1,206 | 98  | 50  | 4  | 815             | —      | 4     | —  | 4     | —     | 2,607  |
| 1971  | ..      | 350 | 94  | 158   | 428   | 915   | 382 | 130 | 16 | 3,181           | —      | 14    | —  | 46    | —     | 5,714  |

### PERWAKILAN DI-DACCA— MENUBOHKAN

**51. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan kita akan mewujudkan hubungan diplomatik dengan Bangla Desh.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kerajaan sedang mengambil langkah<sup>2</sup> perlu untuk menubuhkan satu perwakilan di-Dacca.

(Dengan izin) The Government is taking steps to establish a mission in Dacca.

### PEGAWAI<sup>2</sup> KERAJAAN— PERTUKARAN

**52. Tuan J. Stephen Tibok** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar pengeluaran perintah<sup>2</sup> pertukaran kepada pegawai<sup>2</sup> dari satu Residen di Sabah ber-gantung kepada ada tidak-nya jawatan<sup>2</sup> bagi isteri<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> itu di-tempat mereka hendak di-tukarkan.

**Perdana Menteri:** Pertukaran pegawai<sup>2</sup> Kerajaan di-mana juga ada-lah di-buat terta'alok kepada kehendak<sup>2</sup> perkhidmatan dan bukan-lah sa-mata<sup>2</sup> untuk tujuan seperti yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### SENARAI PENGUNDI<sup>2</sup>— PEMEREKSAAN

**53. Tuan Goh Hock Guan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peratoran bagi senarai<sup>2</sup> pengundi yang di-buka untuk pemeriksaan orang ramai di-pondok<sup>2</sup> polis ada-lah tidak memuaskan kerana:

- (a) 2 minggu ada-lah masa yang terlalu singkat, sa-patut-nya masa ini mestilah di-panjangkan hingga 2 bulan;
- (b) mata<sup>2</sup> yang bertugas di-pondok<sup>2</sup> polis ini tidak di-latih untuk membantu orang<sup>2</sup> ramai memeriksa nama mereka; dan
- (c) 5,000 pengundi baharu tidak-lah dapat memeriksa nama<sup>2</sup> mereka apabila semua nama<sup>2</sup> ini di-hantar ka-Pusat yang sama tetapi pusat itu hanya dapat menampung 100 sa-hari.

### Perdana Menteri:

- (a) Masa 2 minggu yang di-beri bagi pemereksaan senarai pengundi<sup>2</sup> itu ada-lah mencukupi dan ada-lah mengikut Peratoran<sup>2</sup> Pilehanraya (Pendaftaran Pemilih<sup>2</sup>), 1971.
- (b) Daripada 4,340 daerah mengundi chuma 51 pondok polis sahaja digunakan untuk mempamerkan daftar<sup>2</sup> pemilih, dan pondok<sup>2</sup> polis ini ada-lah Pusat tambahan sahaja.
- (c) Sa-panjang pengetahuan pehak Suruhanjaya Pilehanraya perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berlaku kerana masa sa-panjang 2 minggu telah di-beri untuk perkara<sup>2</sup> berhubung dengan pemereksaan daftar pemilih.

### USUL<sup>2</sup>

### JAWATAN-KUASA PILEHAN KHAS PARLIMEN—MELANTEK (SPECIAL SELECT COMMITTEE)

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani Usul yang di-kemukakan atas nama saya. Chadangan ini ada sedikit pindaan dan pindaan itu telah di-perkelilingkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sekalian.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tentu maseh ingat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-dalam Titah Uchapan-nya di-masa merasmikan pembukaan Meshuarat Pertama Penggal Kedua Dewan ini baharu<sup>2</sup> ini telah menitahkan bahawa Kerajaan berchadang hendak menubuhkan satu Jawatan-kuasa Pilehan Khas Parlimen mengandongi wakil<sup>2</sup> daripada semua Parti di-dalam Parlimen ini bagi mengkaji dengan sedalam<sup>2</sup>-nya dan membuat perakuan<sup>2</sup> berhubung dengan penayangan filem<sup>2</sup> yang menjadi persoalan kerana menyentoh fahaman dan nilai<sup>2</sup> moral beberapa lapisan dan golongan ra'ayat di-negeri ini.

Penayangan filem<sup>2</sup> yang di-kelaskan "Untuk Orang<sup>2</sup> Dewasa Sahaja" telah di-bangkitkan di-dalam dan luar Dewan ini dan Dewan Negara. Orang<sup>2</sup> ramai juga telah menyuarakan perkara<sup>2</sup> ini di-dalam akhbar<sup>2</sup> tempatan.

Oleh kerana perkara ini telah menjadi soalan yang mendapat minat daripada orang ramai, maka ada-lah di-fikirkan sesuai satu Jawatan-kuasa Pilehan Khas Parlimen (Special Select Committee) di-bentuk oleh Dewan ini mengikut kehendak<sup>2</sup> Peratoran 81, Peratoran Meshuarat Dewan ini untuk mengkaji kedudukan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekarang mengusulkan:

Bahawa mengikut kehendak<sup>2</sup> Peratoran 81, Peratoran Meshuarat Dewan Ra'ayat, Dewan ini melantek sa-buah Jawatan-kuasa Pilehan Khas Parlimen (Special Select Committee) dan di-beri tugas seperti berikut:

- (a) Menyiasat dan mendapat buah fikiran orang ramai dengan chara lisan atau bertulis dan mengkaji sa-dalam<sup>2</sup>-nya sama ada filem<sup>2</sup> yang menjadi soalan kerana menyentoh fahaman dan nilai<sup>2</sup> moral beberapa lapisan dan gulongan ra'ayat patut di-teruskan penayangan-nya kepada orang ramai.
- (b) Mengemukakan laporan dan perakuan kepada Dewan ini sa-telah tamat mengadakan perbincangan dan perundingan.
- (c) Apabila membuat perakuan<sup>2</sup>-nya Jawatan-kuasa ini hendak-lah juga menimbangkan akibat<sup>2</sup>-nya penayangan filem<sup>2</sup> itu terhadap aspek<sup>2</sup> sosial, moral, kebudayaan dan ekonomi negara.

Bahawa Jawatan-kuasa Pilehan Khas ini hendak-lah terdiri daripada Ahli yang berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Ya'acob, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sa-bagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Enche' Lee Seck Fun;
- (iii) Yang Berhormat Enche' Musa bin Hitam;
- (iv) Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail;
- (v) Yang Berhormat Dr Awang bin Hassan;
- (vi) Yang Berhormat Enche' Hussain bin Haji Sulaiman;
- (vii) Yang Berhormat Enche' Chan Siang Sun;

- (viii) Yang Berhormat Enche' T. S. Gabriel;
- (ix) Yang Berhormat Puan Bibi Aishah binti Hamid Don;
- (x) Yang Berhormat Pengiran Tahir bin Pengiran Patera;
- (xi) Yang Berhormat Enche' Latip bin Haji Dris;
- (xii) Yang Berhormat Enche' Peter Paul Dason;
- (xiii) Yang Berhormat Enche' Loh Jee Mee;
- (xiv) Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah @ Haji Yusof Rawa;
- (xv) Yang Berhormat Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad;
- (xvi) Yang Berhormat Enche' Luhut Wan;
- (xvii) Yang Berhormat Dato' S. P. Seenivasagam;
- (xviii) Yang Berhormat Enche' Yeoh Teck Chye.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-persetujukan,

Bahawa mengikut kehendak<sup>2</sup> Peratoran 81 Peratoran Meshuarat Dewan Ra'ayat, Dewan ini melantek sa-buah Jawatan-kuasa Pilehan Khas Parlimen (Special Select Committee) dan di-beri tugas seperti berikut:

- (a) Menyiasat dan mendapat buah fikiran orang ramai dengan chara lisan atau bertulis dan mengkaji sa-dalam<sup>2</sup>-nya sama ada Filem<sup>2</sup> yang menjadi soalan kerana menyentoh fahaman dan nilai<sup>2</sup> moral beberapa lapisan dan gulongan ra'ayat patut di-teruskan penayangan-nya kepada orang ramai.
- (b) Mengemukakan laporan dan perakuan kepada Dewan ini sa-telah tamat mengadakan perbincangan dan perundingan.
- (c) Apabila membuat perakuan<sup>2</sup>-nya Jawatan-kuasa ini hendak-lah juga menimbangkan akibat<sup>2</sup>-nya penayangan filem<sup>2</sup> itu terhadap aspek<sup>2</sup> sosial, moral, kebudayaan dan ekonomi negara.

Bahawa Jawatan-kuasa Pilihan Khas ini hendaklah terdiri daripada ahli<sup>2</sup> yang berikut:

- (i) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Ya'acob, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sa-bagai Pengerusi;
- (ii) Yang Berhormat Enche' Lee Seck Fun;
- (iii) Yang Berhormat Enche' Musa bin Hitam;
- (iv) Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir bin Ismail;
- (v) Yang Berhormat Dr Awang bin Hassan;
- (vi) Yang Berhormat Enche' Hussain bin Haji Sulaiman;
- (vii) Yang Berhormat Enche' Chan Siang Sun;
- (viii) Yang Berhormat Enche' T. S. Gabriel;
- (ix) Yang Berhormat Puan Bibi Aishah binti Hamid Don;
- (x) Yang Berhormat Pengiran Tahir bin Pengiran Patera;
- (xi) Yang Berhormat Enche' Latip bin Haji Dris;
- (xii) Yang Berhormat Enche' Peter Paul Dason;
- (xiii) Yang Berhormat Enche' Loh Jee Mee;
- (xiv) Yang Berhormat Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah @ Haji Yusof Rawa;
- (xv) Yang Berhormat Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad;
- (xvi) Yang Berhormat Enche' Luhat Wan;
- (xvii) Yang Berhormat Dato' S. P. Seenivasagam;
- (xviii) Yang Berhormat Enche' Yeoh Teck Chye.

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 1), 1972

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Usul di-buat oleh Menteri Kewangan dan Masaalah di-chadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67c Usul yang berikut ini di-edarkan kepada Jawatan-kuasa sa-buah<sup>2</sup> Majlis:

Bahawa ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebih daripada \$102,063,341 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam

tahun Kewangan 1972, dan bagi maksud kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 17 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut setentangan dengan kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu. (18hb Mei, 1972).

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Dr Tan Chee Khoo (Batu)** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian dalam perbahathan di-atas Usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan di-samping itu, saya mohon izin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kerajaan hendak Dewan ini meluluskan Wang Anggaran Tambahan lebih \$100 juta. Saya ingin memberitahu kepada Kerajaan bahawa Kerajaan perlu atau berkehendak menjaga wang ra'ayat dengan teliti dan apa perbelanjaan yang di-kehendaki tidak di-buang ka-dalam longkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap ini, oleh sebab saya dapat tahu beberapa alat<sup>2</sup> atau perkakas<sup>2</sup> yang di-beli daripada wang ra'ayat atau di-hadiahkan atau di-beri oleh negeri luar, tetapi tidak di-gunakan bukan satu bulan, bukan dua bulan bahkan dua tiga tahun.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I do know for a fact that lots of these equipment have been lying about, some in stores, some in odd corners, all unopened and they run into, not hundreds, not thousands but into millions of dollars where, in fact, in many cases, such equipment is desperately needed by other quarters.

I shall give some examples, Mr. Speaker, Sir. We do know that the schools now are being asked to open vocational classes and give vocational instruction, which means that lots of these equipment like lathes and the like are desperately needed by schools which have such vocational sessions. While some schools are well-equipped, some schools have such equipment and are not making use of them, other schools have to scrounge about looking for such equipment—not for brand-new equipment because they cannot find money, they cannot get money from the Government or from foreign governments,

or other sources in this country, to help them out to buy equipment. But I do know for a fact that lots of these equipment are lying in store houses unopened. I hope the Minister of Education or his Parliamentary Secretary, who is not here today, will bear what I say and institute an instant investigation so that much needed equipment bought with the money of the taxpayers of this country or presented to this country by friendly foreign countries will not go waste and, as I stated just now, be thrown down the drain. Likewise, Mr Speaker, Sir, in practically most of the Ministries, such equipment are also ordered but not used and such crates are not even opened and this is how millions of dollars literally are being spent and are not being used.

I shall give one example, Mr Speaker, Sir. We have a Neurosurgical Department in the General Hospital, Kuala Lumpur. There is an equipment for X-ray of skull injuries, Sir, presented by the Federal Republic of Germany. The cost of that equipment is DM400,000. It has been lying in the store house for more than a year. Now, I ask the Ministry of Health: why is such equipment lying in the store house for such a long time when there is a desperate need for the use of such equipment? We must remember, Mr Speaker, Sir, that if such an equipment is not being used, then foreign governments are very chary next time of making such gifts to this country. I am informed that this equipment cannot be found anywhere between Bangkok and Jakarta. If the Ministry of Health does not make use of this equipment, then it jeopardises other Ministries who may want to get equipment, not of the same nature but perhaps of another nature because, when foreign governments find that their equipment are literally rotting away in the warehouse, they are not likely to take kindly to any request for aid in the future.

The other thing, Mr Speaker, Sir, I would like to ask the Ministry of Health: have they any technicians to make use of this equipment? This equipment, I am told, is a very specialised equipment with which I gather none of the technicians or none of radiographers in the General Hospital are qualified to take pictures. Now, if we do not have the technicians to take X-rays with such an equipment, the sensible thing would be, long before the arrival of such equipment, either we send our technicians to Germany to

be trained in the use of such equipment or we ask Germany to send over one or two technicians to this country to train our local people. I regret to say that none of these steps are being taken by the Ministry of Health and again it makes us the laughing stock of some friendly countries who seek to help us. But we regretfully do not make use of the best of all the opportunities that are opened to us. So that, Mr Speaker, Sir, when we see that hundreds of millions are being spent over the whole year, if finally the accounting is done for 1972, I think \$910 millions are the target for this year to be actually spent, I will take such expenditure with a bit of salt because I want to know how much of that which is being spent, is actually benefiting the ra'ayat of this country.

Mr Speaker, Sir, the other thing I want to say is that we must look carefully into Government expenditure when it runs into millions. The Government says quite proudly, you know, we are stepping up our expenditure on development: in 1969 it was round about \$625 million and now it is going on closer to \$900-over million in 1972. I say that this increase, a large part of it, consists of writing big cheques by either Pernas or Mara. Now, writing big cheques is not the best way of spending money for the ra'ayat. An example of this is the questionable investment of Pernas in the Hilton Hotel where we saw how the scaffolding collapsed and killed one or two workers there. Now, it is true that Hilton with its international ramifications, may well make the Hilton Hotel a viable project. But I want to question the wisdom of writing big cheques in other projects where they may not be viable and where it is of primary importance how does the writing of these big cheques for big projects helps the bumiputras in the kampongs.

Mr Speaker, Sir, recently I was in Manong—on Sunday I was in Manong—and the Malays there asked me point blank, "Doctor, you have seen for yourself this little corner of Malaysia. How have we ever benefited from all the schemes that are being talked about in Kuala Lumpur?" And I had to confess I am not there to defend the Government. I said it would be for them to go and ask the Government officials, MARA and the like. The people in the kampongs, they have never heard of the Hilton, they have not ever gone anywhere near the foyer

of Hilton, and yet millions are spent in the name of helping the bumiputras of this country.

Mr Speaker, Sir, this year, in these Supplementary Estimates, the allocation of \$3 million is being asked for to provide for rural electrification. I do not wish to reiterate what I have said time and again in this House how this provision of \$15 million over a five year period is totally inadequate for rural electrification, particularly, Mr Speaker, Sir, when we see that the N.E.B. is making profits to the tune of over \$50 million. Its workers are asking: what about our enjoying a bit of this huge profit of the N.E.B.? Mr Speaker, Sir, I say that some of the profits made by the N.E.B. should be ploughed back to provide for greater electrification and in a way it helps the N.E.B. because the more people use electricity, particularly in the rural areas, the more revenue the N.E.B. gets. Sir, I hope that the N.E.B. will get together with the Central Government and with the various State Governments, and see that for the rest of 3½ years of this Second Malaysia Plan we should double the allocation for rural electrification in our country. In my own small backyard of Batu, as the crow flies from here it is less than 2 miles to Sungei Penchala. I made an adjournment speech and I brought the kampong folks to sit over there to listen to a reply from the then Minister of Commerce and Industry, but I regret up to today, although I have been agitating for more than five years for a kampong which is only two miles as the crow flies from here, I cannot get electricity for them and they ask me: "Doktor, bagaimana Kerajaan Perikatan yang sentiasa mengatakan ia-itu Kerajaan hendak meninggikan taraf kehidupan ra'ayat?" "Ada-kah kami bukan ra'ayat?" mereka bertanya. "Kami bukan-kah penduduk<sup>2</sup> di-tanah ayer kita ini? Mengapa-kah kita tidak boleh dapat lampu letrik di-kampong ini? Tengok doktor, tengok semua-nya gelap sahaja. Malam ini, kami ta' berani keluar berjalan<sup>2</sup> di-kampong ini."

Mr Speaker, Sir, this is why I say that some of the expenditure in our Second Malaysia Plan are lop-sided. If the \$16 million that is now allocated to Hotel Merlin were ploughed into rural electrification, I dare say thousands in this country will go on

bending knees and thank the gods that the Alliance at last brought electricity to their villages.

Mr Speaker, Sir, I am very glad that the Government has in these Supplementary Development Estimates provided quite a good bit for the Orang Asli in this country. I want to ask the Government whether it has made up its mind as to what policy to pursue. Whether it should allow the Orang Asli to remain in their natural habitat and go about in loin-cloth and be shown as exhibits, as the Member for Kuala Selangor has mentioned, to tourists in this country, or whether the Government is prepared to modernise the society of the Orang Asli? This is a crucial question because all these things that I see before this House do not mean much. I say, Mr Speaker, Sir, that the right thing would be, since all bumiputras are not prepared to lag behind in the kampongs and since the Orang Asli are bumiputra tulens, we should make a serious attempt to modernise the society. I want to ask, for example, the Minister of Education, how many orang bumiputras have finished L.C.E. and M.C.E. and has any one of them ever gone to H.S.C. and much less to the University? It is 15 years since Merdeka and what have we done for the Orang Asli of this country? I am glad that \$1,732 million is being provided for Orang Asli in these Supplementary Development Estimates, but I say that, if we want to modernise the way of living of the Orang Asli, then we must make a serious attempt to lure them out of their natural habitat. For example, the Chairman of the L.K.T.P. should make a serious attempt, not just chakap, chakap sahaja, but make a serious attempt to visit the Orang Asli in their natural habitat and say: "Look here, the few acres that you cultivate no longer provide you with a viable living and therefore you should come out. I have here 3,000 acres for you in Pahang, come all ye who are heavy-laden and I will give you land".

**Tuan Musa Hitam (Segamat Utara):** Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya saya pergi membuat penjelasan kepada Orang<sup>2</sup> Asli untuk masuk ka-Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, saya tidak akan berchakap dengan bagitu dramatik seperti Ahli Yang Berhormat dari Batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sangka, kalau dia pergi macham itu dia berchakap.

**Dr Tan Chee Khoo:** Kalau sa-kira-nya saya ada peluang untuk berhubung dengan Orang<sup>2</sup> Asli, alhamdulillah saya boleh berjaya. (*Ketawa*).

Mr Speaker, Sir, I want to make a plea, and a very strong plea at that, that we should make a serious attempt, we should improve their way of living, we should improve their education. If we talk of restructuring Malaysian Society, surely the first restructuring should be done among, what I call, the bumiputra tulens of this country. But I regret to say that very little, if any, has been done to restructure their society so that if you go along—you do not have to go far—in my own constituency just a little away from Penchala you see Orang Asli going about in loin-cloth and if you go up to Cameron Highlands you see lots of them. But the Government says “No, we have in Ulu Gombak, 8 miles from here, wonderful facilities”. Of course, wonderful facilities; they get malaria, they get all sorts of diseases and they are brought there. Is this the way we want to restructure their society? We should take them out and modernise their way of living.

Mr Speaker, Sir, lastly, I wish to speak a little on the pineapple cannery which is now asking for an allocation under these Supplementary Estimates.

I want only to say that we should, in addition to getting pineapple slices and pineapple cubes for export, make a serious attempt, perhaps by NISIR or perhaps by some other agency, to see that the waste or the by-products from pineapple canning should be made use of. Every little bit of the pineapple should not be thrown away, because, if we do so, then we are literally throwing away money down the drain. I believe there must be scientists in NISIR who are well qualified to look into this problem. If we do not have, there is no reason why we should not look for assistance from UNESCO or other agencies, so that we can make the fullest use of all our primary products in this country. Thank you, Sir.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara):** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang ada di-hadapan kita ini. Di-samping itu saya menentang pandangan yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi yang mengatakan wang

anggaran ini banyak di-buangkan ka-dalam longkang. Dato' Yang di-Pertua, pada pendapat saya bahawa wang ini ada-lah di-keluarkan untuk memberi faedah kepada negara dan ra'ayat negeri ini, khas-nya Kerajaan banyak melaksanakan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini.

Perkara yang saya hendak sentoh, Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan Kepala 14—Pinjaman Wang. Pinjaman ini yang saya maksudkan ia-itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberikan wang sa-banyak \$20 juta ini saya harap supaya segera menyampaikan pinjaman ini kepada projek perkilangan di-daerah Muar sa-luas 200 ekar. Ini telah di-tunggu khas-nya daripada ahli<sup>2</sup> perusahaan kita supaya projek ini di-jalankan dengan sa-berapa segera yang boleh. Sa-kira-nya rancangan ini dapat di-jalankan, maka dengan itu akan mengurangkan pengangguran, khas-nya dalam daerah Muar dan 'am-nya dalam negeri Johor.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, dalam Pechahan-kepala 191—Bekalan Letrik. Saya juga sama dengan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain bahawa bekalan letrik ini sangat sedikit di-peruntukan oleh Kerajaan. Oleh itu di-masa akan datang saya merayu kepada Kerajaan supaya menambahkan perbekalan kerana bekalan api letrik, khas-nya di-luar bandar ini di-tambahkan dengan kewangan yang lebih banyak lagi. Dalam masa'alalah pentadbiran bekalan letrik ini, Dato' Yang di-Pertua, gemar saya memberitahu Dewan ini mendatangkan satu kegelisahan kepada ra'ayat di-luar bandar, khas-nya pengguna<sup>2</sup> letrik. Lembaga ini bila mana membuat rancangan di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar segala pokok<sup>2</sup> kayu yang terkena dalam rancangan ini, Lembaga ini tidak membayar wang. Adakala-nya di-suruh orang kampung menebang pokok<sup>2</sup> kayu itu. Sa-lain daripada tidak di-bayar wang di-suruh tebang dan di-janjikan bekalan letrik itu akan sampai, tetapi malang-nya bekalan api yang di-kehendaki oleh ra'ayat itu tidak di-berikan oleh Lembaga ini.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, dalam masa'alah orang ramai yang kena maut dengan sebab kemalangan letrik ini bertambah ramai. Saya harap Lembaga ini memberikan satu peratoran supaya boleh menyelamatkan orang ramai daripada mangsa letrik ini dan saya harap kepada Lembaga

ini supaya memberikan sagu hati kepada ahli<sup>2</sup> warith yang kena maut dengan sebab mangsa api ini.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, gemar saya melanjutkan masa'alah bekalan letrik ini bahawa tidak patut Lembaga ini bila mana sa-orang peserta lewat membayar api itu di-kenakan denda \$3.00. Saya menganjorkan supaya di-kenakan kurang \$1.00 sahaja dan pegawai<sup>2</sup> yang datang ka-rumah untuk membaiki bekalan letrik, sama ada di-rumah atau pun di-kedai<sup>2</sup> atau di-kilang tidak-lah di-kenakan bayaran kepada orang yang memanggil pegawai letrik ka-tempat itu, sebab ini ada-lah urusan-nya dan urusan perniagaan-nya.

Dato' Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan dalam Anggaran Perbelanjaan ini ia-lah P. 61—Kementerian Perusahaan Utama, dalam ranchangan menanam getah sa-mula yang telah membelanjakan wang sa-banyak \$16 juta lebeh. Menurut hemat saya, Dato' Yang di-Pertua, wang yang di-berikan ini ada-lah mengechewakan pekebun<sup>2</sup> kechil kita sebab saya telah membuat satu soalan dalam Dewan ini yang mana Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menyatakan bahawa 40% daripada jumlah pekebun kechil kita keadaan-nya ada-lah mengechewakan. Oleh itu saya nampak supaya Kementerian ini mengkaji sa-mula ranchangan menanam getah sa-mula ini supaya dapat ranchangan ini benar<sup>2</sup> di-nekmati oleh pekebun kechil dengan tidak mahu memberi wang daripada perbadanan ini. Saya katakan, Dato' Yang di-Pertua, pada masa yang lalu bahawa pemberian baja dan benih kepada pekebun kechil itu ada-lah melalui sistem kontrek. Ini kadangkala ada yang di-khianati oleh kontrek<sup>2</sup> itu, ia-itu baja yang kurang mutu atau kurang pemberian-nya dan juga mutu benih getah itu tidak sa-bagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, dalam masa'alah bila mana penanam getah ini hendak menoreh getah-nya sa-mula tidak dapat nasehat daripada penasehat dan penyelidekan getah ada dalam Kementerian. Pada biasa-nya getah yang di-tanam sa-mula itu boleh berumur 20 atau 25 tahun, tetapi oleh sebab kurang nasehat daripada badan ini pokok getah itu di-tanam hanya boleh hidup dalam masa 10 tahun atau 15 tahun dan susu-nya yang keluar daripada pokok

getah ini sangat kurang. Oleh itu saya harap supaya Kerajaan mengkaji sa-mula dalam ranchangan menanam getah sa-mula ini dan kalau tidak saya mengharapkan Kerajaan supaya mengadakan sa-buah badan surohan-jaya menyiasat kesulitan dan aduan<sup>2</sup> daripada pekebun kechil kita pada masa ini. Kalau boleh kita minta daripada ahli<sup>2</sup> Universiti Pertanian menjalankan penyiasatan kepada pekebun<sup>2</sup> kechil ini. Sebab, Dato' Yang di-Pertua, satu usaha yang sangat mendukachitakan kita dalam ranchangan ini Kerajaan menggalakkan kuasa usaha kepada memulehkan tanah yang akan di-tanam sa-mula di-berikan pada satu kuasa, kuasausaha itu di-berikan kepada sa-orang, tetapi sa-saorang ini bila mana dia dapat ranchangan yang pertama dan ranchangan yang kedua sa-banyak \$300 tanah itu di-tinggalkan-nya, tatkala itu hampa-lah harapan pekebun<sup>2</sup> kechil kita dan juga Kerajaan dalam ranchangan ini. Saya harap Kerajaan akan memberikan perhatian dalam masa'alah ini dengan chara bersungguh<sup>2</sup> demi hendak menyesuaikan pekebun kechil ini dalam Dasar Ekonomi Baru dan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Anggaran Pembangunan (Tambahan) yang sedang di-bentang dalam Majlis yang mulia ini. Saya suka menyentuh Kepala P. 61—Kementerian Perusahaan Utama dan Pechahan-kepala 11, 35 dan 36 bagi negeri Sarawak dengan rengkas-nya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Behomat, sekarang kita berbath atas dasar (polisi) sahaja, tidak payah pergi kepada detail-nya.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Baik-lah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Bila sampai kepada Committee Stage nanti, Ahli Yang Berhormat boleh-lah sentoh atas pechahan<sup>2</sup>-kepala-nya.

**Tuan Latip bin Haji Dris:** Mengikut apa yang kita ketahui ia-itu pada masa sekarang harga getah di-pasaran dunia merosot sangat. Saya rasa lebeh elok wang yang di-untukkan bagi menanam sa-mula getah itu di-kurangkan dan di-beri bantuan kepada tanaman<sup>2</sup> yang lain saperti lada, kelapa atau pun kelapa

sawit dan sa-bagai-nya supaya dapat membantu lebih banyak lagi bagi ra'ayat yang mengambil bahagian dalam ranchangan<sup>2</sup> tersebut.

Tuan Yang di-Pertuan, berkenaan dengan penyelidekan kayu dan latehan teknik serta kemudahan<sup>2</sup> penyelidekan hutan di-Sarawak ada-lah sangat perlu. Saperti yang kita ketahui negeri Sarawak ada-lah yang mempunyai kawasan hutan yang besar serta mengandungi bermacham<sup>2</sup> jenis kayu-kayan yang agak dapat menjadi kayu perdagangan negara kita. Sekarang kayu remin, jenis meranti, jongkong dan sa-bagai-nya ada-lah di-antara kayu<sup>2</sup> yang di-export keluar negeri bagi mendapat tukaran wang luar yang banyak. Dan saya rasa banyak lagi jenis<sup>2</sup> pokok besar saperti keruning dan kapor bukit yang tumbuh banyak di-hutan negeri Sarawak belum dapat di-keluarkan untuk export, oleh sebab pokok<sup>2</sup> ini ada-lah pokok yang tenggelam dalam ayer, payah hendak di-keluarkan mengikut sungai jika di-buat rakit saperti kayu<sup>2</sup> yang timbul. Dari itu, saya berharap Kementerian yang berkenaan dapat membuat perusahaan hutan bagi memproses kayu<sup>2</sup> ini demi menambah lagi pendapatan negara dan juga memberi Kerajaan kapada semua lapisan ra'ayat di-negara kita ini. Sekian, terima kaseh.

**Tuan Luhah Wan (Baram):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh sedikit dalam beberapa perkara. Anggaran yang di-beri dari Kerajaan Pusat kapada Kerajaan Negeri Sarawak saya pun merasa senang hati oleh kerana peruntokan bagi negeri Sarawak dalam anggaran ini ada-lah agak-nya besar dan yang pertama saya hendak menyentoh di-sini, Tuan Yang di-Pertua, mengenai anggaran yang di-beri kapada Pusat Penyelidek Kayu dan Teknik. Saya membawa ini kapada pandangan pemerintah Pusat oleh kerana pada masa ini negeri Sarawak atau pun negeri Malaysia ekonomi-nya ada-lah bergantung kapada kayu balak dan sa-bagai-nya. Saya juga suka hati oleh kerana pada masa ini di-negeri Sarawak itu ada mempunyai berbagai<sup>2</sup> wilayah yang di-katakan protected forest area. Ini ada-lah sangat perlu dan sangat baik untuk kepentingan negeri kita. Akan tetapi saya memberi penjelasan kapada Menteri yang bertanggung jawab supaya semua hutan simpan ini dapat di-kawal dengan baik dengan tidak kena rosak apa<sup>2</sup> oleh sa-orang juga pun. Saya sangat berat hati pada masa yang telah lampau saya

ada melihat dalam kawasan saya bahawa sa-paroh daripada hutan<sup>2</sup> simpan telah pun di-ganggu atau pun di-tebang untuk membuat ladang<sup>2</sup> padi bukit oleh petani<sup>2</sup> dalam kawasan itu. Mungkin pehak yang berkenaan belum lagi sedar bahawa keadaan yang tersebut telah benar<sup>2</sup> berlaku. Jadi saya dengan sa-berapa daya upaya telah berhubung dengan Pejabat Perhutanan Negeri Sarawak dan juga dengan Resident dan juga dengan District Officer dan juga Divisional Section Forest Officer dalam Division IV mengenai hal ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semua illegal fellers ini mereka mengatakan dengan saya bila saya chuba menyiasat hal ini, kata-nya jika Kerajaan tidak membiarkan mereka membuat ladang padi dalam hutan simpan ini, "di-mana-kah tempat-nya untuk kami supaya menanam padi untuk keluarga kami dan orang<sup>2</sup> kami dalam sa-bilek", kata mereka. Saya fikir tidak ada chara lain bahkan kita mengikut chara<sup>2</sup> yang baharu ia-itu harus-lah Kerajaan Negeri membuat ranchangan parit dan taliayer. Perkara ini pun telah saya bangkitkan dalam meeting daerah (Divisional Development Committee dan District Development Committee) bahawa ranchangan parit dan taliayer sangat mustahak dalam kawasan itu. Pertama untuk menyelamatkan hutan<sup>2</sup> simpan dalam kawasan itu. Jikalau perkara ini telah di-buat oleh Kerajaan Tempatan neschaya sa-kali jawab-nya senang kapada illegal fellers yang mana pun sedang menebang hutan simpan di-dalam kawasan itu. Jika mereka mengatakan di-mana-kah letak-nya kami akan di-taroh oleh Kerajaan Tempatan supaya kami dapat menanam padi, senang sahaja, di-sini kawasan-nya. Jadi dalam beberapa minggu yang telah lalu saya sudah melihat satu tempat yang agak-nya baik dan perkara ini pun telah saya bangkitkan kapada Director of Drainage and Irrigation and Director of Agriculture supaya tempat ini di-buat parit dan taliayer supaya semua illegal fellers ini dapat di-kumpulkan semua sa-kali masuk dalam kawasan itu supaya keselamatan hutan simpan dalam kawasan itu akan terselamat pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika perkara ini tidak di-buat oleh Kerajaan tempatan tentu sa-kali peruntokan di-beri untuk Pusat Penyelidekan Kayu-kayan dan Teknik ini tidak bererti kita akan terkejut melihat kebanyakan tempat. Kayu balak yang sangat penting dalam

kawasan itu akan habis di-tebang untuk di-tanamkan padi<sup>2</sup> bukit. Jadi tempat tersebut tadi yang layak untuk parit dan taliayer ialah di-Kampung Benawa letak-nya pun sangat dekat dengan Pusat Marudi ia-itu Daerah Baram yang memakan masa hanya satu jam dengan menggunakan speed boat. Saya harap peruntukan akan di-beri oleh Kementerian Pertanian supaya ranchangan ini dapat dilaksanakan dengan segera supaya mengelakkan kejadian<sup>2</sup> menebang kayu dalam kawasan protected forest area ini di-elakkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi pandangan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai anggaran yang agak-nya besar ia-itu anggaran untuk di-beri membuat ranchangan kepada saudara<sup>2</sup> kita Orang Asli di-Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, alang-kah baik jika sa-kira-nya sa-paroh daripada anggaran ini dapat di-beri kepada orang asli kita yang mana telah di-sebutkan di-dalam Dewan ini pada beberapa hari yang telah lalu ia-itu bangsa Punan. Oleh kerana pada masa ini saya yakin dan perchaya perkara ini sangatlah mustahak oleh kerana apa, dasar ekonomi baharu Malaysia ada-lah agak-nya begitu baik oleh kerana taraf kehidupan ra'ayat di-negeri ini mesti-lah di-samakan. Tuan Yang di-Pertua, semua tahu oleh kerana semua ra'ayat dalam Malaysia ini ada-lah di-bawah pemerintahan Malaysia dan di-bawah perlindungan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Jadi kita tidak sudi akan melihat satu gulungan atau pun satu bangsa di-antara ra'ayat di-dalam negara kita akan tertinggal di-dalam ranchangan atau di-dalam bidang ekonomi dan pelajaran dan hal perubatan pun hendak-lah kita mengamalkan atau pun amanahkan semua perjanjian<sup>2</sup> yang kita semua harap kepada ra'ayat<sup>2</sup> sakalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentoh sedikit mengenai satu peruntukan yang sangat besar yang di-beri oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Sarawak terhadap penanam sa-mula (replanting) getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun menyokong dengan syarat<sup>2</sup> yang di-katakan oleh Yang Berhormat dari Mukah itu tadi bahawa sekarang kata semua ketahui harga getah ini sangat merosot di-seluruh dunia jadi bagaimana-kah Kerajaan terus-menerus menggalakkan peladang<sup>2</sup> supaya menanam lebeh

banyak lagi getah. Oleh kerana sekarang, Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Sarawak getah bukan kurang, tetapi orang yang menoreh getah itu kurang. Oleh kerana mereka sedar mereka rugi menoreh getah, pendapatan mereka sangat rendah tidak cukup makan. Jadi baik jika Kementerian yang berkenaan membuat ranchangan seperti berternak binatang<sup>2</sup> macham cattle farming, chicken rearing dan sa-bagai-nya dan juga menggalakkan ra'ayat yang di-luar bandar supaya menanam banyak lagi kopi dan juga koko dan membuat ranchangan besar<sup>2</sup>an kepada ra'ayat supaya memelihara ikan atau pun kolam ikan yang agak memberi faedah kepada ra'ayat yang di-luar bandar pun di-galakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ketahu tentang ukur rupa bumi oleh kerana pada masa ini kebanyakan tempat dalam negeri Sarawak itu ada-lah belum lagi di-jalankan tugas<sup>2</sup> sa-bagai yang berikut. Mungkin oleh kerana Kerajaan Sarawak pada masa ini kurang orang yang ada kemahiran dalam pekerjaan ini. Akan tetapi saya harap jika kurang harus-lah pemerintah negeri itu berunding dengan pemerintah Pusat supaya latehan yang sesuai dapat di-beri dengan pekerja atau pun kakitangan pemerintah yang di-sana supaya mengambil latehan yang penting supaya pekerjaan ini dapat di-lancarkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Terima kaseh.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahathan usul ini dan menyertai sokongan saya. Tidak-lah ada siapa dapat menafikan tentang hasrat baik Kerajaan. Bagaimana pun dalam pelaksanaan projek bekalan letrik ini ada beberapa perkara kesulitan yang telah disampaikan kepada saya ia-itu tentang bayaran dan pertarohan yang di-kehendaki daripada pengguna<sup>2</sup> elektrik luar bandar, walau pun perbelanjaan mengadakan satu<sup>2</sup> jentera dan persiapan<sup>2</sup> itu tidak merunsingkan fikiran mereka. Pembayaran yang di-aku<sup>2</sup> oleh Kerajaan hendak di-beri kepada tuan<sup>2</sup> punya pohon<sup>2</sup> buah<sup>2</sup>an atau pohon<sup>2</sup> kayu yang di-tebang dalam tanah<sup>2</sup> mereka itu kerana hendak di-pasang dawai letrik dan lain<sup>2</sup> belum lagi di-bayar walau pun masa telah berlanjutan beberapa tahun sa-telah dawai<sup>2</sup> di-pasangkan di-kampung<sup>2</sup>.

Sa-lain daripada pertarohan<sup>2</sup> wang untuk memasoki bekalan letrik telah pun di-ambil daripada sa-tengah pengguna<sup>2</sup> yang mampu, tetapi sa-hingga hari ini bekalan letrik itu tidak juga sampai atau di-adakan. Dalam perbahathan ini saya ingin menyatakan bahawa kira-nya harga pembayaran yang di-kenakan pengguna<sup>2</sup> di-luar bandar sama ada wang pertarohan atau pun bayaran bulanan itu di-samakan dengan keadaan<sup>2</sup> bayaran<sup>2</sup> di-dalam bandar, maka tujuan<sup>2</sup> Kerajaan hendak memberi kesenangan dan kemudahan kepada ra'ayat di-luar bandar akan menjadi sia<sup>2</sup> dan tidak sampai kepada matlamat yang sa-benar<sup>2</sup>-nya. Tujuan Kerajaan ia-lah hendak memodenkan luar bandar supaya keadaan sama dengan dalam bandar dan ini juga memberi peluang kepada anak<sup>2</sup> kita di-kampong<sup>2</sup> menekmati lampu yang chukup terang untuk membacha dan menulis pada malam hari, berbanding dengan keadaan masa yang lampau mereka hanya menggunakan lampu minyak yang berkelip<sup>2</sup> dan akan menjahanamkan kesihatan mata anak<sup>2</sup> itu, khusus-nya saya minta supaya Kerajaan jangan hendak-nya membuat penanggungan ra'ayat hari ini walau pun tujuan kita hendak memberi kemudahan kepada ra'ayat. Kerajaan hendak menanggung segala pembayaran<sup>2</sup> yang di-fikirkan menjadi berat kepada ra'ayat. Pertarohan yang di-ambil daripada ra'ayat itu hendaklah di-bezakan dengan keadaan daripada dalam bandar. Kerajaan sa-patut-nya menanggung perchuma harga dawai atau bayaran<sup>2</sup> memasoki dawai ka-rumah<sup>2</sup> dalam kampong itu. Kerajaan patut subsidisekan perbelanjaan ini juga. Sa-lain daripada itu pembayaran harga bekal letrik hendaklah di-kenakan sa-hingga sampai ka-perengkat minima.

Sekarang ini telah terjadi di-sabuah kampong di-tempat saya dalam kawasan saya, pehak Lembaga Letrik Negara tidak akan memasokkan bekalan kuasa letrik itu sa-hingga semua pengguna<sup>2</sup> letrik itu membayar sa-penoh-nya. Masakan semua penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar yang berkeadaan miskin hari ini dapat memenohi kehendak Lembaga Letrik Negara itu. Mereka berkata mereka tidak keberatan kalau sa-kira-nya mereka terus-menerus memakai pelita<sup>2</sup> minyak sa-bagaimana keadaan masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu ia-itu di-sini

saya katakan bahawa Kerajaan telah banyak memberi kemudahan<sup>2</sup> dan peruntukan kepada Orang<sup>2</sup> Asli. Saya tahu bahawa apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu menidakkan pemberian<sup>2</sup> dan kemudahan yang di-beri oleh Kerajaan itu. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Batu apa yang saya tahu ia-itu peribadi dan chara<sup>2</sup> pemikiran Orang Asli ini tidak mudah hendak di-bentuk supaya sesuai dengan kehendak<sup>2</sup> dan kemahuan negara hari ini. Ini tentu akan mengambil masa yang panjang. Apa yang di-beri oleh Kerajaan kepada Orang<sup>2</sup> Asli hari ini layanan<sup>2</sup>, kemudahan<sup>2</sup> yang baik dan yang banyak berbeza dengan keadaan<sup>2</sup> masa yang lampau di-masa penjajah dahulu, telah mendatangkan hari ini banyak iri hati kepada orang Melayu. Orang Melayu di-luar bandar pada hari ini memandang bahawa ada-lah layanan daripada Kerajaan kepada Orang Asli itu sudah melebehi, tetapi pehak Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menidakkan apa yang Kerajaan buat pada hari ini untuk Orang Asli. Ini ada-lah satu kenyataan yang menyeleweng daripada yang sa-benar-nya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab sedikit tegoran<sup>2</sup> yang di-buat oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat berkenaan dengan peruntukan yang di-bawah Kementerian saya.

Pertama sa-kali, saya ingin memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat dari Besut dan begitu juga Yang Berhormat dari Batu, Muar Utara dan beberapa Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat lagi yang lain yang berchakap berkenaan dengan bekalan letrik di-luar bandar. Ini memang menjadi dasar Kementerian saya untuk chuba sa-beberapa daya-nya bagi memberi bekalan letrik ka-kawasan<sup>2</sup> luar bandar, tetapi oleh kerana peruntukan bagi membiayai projek ini adalah terhad, maka terpaksa-lah Kementerian saya hanya dapat membekalkan kepada sa-tengah<sup>2</sup> tempat sahaja dari satu masa ka-satu masa. Untuk ma'aluman Dewan ini banyak projek<sup>2</sup> yang telah di-laksanakan di-bawah Ranchangan Malaysia Pertama dan juga permulaan Ranchangan Malaysia Kedua ini oleh L.L.N. yang tidak pun di-fikirkan viable jika di-pandang dari segi ekonomi, tetapi di-laksanakan juga untuk kepentingan penduduk<sup>2</sup> yang tinggal di-luar bandar. Pehak Kementerian dan Lembaga Letrik

Negara pada waktu ini telah pun menimbangkan untuk melaksanakan projek<sup>2</sup> ranchangan letrik dalam Ranchangan Malaysia ini dengan lebih chepat lagi. Satu daripada chadangan yang sedang di-buat pada waktu ini dan sedang kita chari jalan bagaimana hendak melaksanakan pada waktu ini ia-lah untuk menambah lagi peruntukan untuk memberi bekalan letrik baik daripada Kerajaan Pusat mahu pun Kerajaan Negeri dan juga L.L.N. sendiri. Dengan jalan ini kita berharap bekalan letrik untuk di-luar bandar dapat-lah kita adakan lebih banyak lagi di-hari yang akan datang.

Kapada soalan yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan pengambilan perunding<sup>2</sup> luar negeri, suka saya menyatakan di-sini bahawa bukan-lah menjadi dasar Kementerian ini untuk memberi keutamaan kapada perunding<sup>2</sup> sa-umpama itu. Di-mana di-dapati perunding<sup>2</sup> di-luar negeri telah di-pilih untuk menyediakan rekabentuk projek<sup>2</sup> jalan raya, jambatan<sup>2</sup> dan sa-bagainya maka mereka itu kerap-kali terdiri daripada perunding<sup>2</sup> yang telah di-hantar oleh negeri<sup>2</sup> sahabat untuk membantu J.K.R. bagi menyediakan rekabentuk<sup>2</sup> itu.

Sa-lain daripada itu, perunding<sup>2</sup> luar negeri juga telah di-pilih di-bawah ranchangan<sup>2</sup> yang akan melibatkan pinjaman wang daripada Bank Dunia atau pun Bank Pembangunan Asia. Segala perlaksanaan projek<sup>2</sup> di-bawah wang pinjaman yang saya sebutkan tadi ada-lah memerlukan supaya perunding<sup>2</sup> hendak-lah terdiri daripada perunding<sup>2</sup> antarabangsa yang berdaftar dengan bank<sup>2</sup> tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Besut kelmarin telah juga menimbulkan soal berkenaan dengan jalan raya di-Trengganu tidak memuaskan dan jika di-bandingkan dengan ranchangan<sup>2</sup> jalan raya di-negeri<sup>2</sup> yang lain ada-lah sangat tidak memuaskan. Di-sini saya suka menjelaskan ia-itu keadaan<sup>2</sup> jalan raya dalam negara kita pada keseluruhannya boleh-lah di-katakan tidak memuaskan kerana memandangkan kapada bertambahnya kenderaan<sup>2</sup> daripada sa-tahun ka-satahun. Ada beberapa projek di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua yang akan menelan belanja beratus<sup>2</sup> juta ringgit untuk memperbaiki kedudukan ini dan untuk memperbaiki jalan raya Route III di-Trengganu dan peruntukan sa-banyak

\$5,000,000 telah di-buat dan wang ini akan di-belanjakan sa-chara berperingkat<sup>2</sup>. Ini tidak termasuk jalan<sup>2</sup> raya baharu yang akan di-bena di-dalam negeri itu untuk membantu perusahaan membuka tanah bagi ranchangan<sup>2</sup> pertanian di-dalam negeri itu. Ada-lah di-harap ia-itu di-dalam sedikit masa lagi jalan<sup>2</sup> di-dalam negeri Trengganu akan sama taraf darjah-nya dengan jalan<sup>2</sup> raya di-negeri<sup>2</sup> yang lain.

Mengenai keadaan jentera<sup>2</sup> di-negeri Trengganu di-dalam keadaan yang tidak memuaskan, keadaan itu timbul-nya daripada ketiadaan jentera<sup>2</sup> yang memuaskan bagi di-seluruh negeri oleh sebab kebanyakan daripada jentera<sup>2</sup> yang di-pakai di-dalam J.K.R. ada-lah di-dalam keadaan yang tidak memuaskan. Walau bagaimana pun Kementerian saya telah pun menguntukkan sa-banyak kira<sup>2</sup> \$28,000,000 dalam Ranchangan Malaysia Kedua untuk membeli jentera<sup>2</sup> yang baru bagi projek<sup>2</sup> yang besar, dan dalam pada itu sa-banyak \$8,000,000 daripada peruntukan ini ada-lah di-untukkan bagi menggantikan jentera<sup>2</sup> yang langsung tidak dapat di-gunakan. Jentera<sup>2</sup> ini akan sampai sa-chara berperingkat<sup>2</sup> dan akan di-bahagi<sup>2</sup>kan kapada negeri<sup>2</sup> mengikut kehendak<sup>2</sup> satu<sup>2</sup> ranchangan atau projek yang ada dalam negeri ini termasuk-lah negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Batu yang mengatakan sa-buah perkakas X-ray sudah berada di-Hospital Besar, tetapi belum di-pakai. Di-sini ingin-lah saya menyatakan kapada Dewan yang mulia ini ada-lah betul kita tidak terus dapat memakai meshin itu kerana meshin itu pertama sa-kali perlu kita install dan kedua kita perlu melatoh kaki-tangan kita dahulu bagaimana menggunakannya, baharu dapat kita gunakan, tetapi pada waktu ini untuk ma'aloman Ahli Yang Berhormat itu meshin itu sudah hampir boleh di-pakai.

**Dato' Ong Kee Hui:** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I just want to reply briefly to the Honourable Member for Batu who raised the necessity for research into the pineapple industry. I would like to inform the House that this is already being done. The Food Technology Division of MARDI is going into the question of the by-products of the pineapple industry. A number of by-products are possible: jam is being made out of

some of the waste and I also understand that they are looking into the question of extracting alcohol from both the skin and the fruit waste, i.e. that part of the fruit which is not utilised, and the remainder, which is the solid waste, will be converted into animal feed. NISIR is also co-operating in this respect purely on a consultancy basis as far as the actual factory process is concerned.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas tegoran daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Saya tidak akan menjawab mereka sa-orang demi sa-orang. Jadi, saya ingin menyusun jawapan saya di-dalam tiga perkara.

#### I—TANAMAN SA-MULA GETAH—

Mengenai soal ini memang-lah di-akui daripada mula<sup>2</sup>-nya bahawa apakala kita hendak menolong pekebun<sup>2</sup> kecil dalam lapangan tanaman sa-mula, satu daripada segi memberi benih<sup>2</sup> yang baik dan yang kedua memberi nasehat supaya kebun<sup>2</sup> mereka di-pelihara dengan chukop baik, ada-lah terjumpa banyak masalah. Baharu<sup>2</sup> ini saya sendiri telah menjalankan penyiasatan supaya kalau ada-lah terdapat kekurangan<sup>2</sup> di-dalam ranchangan yang telah di-jalankan pada masa yang lepas, maka kita akan ikhtiarkan untuk memperbaiki-nya. Sa-jauh yang saya sudah dapat tahu ada 40,000 ekar yang telah di-tanam dengan benih yang banyak baik. Kita telah bersetuju supaya kita akan memperbaiki kawasan ini dengan mengawinkan benih<sup>2</sup> itu dengan benih<sup>2</sup> yang lebih baik lagi supaya kebun<sup>2</sup> itu akan mengeluarkan susu getah yang lebih baik lagi. Malang-nya atas soal pembahagian baja, sa-tengah daripada soal ini ada-lah di-dalam tangan ra'ayat sendiri. Saya akan chuba melawat tempat<sup>2</sup> keluar ka-merata negeri ini, ka-tempat<sup>2</sup> pekebun kecil supaya mereka akan sedar atas guna-nya menggunakan bukan sahaja baja, tetapi baja yang betul dengan tanah di-mana kebun mereka itu terletak.

Pada masa sekarang ini, saya sukachita menyatakan R.R.I. telah boleh memberi nasehat yang chukop baik atas jenis baja yang patut di-gunakan di-mana<sup>2</sup> tempat di-seluruh Malaysia Barat ini. Kita sedang

menyebarkan nasehat ini menerusi perkhidmatan penasihat kita di-bawah R.R.I. sekarang ini.

Saya tidak akan dapat menjalankan sangat atas soal ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana soal pentadbiran Ranchangan Penanaman Sa-mula dan pentadbiran pasaran, ini sedang di-kaji dengan lebih mendalam lagi. Dewan yang mulia ini barangkali akan bersidang khas-nya untuk membahath soal getah ini dalam tahun ini juga kerana saya harap dalam beberapa bulan lagi saya akan dapat mengemukakan satu ranchangan baharu. Bagaimana-kah kita sedang menyelideki kita dapat menyusun sa-mula keadaan perusahaan getah kita dan bagaimana-kah kita dapat menempoh masaalah<sup>2</sup> lain yang sedang melanda perindustrian getah sekarang ini?

Mengenai soal cess, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah rumit hendak saya terangkan di-sini. Sa-benar-nya Kerajaan Malaysia telah pun menimbangkan bagaimana-kah hendak menolong pekebun<sup>2</sup> kecil apakala harga getah telah jatuh dalam bulan Januari, Februari dan Mach dalam tahun ini. Satu daripada chadangan<sup>2</sup> telah di-kemukakan kepada Kerajaan ia-lah menurunkan cess atau pun memotong cess getah ini. Pihak Kerajaan memang-lah tidak menimbangkan sentiasa dari segi kewangan 'am sahaja (Public finance), tetapi dari segi faedah yang dapat kita beri kepada pekebun<sup>2</sup> kecil. Menurut kajian Kerajaan, maka ada-lah sukar bagi kita hendak menyalorkan pemberian cess ini terus kepada pekebun<sup>2</sup> kecil kerana Kerajaan pada masa sekarang ini tidak mempunyai hubungan commercial yang terus langsung dengan pekebun<sup>2</sup> kecil kita. Kemungkinan wang<sup>2</sup>-nya boleh di-jimatkan daripada kekurangan cess akan jatuh dalam tangan orang lain bukan tangan pekebun<sup>2</sup> kecil ada-lah besar sa-kali. Walau macham mana pun, Dato' Yang di-Pertua, pada masa itu ada pula berita<sup>2</sup> angin yang menyatakan Kerajaan akan menjatuhkan kadar cess, dan serta-merta kita dapat bahawa harga getah turun akibat daripada berita<sup>2</sup> angin ini. Dari itu saya rasa bahawa menurunkan cess bukan-lah chara kita yang betul<sup>2</sup> berkesan untuk menolong orang<sup>2</sup> pekebun<sup>2</sup> kecil. Lagi pun kita mahu wang daripada pendapatan kariah lain hendak-lah di-salurkan supaya dapat menambahkan fund untuk memperkuatkan ranchangan kita di-bawah Fund B.

Mengenai wang yang di-kurniakan oleh Kerajaan Perikatan kepada negeri Sarawak untuk tanaman sa-mula, hasil daripada perundingan saya sendiri dengan Kerajaan Negeri Sarawak, kita telah bersetuju supaya wang ini boleh-lah di-longgarkan kegunaannya dan ranchangan<sup>2</sup> lain mithal-nya ranchangan nenas, ranchangan ternakan binatang, ranchangan lada hitam boleh-lah di-biaya dari wang itu.

## II—NENAS—

Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan tadi telah pun menceritakan sedikit fasal kegunaan hampas yang di-buang daripada nenas. Sa-benar-nya perkara ini sedang di-selideki sekarang ini dan kita sedang menimbangakan bagaimana dapat menjimatkan bahan<sup>2</sup> yang di-beli daripada pekebun<sup>2</sup> nenas, supaya kita dapat terus kuat bersaing di-pasaran dunia. Chadangan kilang<sup>2</sup> ia-lah supaya menggunakan hampas<sup>2</sup> itu terutama sa-kali yang baik untuk cordial atau pun juice, kemudian untuk di-gunakan sa-bagai minuman, "liquor from pineapple", dan yang lain itu mungkin juga boleh di-gunakan seperti sahabat saya Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan telah katakan untuk membuat makanan binatang. Di-sini saya ingin mengambil peluang untuk menjelaskan bahawa sungguh pun pada mula<sup>2</sup>-nya Kerajaan ranchangan projek nenas hanya di-negeri Johor, bukan-lah hakikat kita di-bawah dasar yang baharu untuk di-khaskan negeri Johor sahaja untuk tanaman nenas. Usaha<sup>2</sup> telah di-ambil untuk memperlebarkan ranchangan ini supaya negeri<sup>2</sup> lain yang sesuai dapat juga menikmati mithal-nya negeri Selangor, negeri Trengganu, negeri Sarawak sedang di-timbangan pada masa ini.

## III—KAYU-KAYAN—

Dato' Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya memang-lah bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak tadi bahawa sumber kekayaan hendak-lah kita kawal supaya bukan sahaja kita, tetapi generasi yang akan datang akan juga dapat mengambil faedah daripada mengguna kayu-kayan kita. Dengan tujuan itu kita sekarang ini sedang menyusun langkah<sup>2</sup> yang kita ingin mengeshorkan kepada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri tentang chara<sup>2</sup> dapat memelihara dan

mengawal hutan<sup>2</sup> kita supaya dapat lama kita gunakan atau pun supaya sumber-nya boleh di-gunakan sa-lama<sup>2</sup>-nya. Di-Sarawak saya sendiri tahu perkara ini sedang di-jalankan. Sa-masa saya menjadi Menteri Perhutanan dahulu di-Sarawak, saya telah pun memberi arahan supaya semua hutan<sup>2</sup> di-negeri Sarawak kita bekukan, freezekan, dan tidak-lah ada lesen boleh di-keluarkan kepada hutan<sup>2</sup> yang besar. Semua kawasan yang besar di-negeri Sarawak telah pun menjadi kawasan yang di-selideki oleh pasokan Bangsa<sup>2</sup> Bersatu untuk di-banchikan isi kekayaan hutan-nya, dan untuk menyelideki apa-kah perindustrian yang boleh tumbuh daripada sumber kayu-kayan kita di-Sarawak itu. Maka untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Sarawak itu, perkara ini sedang di-jalankan dengan baik-nya di-negeri Sarawak.

Tetapi saya juga tahu bahawa di-dalam kawasan<sup>2</sup> yang jauh di-hulu, maka agak-lah sukar-nya bagi Kerajaan kita hendak memperkuatkan jagaan-nya keatas hutan<sup>2</sup> ini supaya hutan<sup>2</sup> ini jangan di-tebang. Kerana negeri Sarawak begitu luas dan perhubungan begitu sukar, maka ada-lah terdapat orang<sup>2</sup> di-hulu menebang kayu dengan sa-chara haram di-beberapa tempat di-hulu sungai. Sunggoh pun ini tidak di-benarkan, tetapi di-dalam soal enforcement rupa-nya soal ini tidak dapat di-tegaskan.

Mengenai latehan bumiputra dalam penyertaan di-dalam perindustrian kayu-kayan, saya ingin menyatakan bahawa bilangan bumiputra ada-lah kurang sedikit sungguh pun langkah<sup>2</sup> telah di-ambil untuk mensaibangkan penyertaan bumiputra di-dalam lapangan ini. Mengikut rekod yang kita ada, dalam 300 timber grader yang telah kita lateh hanya 75 sahaja daripada kalangan bumiputra. Dalam masa kita hendak melateh kumpulan yang baharu, maka kita akan chuba mensaibangkan bilangan dalam keadaan daripada kekurangan yang ada sekarang lebih-lah sedikit bumiputra pada kali yang baharu ini akan di-lateh supaya bilangan bumiputra dan bukan bumiputra akan tidak begitu jauh berbedza. Dalam pengambilan masuk ka-Maktab Perhutanan saya nampak bilangan bumiputra ada-lah cukup baik dan tidak-lah boleh menjadi satu sungutan. Walau bagaimana pun perkara mensaibangkan latehan pegawai<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> yang akan di-beri latehan mengenai satu<sup>2</sup> perkara memang-lah sentiasa di-dalam

jagaan dan saya akan chuba hendak menjaga supaya bilangan latehan itu akan dapat di-saimbangkan. Itu-lah sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua perkara sahaja yang hendak di-jelaskan untuk meng-gulung perbahathan ini.

Pertama sa-kali ia-lah Badan<sup>2</sup> Berkanun yang ada di-dalam negeri kita ini memang-lah di-galakkan menyimpan wang deposit-nya di-dalam bank<sup>2</sup> Malaysia kita.

Yang kedua-nya, Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF) memang-lah telah ada bahagian atau yunit untuk memberikan pertolongan kepada orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra untuk mendapatkan pinjaman dan juga untuk mendapat nasihat<sup>2</sup> bagi mendirikan atau pun menjalankan atau pun membesarkan perusahaan<sup>2</sup> mereka. Dengan ini, saya harap-lah Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dapat jelas kedudukan-nya ia-itu MIDF ada-lah sentiasa menerima orang<sup>2</sup> Melayu dan lain<sup>2</sup> bumiputra datang ka-MIDF untuk mendapatkan pinjaman dan juga nasihat<sup>2</sup> berkenaan dengan pinjaman atau pun nasihat<sup>2</sup> perkhidmatan berkenaan dengan perusahaan. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 67C Usul dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972, di-serahkan kepada Jawatan-kuasa sa-sabua Majlis.

#### JAWATAN-KUASA

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

#### Kepala P. 7—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$863,175 untok Kepala P. 7 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

#### Kepala P. 14—

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$20,000,000 untok Kepala P. 14 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

#### Kepala P. 40—

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Pengerusi, saya chuma hendak membangkitkan dalam Kementerian ini ia-itu Kepala-kecil 10—Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara.

Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa sisa<sup>2</sup> nenas akan di-jadikan satu bahan untok barang makanan binatang. Saya gemar menarek perhatian Menteri yang berkenaan supaya dua bahan yang terpenting yang banyak terbuang dalam negeri kita ini dapat diselidekan utama ia-itu buah tembikai supaya boleh di-buatkan minuman dalam botol atau pun di-tinkan.

Yang kedua, buah<sup>2</sup> asam. Ini satu buahan yang banyak sa-kali keluar di-negara kita yang merugikan ra'ayat bila tidak ada pasaran. Jadi kalau di-adakan satu penyelidekan dan buah ini boleh di-tinkan bukan sahaja boleh di-makan dalam negeri ini dalam masa yang lama, tetapi boleh di-ekspotkan keluar negeri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Pengerusi, saya suka mema'alumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ia-itu perkara yang di-sebutkan-nya sudah di-selidiki oleh Bahagian Food Technology dalam MARDI. Sekarang ini bukan-lah di-bawah tanggung-jawab NISIR tetapi saya suka juga mema'alumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa NISIR boleh menolong atas perkara ini.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,207,000 untok Kepala P. 40 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

*Kepala P. 56—*

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$30 untok Kepala P. 56 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

*Kepala P. 57—*

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap dalam Pechahan-kepala 191—Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya merayu-lah kapada pehak Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberikan wang peruntokan sa-banyak \$175,000 kapada ranchangan Lembaga Letrik Negara di-kawasan saya sendiri, sebab berkenaan dengan bekalan api letrik ini berjumlah sa-banyak \$525,000 yang mana kita tahu bahawasa-nya jumlah ini terbahagi kapada tiga bahagian, Kerajaan Negeri sa-banyak satu pertiga, Lembaga Letrik Negara satu pertiga dan Kerajaan Malaysia satu pertiga. Pehak Kerajaan Negeri telah sanggup memberikan sa-banyak \$175,000 dan juga Lembaga Letrik Negara sanggup memberikan \$175,000. Hanya kita menunggukan daripada Kerajaan Pusat (Kerajaan Malaysia). Jika sa-kira-nya Kerajaan ini dapat mengeluarkan wang peruntokan ini maka dapat-lah Lembaga Letrik Negara ini masok di-kawasan saya ia-itu di-kawasan Parit Raja dan Seri Gading. Dengan ini saya harap-lah kapada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberikan peruntokan itu dengan sa-chepat mungkin supaya bekalan letrik ini dapat dimasukkan dalam kawasan tersebut.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap satu perkara sahaja dalam Kementerian Kerja Raya dan Tenaga ini. Biasa-nya Kementerian ini sa-belum memasoki bekalan ayer dan api ka-rumah ra'ayat sama ada dalam bandar atau pun luar bandar meminta duit ra'ayat yang di-namakan deposit. Wang ini saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, barangkali berjuta<sup>2</sup> ringgit. Kita hendak tahu wang deposit itu, ada-kah di-jadikan satu share daripada orang yang memasokkan ayer dan api ini dengan tidak tahu cherita. Jadi kalau wang ini kerana perniagaan tentu-lah . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Di-bawah Kepala mana Ahli Yang Berhormat berchakap?

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Pechahan-kepala 191—Bekalan Letrik Luar Bandar. Jadi biasa-nya wang yang sa-macam ini kita pertarohkan kapada LLN dan juga Jabatan Kerja Raya. Wang ini ra'ayat ta' tahu ada-kah wang ini di-jadikan wang perniagaan atau wang pertarohan. Kalau perniagaan dalam ranchangan itu ada-lah ra'ayat mendapat untong. Ini bukan sadikit, berjuta<sup>2</sup> ringgit. Ini-lah ghalip-nya kerja Kementerian yang tersebut ini. Saya hendak tahu kedudukan wang yang di-simpan oleh ra'ayat itu sama ada di-jadikan perniagaan atau di-simpan bagitu sahaja. Kalau di-simpan bagitu sahaja, kita hendakkan faedah-nya juga. Sekian, terima kaseh.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Pengerusi, berkenaan dengan rayuan Ahli yang Berhormat dari Batu Pahat, Kementerian saya akan mengambil perhatian nanti.

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, perkara ayer ini ada-lah perkara Kerajaan Negeri dan bukan di-bawah kelolaan Kementerian saya dan saya harap Yang Berhormat itu akan berhubung dengan Kerajaan Negeri.

Berkenaan dengan wang pertarohan, ini ada-lah deposit biasa. Ini memang-lah perlu, kalau kita berkehendakkan bekalan letrik, kalau tidak apabila kita berikan bekalan nanti, mereka tidak payah pula hutang kapada LLN. Jadi deposit ini memang di-perlukan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$3,530,610 untok Kepala P. 57 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

*Kepala P. 61—*

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$74,730,526 untok Kepala P. 61 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

*Kepala P. 63—*

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,732,000 untok Kepala P. 63 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1972.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$102,063,341 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1972, dan bagi maksud kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 17 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut setentangan dengan kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

*Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbangkan usul yang di-edarkan kapada-nya dan telah bersetuju dengan-nya. Sa-terus-nya saya menchadangkan supaya ia-nya di-setujukan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia-itu satu jumlah wang tambahan sa-banyak tidak lebeh daripada \$102,063,341 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun Kewangan 1972, dan bagi maksud kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala perbelanjaan tersebut di-ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 17 tahun 1972, di-untokkan jumlah yang tersebut setentangan dengan kepala<sup>2</sup> dan pechahan<sup>2</sup>-kepala di-ruangan lapan dan sembilan senarai itu.

## RANG UNDANG<sup>2</sup>

### RANG UNDANG<sup>2</sup> AKAUNTAN (PINDAAN)

**Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan

supaya satu Rang Undang<sup>2</sup> bertajok Satu Akta untok meminda Akta Akauntan, 1967 di-bacha kali yang kedua.

Akta Akauntan No. 63 tahun 1967 telah berkuatkuasa pada 30hb September, 1967. Perlantikan Pendaftar dan Ahli<sup>2</sup> Majlis yang pertama Institiut Akauntan telah di-buat. Tindakan untok mendaftar akauntan telah terpaksa di-tanggohkan sementara menunggu pembetulan beberapa kesilapan (anomalies) di-dalam Akta tersebut.

Sekshen 1 (3) Akta tersebut memberi kuasa kapada Menteri untok menggantung pelaksanaan Akta tersebut di-mana<sup>2</sup> kawasan di-Malaysia. Tidak ada kuasa pada masa ini untok membatalkan penggantungan tersebut. Rang Undang<sup>2</sup> ini memberi peruntukan untok tujuan ini dan juga untok menentukan bahawa kuasa penggantungan ini tidak akan di-gunakan lebeh dari sekali bagi mana<sup>2</sup> kawasan.

Sekshen 15 ada-lah mengenai perlantikan dan tugas<sup>2</sup> Pendaftar dan Sekshen 16 mengenai daftar ahli<sup>2</sup> Institiut Akauntan Malaysia di-pinda untok menjelaskan kedudukan Pendaftar dengan Majlis dan juga untok menentukan tanggung-jawab bagi menyelenggara daftar bagi Majlis tersebut. Sekshen kechil 16 (3) yang berhubung dengan bayaran pendaftaran di-gugorkan: pendaftaran ada-lah sama dengan penerimaan masok menjadi ahli dan peruntukan bagi bayaran bagi di-terima menjadi Ahli terdapat dalam Sekshen 7 (1) (b). Saperti di-pinda, Sekshen<sup>2</sup> 15 dan 16 ini di-nomborkan sa-mula sa-bagai 12 dan 13 mengikut giliran.

Sekshen<sup>2</sup> 12, 13 dan 14 (saperti di-nomborkan sa-mula sa-bagai 14, 15 dan 16) mengikut giliran di-pinda untok menjelaskan bahawa di-dalam keadaan biasa bagi sa-saorang chalon untok menjadi ahli Institiut ini hendak-lah mempunyai kelayakan iktisas (Sekshen 14) dan juga beliau hendak-lah mempunyai pengalaman amali (practical)—(Sekshen 15). Orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai kelayakan iktisas saperti di-tetapkan di-bawah Sekshen 14 tetapi telah menjalankan pekerjaan sa-bagai akauntan, perunding chukai dan penasehat chukai sa-belum berkuat-kuasa-nya Akta ini berhak untok di-daftarkan sa-bagai akauntan berlesen di-bawah Sekshen 16.

Sekshen 23 ini di-pinda untok memper-untokkan bahawa chuma orang yang mempunyai tempat tinggal utama di-Malaysia

sahaja boleh menjalankan perniagaan atau menjadi akauntan berdaftar atau berlesen. Akauntan awam telah terta'alok kepada kehendak ini dan dengan meminda Sekshen 22 oleh Akta A16.

Pindaan kepada Sekshen<sup>2</sup> 2, 6, 17, 23 dan Jadual Pertama dan Kedua ada-lah pindaan yang berkatitan dengan pindaan<sup>2</sup> yang di-sebut di-atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 DAN 1972)**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa "Rang Undang<sup>2</sup> bernama suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1971 dan 1972 dan bagi memperuntokan wang itu bagi maksud<sup>2</sup> yang tertentu" di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan yang berasingan, satu bagi tahun 1971 dan yang satu lagi bagi tahun 1972. Bagi tahun 1971 ia-lah Tambahan Kedua dan bagi tahun 1972 ia-lah Tambahan Pertama.

Fasal 2 Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$28,142,575 bagi tahun 1971, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang<sup>2</sup> itu dan juga di-senaraikan dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di-dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1971, yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 11 tahun 1972. Dari jumlah yang di-kehendaki sa-bagai perbelanjaan tambahan, peruntokan sa-banyak \$23,374,252 telah di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi membiayai perbelanjaan segera dan peruntokan ini kena-lah di-ganti. Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah \$29,427,865 yang di-masokkan dalam Tambahan ini, jumlah sa-banyak \$1,285,290 ada-lah diperlukan untuk membiayai perbelanjaan "tanggonan" yang mana jumlah-nya tidak di-masokkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan Tambahan ini. Dua butiran perbelanjaan "tanggonan" yang besar ia-lah bagi membayar tunggakan gaji dan perubahan gaji dan elaun<sup>2</sup> kepada Ketua Hakim Negara dan Hakim<sup>2</sup> yang berjumlah sa-banyak \$892,630 berikutan dengan pelaksanaan Akta Saraan Hakim, 1971 yang berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1970 dan \$375,000 bagi bayaran gaji, elaun<sup>2</sup> perjalanan, penchen dan ganjaran pegawai<sup>2</sup> yang di-tetapkan berkhidmat di-Jabatan Kesihatan, Sabah oleh kerana Jabatan ini telah menjadi Jabatan Persekutuan mulai dari 1hb Januari, 1971 mengikut butiran 14 Lampiran "A", Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan Malaysia, 1962. Akan tetapi jumlah sa-banyak \$323,500 akan di-bayar balek oleh Kerajaan British.

Dari jumlah sa-banyak \$28,142,575 yang di-tunjokkan dalam Jadual Pertama, \$10.5 juta ia-lah bagi tunggakan gaji yang telah di-bayar kepada kakitangan<sup>2</sup> Kerajaan dalam tahun 1971 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Suffian; \$8 juta untuk Kira<sup>2</sup> Perniagaan Gatah Kerajaan; \$2.7 juta bagi bayaran pemberian kiraan kepala tambahan kepada Negeri<sup>2</sup>, dan \$869,400 bagi Surohan-jaya Pilehanraya untuk penyemakan daftar<sup>2</sup> pemilih (pengundi) dan mengadakan pilehan-ray<sup>2</sup> kecil dalam tahun 1971. Yang lain-nya ada-lah butiran<sup>2</sup> kecil yang berbagai jumlah untuk pelbagai perkhidmatan yang mana ada di-terangkan dengan

lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 12 tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peruntokan<sup>2</sup> kepada Kira<sup>2</sup> Perniagaan Getah Kerajaan, kami dapati bahawa wang yang di-peruntokkan kepada Kumpulan Wang itu mengikut peratoran kewangan biasa sangatlah tidak memuaskan oleh kerana faedah penyertaan Kerajaan dalam pasaran getah akan hilang jika orang awam mengetahui dengan sa-benar-nya jumlah wang yang di-peruntokkan bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian satu perubahan tentang peratoran ini sedang di-pertimbangkan oleh Perbendaharaan untuk menjamin supaya perjalanan perniagaan ini tidak akan terkechewa dengan kerana itu. Boleh jadi perlu di-sediakan satu undang<sup>2</sup> khas bagi tujuan ini kemudian kelak.

Fasal 3 Rang Undang<sup>2</sup> ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$68,138,336 bagi perkhidmatan tahun 1972, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang<sup>2</sup> itu dan juga di-bahagian perbelanjaan "bekalan" di-dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1972 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 13 tahun 1972. Jumlah ini termasuk peruntokan sa-banyak \$11,839,461 bagi mengganti pendahuluan<sup>2</sup> yang telah di-keluarkan daripada Kumpulan Wang Luar-Jangka.

Dari jumlah sa-banyak \$68,138,336 dalam tambahan ini, peruntokan sa-banyak \$31,697,716 ada-lah di-perlukan sa-bagai berikut:

- (a) \$24,581,746 bagi Kementerian Perusahaan Utama yang baru;
- (b) \$3,445,970 bagi Kementerian Perpaduan Negara yang baru;
- (c) \$3,670,000 bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kedua<sup>2</sup> Kementerian baru tersebut telah di-tubuhkan sa-lepas belanjawan tahun 1972 di-sediakan dan oleh itu ada-lah perlu di-sisi undang<sup>2</sup> untuk menyediakan perbelanjaan mengurus masing<sup>2</sup> dengan Anggaran Tambahan. Peruntokan bagi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dahulu-nya di-masokkan dalam anggaran Kementerian Pertanian dan Perikanan. Oleh kerana Jabatan ini telah di-pindahkan kepada Kementerian Pem-

bangunan Negara dan Luar Bandar maka peruntokan baru kena-lah di-sediakan. Jumlah sa-banyak \$30.5 juta yang dahulu-nya di-peruntokkan dalam anggaran Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Jabatan Perdana Menteri bagi aktiviti<sup>2</sup> yang sekarang di-pindahkan kepada Kementerian<sup>2</sup> yang baru itu akan di-bekukan. Lain<sup>2</sup> perbelanjaan yang besar dalam tambahan ini ia-lah jumlah sa-banyak \$19,091,054 di-bawah Kepala B. 22 untuk membayar pemberian kiraan kepala tambahan kepada Negeri<sup>2</sup> di-Malaysia Barat, dan peruntokan sa-banyak \$16,550,000 di-bawah Kepala B. 23, yang mana peruntokan sa-banyak \$15 juta ia-lah bagi Kumpulan Wang Perniagaan Barang<sup>2</sup> Keperluan untuk mengendalikan penyimpanan gula; \$1 juta bagi Kumpulan Wang Chadangan untuk Negeri (State Reserve Fund) dan \$550,000 untuk peruntokan segera di-Sarawak yang akhir-nya akan di-bayar dari peruntokan<sup>2</sup> yang sesuai dalam Anggaran.

Kepala B. 8—Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia memerlukan peruntokan sa-banyak \$762,966 untuk bayaran sewa, memasang sistem PABX, menyekat pejabat<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> pelbagai perbelanjaan yang di-kehendaki untuk memindahkan Jabatan Perkhidmatan Awam kepada Bangunan U.M.B.C., Jalan Suleiman, Kuala Lumpur.

Keterangan<sup>2</sup> lanjut mengenai tambahan ini ada-lah di-dapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 14 tahun 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, saya ingin menyentuh kedudukan Jabatan Penerangan ia-itu saya mendapat faham bahawa pada masa ini ada di-antara pegawai<sup>2</sup> dalam Jabatan Penerangan telah mula merasa kurang senang hati tentang chara kenaikan pangkat yang telah berjalan sejak zaman-berzaman dan nampak-nya kurang memberi perhatian kepada sa-tengah<sup>2</sup> pegawai yang telah bertungkus-lumus sejak daripada zaman dharurat sa-hingga-lah ka-masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jabatan Penerangan sa-bagai sa-buah Jabatan yang amat penting untuk memberi fahaman kepada orang ramai dan membantu Kerajaan di-dalam semua perkara terutama sa-kali dalam masa Kerajaan menghadapi dharurat beberapa belas tahun yang lalu pada masa itu ada di-pileh pegawai<sup>2</sup> yang di-buat janji, buat permulaan pegawai<sup>2</sup> itu di-kirakan sementara dan mengikut janji pada masa pemilehan itu pegawai<sup>2</sup> tersebut akan di-naikkan pangkat dan di-jadikan pegawai kekal. Pegawai yang saya maksudkan ini ialah pegawai<sup>2</sup> luar yang ada dalam Jabatan Penerangan.

Saya di-beri faham sa-tengah<sup>2</sup> pegawai luar yang bekerja dalam Jabatan Penerangan sejak daripada masa dharurat dahulu sa-tengah<sup>2</sup>-nya terus dengan kedudukan sa-bagai pegawai luar sampai-lah kepada tempoh tamat perkhidmatan-nya, tetapi di-dalam pada itu bagi orang<sup>2</sup> yang baharu masuk berkhidmat dalam Jabatan ini telah dapat peluang naik pangkat kepada pegawai<sup>2</sup> luar pada masa mula di-masokkan ka-dalam Jabatan Penerangan ini kerana tidak menchukupi syarat walau pun di-janji di-adakan kenaikan pangkat dan di-beri kedudukan sa-bagai pegawai kekal. Apabila sampai kepada sa'at pehak yang berkenaan telah menolak rayuan mereka ini dengan alasan bahawa mereka tidak mempunyai kelayakan yang di-kehendaki.

Perkara yang kedua masalah kenaikan pangkat juga ia-lah melibatkan pegawai<sup>2</sup> yang pada masa ini di-kenal dengan nama Penolong Pengarah Penerangan Negeri. Pegawai<sup>2</sup> yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak pada masa ini di-tugaskan memegang jawatan sa-bagai Pemangku atau Timbalan Pengarah Penerangan Negeri. Apa yang menjadi hal-nya; Tuan Yang di-Pertua, pegawai<sup>2</sup> ini oleh kerana dalam Jabatan Penerangan menghadapi kekurangan pegawai maka kepada mereka yang bertaraf A.I.O. (Penolong Pengarah Penerangan Negeri) di-kehendaki memangku jawatan sa-bagai Timbalan Pengarah Penerangan Negeri. Sa-tengah<sup>2</sup>-nya memangku jawatan ini sa-lama 8 atau 10 tahun dan apabila di-adakan kenaikan pangkat walau pun mereka yang pernah memangku antara 8 dengan 10 tahun ini di-beri sokongan oleh Pengarah Penerangan Negeri bahawa pegawai ini layak di-naikkan pangkat tetapi apabila sampai

kapada perengkat atas-nya sokongan yang seperti ini tidak di-beri layanan yang baik oleh Ketua Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan di-sini saya berpendapat kira-nya sa-saorang yang berkedudukan sa-bagai Penolong Penerangan Negeri kemudian di-beri tugas memangku jawatan sa-bagai Timbalan Pengarah Penerangan Negeri sa-lama 8 atau 10 tahun dengan kita menyediakan bahawa dia tidak menchukupi syarat<sup>2</sup> yang di-kehendaki untuk kekal sa-bagai Timbalan Pengarah Penerangan Negeri jadi sudah tentu sa-saorang yang di-beri tempat memangku satu jawatan begitu lama mempunyai satu perasaan di-dalam hati-nya ingin berkhidmat dengan bersungguh<sup>2</sup> supaya pangkat itu dapat di-beri kepada-nya chara yang kekal. Tetapi apabila sampai masa-nya tidak di-beri kepada-nya sudah tentu akan timbul suatu perasaan frust, satu perasaan tidak dapat saya hendak bayangkan dalam Dewan ini dan kira-nya ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu jentera Jabatan Penerangan sa-bagai sa-buah Jabatan yang sangat<sup>2</sup> kita harapkan di-dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini akan menimbulkan suatu keretakan dan kira-nya ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, maka saya tidak dapat hendak mengatakan apa lagi ada dalam Dewan ini kalau sa-buah Jabatan yang kita harapkan itu sudah tentu-lah hanchor-lah harapan kita. Sa-sungguh-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya meminta dan merayu kepada Kementerian yang berkenaan, kalau boleh, walau pun kita memang perlu kepada orang<sup>2</sup> yang berkelulusan, perlu kepada orang yang menchukupi syarat<sup>2</sup> yang kita kehendaki sa-bagai sifat peri kemanusiaan, atas sifat peri kemanusiaan, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya sistem kenaikan pangkat di-buat quota. Kita katakan-lah bagi mereka yang menchukupi syarat kita beri juga peluang kepada orang<sup>2</sup> baharu ini menduduki tempat yang di-sediakan tetapi kalau lama yang telah memangku sampai 8 sa-hingga 10 tahun itu hendak-lah di-beri quota kepada mereka ini sa-kurang<sup>2</sup>-nya 2-5 atau 3-7. Jadi supaya sambil orang<sup>2</sup> baharu dapat dudok di-jawatan yang tinggi orang yang lama juga tumpang dapat mengekalkan kedudukan-nya. Sebab kalau tidak di-buat begitu, Tuan Yang di-Pertua, sampai masa-nya orang baharu pergi ka-tempat

jawatan yang telah di-pangku dan terpaksa turun balek sa-mula kepada Penolong Pegawai Penerangan Negeri dan ini satu perkara yang aib dalam Jabatan Penerangan sekarang ini.

Perkara yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai Perkhidmatan Pos. Saya pernah membacha dalam akhbar, banyak kita menerima complaint atau sungutan daripada ra'ayat di-kawasan pendalaman masa'alah surat<sup>2</sup> yang terchichir, surat yang tidak sampai, kadang<sup>2</sup> dengan sebab surat<sup>2</sup> yang di-hantar oleh Jabatan yang berkenaan, surat itu penting, tidak sampai kepada tuan yang di-kehendaki-nya dan orang itu pun tidak-lah dapat memenohi kehendak di-dalam surat itu maka orang itu boleh di-persalahkan kerana tidak datang mengikut masa yang di-kehendaki-nya, sedangkan kedudukan yang sa-benar-nya orang yang tinggal di-kawasan pendalaman itu tidak menerima surat. Saya nampak di-dalam negara kita ini di-bandar<sup>2</sup> yang besar kita ada Pejabat Pos yang besar, di-bandar<sup>2</sup> yang kecil kita ada pula Pejabat Pos yang kecil dan di-kampong<sup>2</sup> yang terpenchil kita telah mengadakan wakil pos. Tetapi, apa yang saya hendak tekankan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan kita mengadakan wakil pos di-kawasan<sup>2</sup> yang terpenchil tidak menjamin bahawa surat yang kita tujukan kepada sa-orang itu akan sampai. Kerana wakil pos itu hanya-lah bertanggung-jawab menjual setem dan apabila surat datang daripada Pejabat Pos untuk kampong yang ada wakil pos tadi, surat itu di-letakkan di-hadapan itu sahaja di-longgokkan di-tempat wakil pos, dan bukan menjadi tanggung-jawab wakil pos tadi menghantar surat itu kepada orang berkenaan. Dan bila datang posman pun bukanlah posman pula membawa surat<sup>2</sup> tadi ka-kampong<sup>2</sup> pendalaman, posman juga melonggokkan surat<sup>2</sup> yang di-bawa itu di-tempat wakil<sup>2</sup> pos. Apa yang saya merayu kepada Kerajaan dan saya fikir benda ini boleh di-jalankan, sebab kalau wakil pos kita boleh memberi elaun kepada mereka ini dengan perkiraan, kalau tidak silap saya \$25.00 satu bulan. Saya fikir di-samping kita mengadakan wakil pos kita juga mustahak mengadakan wakil posman di-mana kita mengadakan wakil pos itu. Jadi erti-nya kalau wakil pos kita dapat beri \$25.00 satu bulan, maka wakil posman tadi kita beri-lah \$15.00-kah satu bulan dan kita mengambil orang tempatan itu untuk menjadi wakil

posman, sebab kerja ini ia-lah kerja sambilan. Erti-nya kalau ada surat yang berlonggok<sup>2</sup>, bertimbun<sup>2</sup> di-tempat wakil pos itu dapat-lah di-ambil oleh wakil posman tadi menghantar kepada ra'ayat yang tinggal di-kawasan pendalaman. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, masa'alah kerumitan yang saperti ini bagi kita yang pernah dudok di-kawasan<sup>2</sup> bandar, kawasan<sup>2</sup> pekan, kawasan<sup>2</sup> yang selalu di-lawati oleh posman kita tidak merasai apa<sup>2</sup>. Tetapi kalau kita pergi-lah sa-lama dua tiga hari, di-kawasan pendalaman atau kita dudok di-sana sa-minggu, kemudian ada masa'alah<sup>2</sup> yang melibatkan di-rumah kita, kemudian orang daripada rumah kita menulis surat kepada kita yang tinggal di-kawasan pendalaman itu, tahu-lah kita bagaimana atau di-mana surat kita itu berada. Saya berharap kepada Kementerian ini memikirkan sunggoh<sup>2</sup> masa'alah kepentingan ra'ayat yang tinggal di-kawasan pendalaman sesuai dengan hasrat kita bahawa kita hendak memberi rezeki yang halal, memberi segala kemudahan ini di-atas kiraan sama rata sama ada yang tinggal di-dalam bandar atau pun yang tinggal di-luar bandar. Terima kaseh.

**Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I rise to speak today to touch on the several Heads under the Supplementary Supply (1971 and 1972) Bill for discussion before the House today.

First and foremost, Sir, I would like to touch on the Head of "National Unity". In the debate on His Majesty the King's Address to this House, the Honourable Member for Segamat Utara has touched on the need for integration between East and West Malaysia. Mr Speaker, Sir, he refers, no doubt, to the need for closer integration of the peoples between East and West Malaysia. On this, Mr Speaker, Sir, I and my party fully agree and we will support and endorse his views. However, Mr Speaker, Sir, the question arises, how does one implement it? How does one go around implementing this closer rapport and closer integration between the peoples of East and West Malaysia, bearing in mind the hundreds of miles of sea and also the years of differences between us on development and even on education?

Mr Speaker, Sir, during previous debates in this House, I had pointed out the need for the Government to make arrangements for more visits—for Members of Parliament to

visit East Malaysia and for the people in East Malaysia to visit West Malaysia. But up-to-date, I am sorry to say, I see very little has been done on this. In fact, I would very much like to ask how many Honourable Members of this House have visited East Malaysia? I am sure some of them have not visited East Malaysia, and I wonder whether even the Honourable Member for Segamat Utara has visited East Malaysia in the last two or three years.

Now, Mr Speaker, Sir, I would very strongly like to make a plea here to the Honourable Minister of National Unity to please give special consideration to the possibility of making it easier and cheaper for the people from East and West Malaysia to visit each other; in other words, to provide a physical bridge so that peoples from the two distant parts of Malaysia are able to visit each other cheaply. For instance, in West Malaysia here, we have the Malayan Railway which gives free first-class passes to Members of Parliament. We shall, very shortly, Mr Speaker, Sir, have our own national airways—we call it MAS—and I hope when this national airways is inaugurated, to start with, probably the Malaysian Airways System should give free passes to Members of Parliament to travel between East and West Malaysia freely, any time they wish and on first-class, instead of tourist-class—of course we will accept tourist-class if necessary—but do give us free passes to visit each other freely. I hope this matter will be borne in mind by the Minister of Transport.

Another thing, Sir, I hope these services could also be provided further down to Members of the Legislatures—at special half price or one-quarter price to Members of the Legislatures—so that they could visit East Malaysia and *vice versa* and have a closer interchange of visits. This would bring about a closer understanding among the elected representatives of the people and ultimately among the people themselves. Furthermore, Sir, I believe it is the national policy that when we have our own national airline, we shall best be able to serve our rural places better, which, of course, means East Malaysia, and in this context, I do hope that the fares between East and West Malaysia as provided by MAS services then would be very much reduced from the present rate and if the Government cannot do it with MAS, then I

hope the Ministry of National Unity will be able to subsidise it and it will give some consideration to it.

Mr Speaker, Sir, again touching on national unity, I would be remiss in my duty here, Sir, if I do not at this stage touch on some comments which I notice had been made by the Honourable Member for Payang, who happens also to be the Chief Minister of Sarawak. I must say I am rather surprised, and rather sad, that in his address to this House during the debate on the King's Speech, he has taken my party as well as the Honourable Member for Saratok to task because the Honourable Member for Saratok suggested that even S.N.A.P. was interested in our nation-building. I should have thought, Sir, in view of the present position that Sarawak is facing where we confront the communist terrorists, that as the Chief Minister of that State, the Honourable Member for Payang would have made an effort to appeal to all loyal Opposition parties—S.N.A.P. is a loyal Opposition party. Mr Speaker, Sir, we are not a disloyal Opposition like some of the disloyal elements who are carrying guns and killing our peace-loving citizens and fighting against our security forces; we are the loyal citizens of this country . . . . .

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Sir, on a point of order. Mr Speaker, Sir, we are debating the Supplementary Supply (1971 and 1972) Bill and we are not debating the speech of the Honourable Member for Payang. The Honourable Member for Miri-Subis is debating the speech of the Honourable Member for Payang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Would you like me to stop him from talking? Let him finish.

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** It is your authority, Mr Speaker, Sir, but I am just pointing out the Standing Order.

**Dato' James Wong Kim Min:** With respect . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Get down to the debate on the Bill.

**Dato' James Wong Kim Min:** This is on national unity. I am talking on national unity precisely. What I am trying to say is that the

action of the Honourable Member for Payang has not served our national interest or national unity.

**Tuan Yang di-Pertua:** You are leading on to that, aren't you?

**Dato' James Wong Kim Min:** Yes, Sir.

**Tuan Yang di-Pertua:** But don't take the long way (*Ketawa*).

**Dato' James Wong Kim Min:** No, Sir. Coming back again to this question of touching on what the Honourable Member for Payang said, I would have thought, Sir, and I would make an appeal to the Honourable Member himself that he would in future please put our national interest above political and personal interest and do not take the Opposition to task when the Opposition had made constructive suggestions in the field of national unity.

Sir, I understand the Honourable Member for Saratok made a suggestion, which I think was a very good one, that on the question of development and national unity, the Government should give consideration to the fact that Members of Parliament and Members of Council Negeri, i.e. State Legislature, should sit on Development Committees as they had done in the past, because none other person than our Honourable Prime Minister himself has said, just very recently in the newspapers, that time is not on our side, that if we do not produce the goods and carry on with the development projects, then there will be trouble for all of us in Malaysia. We, Sir, on the Opposition, have this in mind—that we want our nation to succeed. We want our national unity to be a truly viable and a truly meaningful thing and that is why we have made our suggestion that we will also participate in Development Committees and contribute whatever ideas we have because, being the elected representatives of the people, we feel we are in a better position to know what the people want. But I was told then, Sir, in the Council Negeri by the Honourable Member for Payang that it is the. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** I must comment on that. It seems like an election speech. So you better alter the way.

**Dato' James Wong Kim Min:** Well, I would clarify a few points, Sir. After all, we are now debating on national unity.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes, we are.

**Dato' James Wong Kim Min:** Well, I mean if I don't clear some of these points which are against national unity, I think I would be doing a disservice to this country, Sir. So I ask for your kind indulgence.

Now, again Sir, the Honourable Member for Payang has touched also on the question of SNAP being very parochial. We have quite a few representatives of SNAP here. We speak for a big proportion of the people of Malaysia. He said that we are parochial because we believe in the slogan, which he called a clap-trap, of "Sarawak for Sarawakians" which he said was parochial and against the national interest.

Sir, I say here that as Members of the Council Negeri we all swear allegiance in the State to be loyal to the State—even the Ministers have to do that, Sir. Therefore, Sir, when we say, "Sarawak for Sarawakians", we do not in any way mean that just because we love Sarawak, we love Malaysia less. We love Malaysia more. All we say then is render to Sarawak what is Sarawak's and to Malaysia what is Malaysia's.

Sir, the Honourable Minister of Technology, Research and Local Government over there and the Minister of Primary Industries, one of them—the Minister of Primary Industries—had been a State Minister of Sarawak for many years and the Honourable Minister of Technology, Research and Local Government himself had always spoken for the interest of Sarawak and had criticised the Federal Government and the State Government, but that does not in any way say, Sir, make both of them who are now Federal Ministers disloyal or not loyal to the Federation of Malaysia and it does not mean they are not good Malaysians. They are one of the best, Sir. That proves my point.

Anyway I do hope, Sir, that on the question of national unity, the Honourable Minister of National Unity will give some heed to the suggestions which we have made and if there is any way that we in the loyal Opposition could contribute by suggestions, by ideas or physically, we shall only be happy to do so.

Now, Mr Speaker, Sir, may I touch now on the heading of Immigration. I have only this observation to make, Sir. We in this country, as I heard from the Honourable Finance Minister at the last sitting, have adopted a very liberal policy on finance which has benefited Malaysia tremendously. In other words, there is a free flow of money in and out of Malaysia. I agree and I concur with this policy as a businessman and I think this has been of great benefit to Malaysia. In this context, Sir, I would ask Government to give consideration to the Immigration laws in regard to those who invest in this country.

Mr Speaker, Sir, anyone who invests in any country, be it Malaysia or anywhere, where their money is there, they would naturally like to put one or a few of their keymen there at the same time to look after their interests, and I do hope that our laws in this country would not be so restrictive that they would not permit people who invest in this country to put their keymen in this country. I have only that observation to make on this.

Now, Mr Speaker, Sir, may I touch very briefly on the question of "have-nots". I have this observation here to make that although I have spoken at length on this subject previously in the previous debates, I would like here again to comment, Sir, and ask for the consideration of the Ministers concerned to give some careful consideration to what I have to suggest and I have to say. Mr Speaker, Sir, in the restructuring of our society which the Government has carried out, I notice that provision has been made to help the Malays and the indigenous people by the creation of such bodies as PERNAS, MARA and other bodies which are very good, Sir, but since His Majesty the Yang di-Pertuan Agong has made it quite clear in his Address to the House during this session that the assistance to the have-nots will transcend racial barriers and also, Sir, since I have heard some comments among the people especially among the Chinese and some of the Indians that they have nobody to go to when they are in difficulties, the Government should give some consideration to the establishment of some sort of body to show that these people, these have-nots, can go to these bodies and ask for assistance if they are in difficulties; otherwise it might create the impression that they feel that they have been neglected and although Government has

said that they will give assistance to the have-nots but in fact there is no body that they could go to. I hope, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Ministers would not get me wrong when I make the suggestion. I know that the Government Administration does provide some sort of assistance in this respect, but what I am suggesting now is to provide a tangible form, a body which can be easily recognised such as MARA and so on where people can go to and this will take away any criticism that the Government is not helping these people and these bodies also, Sir, could act as a catalyst and a balance between whether people really need the aid or not and whether too much aid has been given to one side or not. I do ask, Sir, that the Government give serious consideration to this. None other, Sir, I believe, than our former Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, has always stressed that justice must not only be done but seen to be done.

Mr Speaker, Sir, I would like here to touch briefly again on one subject—on the question of tenders. I don't know what is the policy at the moment of the Government regarding Tenders' Boards. But I have received some complaints from some friends of mine to say that they had made some tenders in Sarawak and that the Tenders Board was not following the policy of the Government. I would ask, in this respect, for a clear-cut policy decision by Government regarding the awards of tenders—how tenders are awarded. We appreciate, of course, that bumiputras, Malays and the natives must be given more assistance and chances or, what shall I say, to be awarded tenders, but I also believe there is a Paper on this subject regarding the terms of reference on the procedures as to how tenders are to be awarded. I do hope, Sir, that if it is the Government's intention that if tenders are to be awarded fairly and justly according to this Paper, then a directive should be drawn up and should go out to all Tenders Boards to make sure that Tenders Boards and members of the Tenders Boards do follow the procedures on the awarding of Government tenders: in other words, to prevent criticisms from the public that the Tenders Boards have been unfair. Thank you, Sir.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini. Tetapi baharu<sup>2</sup> ini tadi saya

dengar ia-itu mengatakan perkara perpaduan, perpaduan ini saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana beribu batu jarak-nya di-antara satu dengan lain; dengan tidak ada perpaduan oleh kerana dia jauh. Mungkin jauh, pepatah Melayu ada mengatakan: "jauh di-mata di-hati jangan." Jadi, walau pun Sarawak dan Sabah jauh daripada Malaysia Barat, tetapi orang<sup>2</sup> Malaysia Barat dan Malaysia Timor ada-lah satu bangsa, maka saya tidak fikir yang oleh kerana itu kita tidak dapat perpaduan. Ini saya tidak mengatakan pula ia-itu perpaduan ini—hendak menchapai perpaduan ini maka ada sa-tengah mengatakan kita ada kenduri beramai, panggil-lah orang China, orang India, orang Melayu beramai<sup>2</sup> kenduri, atau pun panggil-lah kenduri durian bersama<sup>2</sup>, makan durian, habis durian, habis, itu pun tidak ada juga tetapi perpaduan negara di-antara bangsa<sup>2</sup> ini yang penting sa-kali, yang penting sa-kali saya fikirkan, banyak yang tidak suka ia-itu Bahasa Kebangsaan. Ada juga orang yang menentang di-atas perkara ini oleh kerana tidak hendak belajar bahasa Kebangsaan tetapi jikalau belajar Bahasa Kebangsaan itu pokok-nya sa-kali. Apabila kita pandai berbahasa Kebangsaan, maka berchakap dalam bahasa inggeris, chuba berchakap dalam bahasa Melayu—Bahasa Kebangsaan, maka perpaduan itu—semangat perpaduan itu lebeh lagi menarek terutama sa-kali kepada bumiputra ini, dia chuba berchakap bahasa Kebangsaan. Jadi perchaya-lah, kita penoh mempunyai keperchayaan: betul dia ta'at setia kepada negeri ini, kerana dia chuba berchakap dalam Bahasa Kebangsaan kerana 15 tahun lamanya, Tuan Yang di-Pertua, kita telah menchapai kemerdekaan dan di-beri peluang untuk kita bersatu padu yang berpokokkan ia-itu Bahasa Kebangsaan ini. Kita bukan hendak supaya perpaduan ini ia-itu orang<sup>2</sup> Malaysia mesti mempelajari ugama Islam itu tidak boleh. Dalam Constitution kita mengatakan tidak boleh begitu, kita bukan hendak itu, kita tidak hendak mempelajari ronggeng, tarian Melayu, tidak juga. Yang pokok sa-kali saya fikir, saya stress di-sini lagi sa-kali ia-itu Bahasa Kebangsaan, dan telah 15 tahun lama-nya kita tengok ada di-antara; tidak usahkan siapa di-antara kita yang di-dalam Dewan ini pun tidak mahu menchuba langsung berchakap Bahasa Kebangsaan-nya sendiri, macham mana orang di-luar Dewan itu hendak berchakap. Jadi kita chakap juga perpaduan, perpaduan,

habis sampai batok darah berchakap juga perpaduan tetapi perpaduan tidak dapat di-chapai sa-kira-nya kita tidak amalkan dengan sa-benar<sup>2</sup>-nya.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan bagaimana hendak menolong orang India, orang China yang miskin ia-itu orang Malaysia. Di-dalam Ranchangan Malaysia Lima Tahun Yang Kedua ini, saya dengar-lah beberapa kali Yang Amat Berhormat Tun Razak mengatakan, kita tidak pilih bangsa, kita mesti menolong siapa sahaja orang Malaysia yang miskin; sebab banyak orang Melayu ini miskin, bumiputra ini miskin. Saya telah melawat Sarawak beberapa kali, tengok-lah orang<sup>2</sup> kita; saya minta ma'af-lah kepada orang Sarawak—orang bumiputra Sarawak lebeh<sup>2</sup> mundur lagi. Saya ingat saya orang Melayu ini mundur tetapi lebeh mundur lagi orang kita bsmiputra di-Sarawak. Jadi jangka-nya saudara<sup>2</sup> kita orang<sup>2</sup> China Malaysia di-Sarawak itu, orang India-nya kurang menolong bagi menguatkan, chuba tolong, sebab apa kita hendak perpaduan tadi supaya betul, abang kita ia-itu orang China di-Sarawak ini betul<sup>2</sup> hendak adek-nya orang bumiputra—orang Melayu, orang Dayak sama ada Dayak Laut atau pun Dayak Darat, tunjukkan betul<sup>2</sup> hendak tolong. Jika tidak ada di-tunjokkan bagaimana kita ingatkan ini perpaduan, perpaduan, perpaduan untuk sendiri sahaja tidak boleh jadi. Jadi, ini-lah perpaduan, tunjukkan mithal-nya kedai China, kedai China banyak, jadi tolong-lah ambil satu dua orang bumiputra bekerja, tunjukkan. Di-Kuala Lumpur berapa banyak kedai<sup>2</sup> sunggoh pun kita tidak tahu chong che, chong che tetapi apa salah-nya kerana bahasa Kebangsaan bahasa Malaysia masokkan-lah sebab orang Melayu beli barang di-kedai itu, orang<sup>2</sup> China pun beli, orang India pun beli, siapa pun beli, biar-lah dia bekerja; dia tidak tahu makan bersepit tetapi dia boleh gunakan makan bertangan bersama dengan orang-nya itu, asalkan jangan makan babi sudah-lah. Saya fikirkan perpaduan ini hendak-lah di-tunjokkan, Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak di-chakap<sup>2</sup>kan, 20 tahun lagi kalau di-chakapkan tidak ada-lah Menteri Perpaduan saperti yang ada sekarang, maka akan rosak-lah perpaduan kita, tetapi tidak akan berpadu melainkan kita tunjukkan ia-itu betul perpaduan ini di-antara orang Melayu, orang China, orang

India menjadi satu bangsa yang kuat, yang kokoh yang betul ta'at setia kepada negeri ini.

Berkenaan dengan ta'at setia orang<sup>2</sup> kita perpaduan kita orang Malaysia Barat dengan Timor memang kita tunjukkan ia itu askar<sup>2</sup> daripada Malaysia Barat ini pergi menolong di-Sarawak berapa banyak yang telah mati yang terkorban di-Sarawak untuk menolong orang<sup>2</sup> kita kerana chintakan kepada Sarawak, kerana perpaduan negeri di-antara satu dengan yang lain maka dengan sebab itu-lah beribu<sup>2</sup> askar kita daripada sini yang matian<sup>2</sup> di-sana.

Berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ini-lah Kementerian yang penting sa-kali saya fikir, oleh kerana Kementerian itu atau Menteri yang tersebut telah menyatakan 60%, Tuan Yang di-Pertua, belia<sup>2</sup> dan beliawanis belaka, dia muda belaka, Jadi kerana Kementerian ini ada-lah untuk menyokong belia dan beliawanis ini maka hendak-lah di-beri lebeh banyak duit lagi. Kerana hendak buat training centre di-sana, training centre di-situ, pegawai<sup>2</sup>-nya hendak-lah banyak, hendak buat ranchangan untuk belia, untuk buka hutan untuk belia bekerja sebab pekerjaan tidak ada, untuk buat sekolah untuk belia supaya dia boleh mahir dalam pertukangan dan sa-bagai-nya, oleh kerana kalau dia menjadi buroh nanti di-kilang<sup>2</sup> dia dapat gaji lebeh banyak lagi tidak menjadi buroh kasar sahaja, jadi dengan sebab itu maka Kementerian Belia dan Sukan ini mesti-lah di-beri lebeh tambahan pada masa akan datang apabila buat estimates bagini.

Berkenaan dengan Jabatan Orang Asli ini, saya telah menyatakan dahulu kita bukan hendak menunjukkan kepada orang dunia luar supaya orang<sup>2</sup> dunia luar ini datang sa-bagai tourist untuk menengok Orang Asli ini. Kalau hendak tengok di-Sarawak ada rumah panjang maka tourist<sup>2</sup> pergi ka-rumah panjang ini, kerana di-Kuala Lumpur ada Orang<sup>2</sup> Asli, di-Kuala Lumpur apabila datang tourist, kita tunjukkan, biar dia menari dengan lesong itu di-tumbok<sup>2</sup>-nya, habis itu dia pakai terap keliling pinggang-nya, supaya menarek tourist datang dengan banyak-nya, tetapi bagaimana kehidupan dia pada hari yang akan datang, makin lama makin baik. Saya dengar banyak Orang

Asli ini mati—banyak mati lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana entah betul entah tidak.

Tetapi saya fikir oleh kerana layanan, layanan itu mesti-lah di-beri. Banyak tanah<sup>2</sup> reserve Orang<sup>2</sup> Asli ini, beribu<sup>2</sup> ekar ada tanah reserve Orang Asli, hutan biasa sahaja. Saya fikir kerana, bukan saya hendak menghinah, tetapi saya chuma hendak menegorkan, jikalau Orang Asli ini sudah jadi macham orang Melayu biasa, sudah pandai bekerja, ada geran tanah, ada bagitu bagini, maka tidak ada-lah Orang Asli lagi. Jadi pegawai<sup>2</sup> tidak guna lagi-lah, biarkan sahaja-lah bukan selalu. Biarkan-lah ada tanah reserve sahaja, hutan belukar. Beri dia lembu, beri dia kambing, beberapa ekor di-tambat di-bawah rumah. Apabila kambing habis mati, orang asli pergi mencari damar dan rotan lagi dalam hutan. Kalau hendak bagini gaya-nya, saya fikir sampai bila pun Orang Asli ini tidak boleh maju. Dengan sebab itu, saya juga saperti Orang Asli negeri ini minta-lah kepada Kerajaan supaya betul<sup>2</sup> menolong kepada Orang<sup>2</sup> Asli ini.

Berkenaan dengan Jabatan Ukur, Tuan Yang di-Pertua, beribu<sup>2</sup> ekar tanah ada dalam ranchangan luar bandar ini yang sudah dijalankan banyak yang belum berukur. Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, di-Pahang sahaja, di-Pahang Utara-kah, di-Pahang Tengah-kah lebeh kurang 2 juta ekar akan di-buka. Di-Johor Tenggara akan di-buka  $\frac{1}{2}$  juta ekar. Yang dapat AA—approved application, tanah<sup>2</sup> di-Selangor sahaja beribu<sup>2</sup> ekar yang tidak berukur. Sampai 12 tahun pun, Tuan Yang di-Pertua, tanah ini hutan, orang hendak masuk tidak dapat. Sebab apa? Tidak tahu mana sempadan-nya.

Itu semua sudah di-bayar—premium sudah di-bayar. Chukai tanah sudah di-bayar, tiap<sup>2</sup> tahun bayar chukai tanah. Tiap<sup>2</sup> tahun hendak bayar chukai tanah. Tanah itu maseh hutan, hendak masuk tidak dapat, tidak tahu di-mana tanah itu. Jadi dengan sebab itu, bukan saya menyalahkan Jabatan Ukur, sebab Jabatan Ukur tidak bersalah, pegawai-nya tidak bersalah. Tetapi peruntukan tidak chukop untuk mendapatkan wang lebeh supaya banyak lagi pegawai atau pun buroh<sup>2</sup> ukur dapat bekerja.

Dalam Ranchangan Lima tahun Yang Kedua ini, kalau gagal ranchangan ini oleh kerana walau pun tanah di-buka berjuta<sup>2</sup>

ekar, kalau tidak ada juru ukor-nya atau tukang ukor gagal juga rancangan ini. Maka saya harap-lah lebih banyak lagi pegawai<sup>2</sup> ukor dan juga pekerja<sup>2</sup> untuk mengukur tanah ini.

Berkenaan dengan Kementerian Pertanian, dalam rancangan<sup>2</sup>, satu daripada-nya adalah untuk menanam koko di-bawah pokok kelapa oleh kerana kalau orang<sup>2</sup> kampung mempunyai dua ekar pokok kelapa ada pula menanam koko dapat dua pendapatan. Memang bagus di-galakkan. Tetapi saya dengar baharu<sup>2</sup> ini ia-itu benih koko tidak ada. Benih pokok koko pula tidak ada. Jadi bagaimana di-satu pihak di-galakkan untuk menanam koko tetapi tidak ada benih. Bila ra'ayat di-kampung kata, "Tuan Pegawai Pertanian, saya hendak pokok koko." "Tidak ada". "Bila boleh dapat pokok koko ini?" "Entah, tidak tahu". Jadi orang kampung pun kata bagaimana ini, kita hendak menggalakkan tetapi sekarang pokok koko pun tidak ada. Jadi di-harap-lah, kalau hendak buat rancangan ini, kalau hendak galakkan orang kampung, adakan banyak pokok koko, kemudian baharu salahkan ra'ayat tidak hendak maju. Tetapi sa-belum apa<sup>2</sup>, pokok koko sudah tidak ada. Jadi ini jangan salahkan ra'ayat nanti.

Berkenaan dengan pegawai<sup>2</sup> luar negeri. Saya baharu<sup>2</sup> ini pergi ka-Jepun. Pegawai Luar Negeri, terutama sa-kali pegawai<sup>2</sup> penerangan-nya, bukan menerangkan berkenaan dengan Malaysia supaya tourist<sup>2</sup> datang ka-Malaysia, tidak ada apa pun yang di-buat-nya. Jadi saya harap-lah pegawai<sup>2</sup> luar negeri ini terutma sa-kali pegawai<sup>2</sup> penerangan ini, memberi penerangan yang lebih kepada orang<sup>2</sup> luar negeri berkenaan dengan Malaysia supaya orang<sup>2</sup> tourist datang ka-Malaysia ini.

Kalau di-Taiwan, orang<sup>2</sup> Jepun pergi ka-Taiwan dengan chartered plane. Bali—beribu<sup>2</sup> orang Jepun ini pergi ka-Bali. Kerana apa? Kerana propaganda berkenaan dengan Bali. Saya pun ada pergi ka-Bali. Saya ingat Pantai Timor lebih baik daripada Bali. Kota Kinabalu lebih baik daripada Bali. Tetapi apa sebab-nya orang pergi ka-Bali? Sebab-nya, bukan kerana, Tuan Yang di Pertua, chantek<sup>2</sup> orang di-Bali, tidak juga. Tetapi oleh kerana publisiti-nya lebih. Sebab itu-lah orang pergi ka-Bali. Jadi dengan harapan

yang penoh supaya Kerajaan kita memberi amaran yang keras kepada pegawai<sup>2</sup> luar negeri ini bekerja betul<sup>2</sup> untuk negeri-nya

Berkenaan dengan Jabatan<sup>2</sup> yang lain maka saya harap-lah pada masa yang akan datang apabila membentangkan estimate ini minta lebih banyak lagi daripada hari ini oleh kerana pada hari ini berkenaan dengan pejabat welfare, banyak lagi orang yang lebih miskin oleh kerana getah sudah murah maka pejabat kebajikan pada masa akan datang, saya minta-lah lebih banyak lagi wang di-minta kerana banyak betul orang<sup>2</sup> yang susah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I take this opportunity to give a very brief comment on some aspects of the Supplementary Supply (1971 and 1972) Bill. I wish to touch on the allocation of over \$3 million allocated to the new Ministry of National Unity. I am glad that the Alliance Government now realises the great importance of creating this Ministry, even if the creation of the Ministry is a little too late. However, it is better late than never.

I am also glad that the new Ministry is setting up a working section in the State of Sarawak. I feel that this is one of the rare foresights that the Government has made. Sarawak is the trouble spot in the nation now, confronted with the problems of security and the poor population having to face the hardships caused by the low price of rubber and timber and the high costs of commodities.

Had this Ministry been created immediately after Malaysia came into being, we would not have faced May 13th in 1969 and the political crisis in Sarawak in 1966. I am sure that such incidents will not be repeated and the people will be better off in future, in so far as national unity and the nurturing of national consciousness are concerned. We from the Opposition will watch keenly on the performance of this new Ministry and those concerned in its implementation, because we feel and expect that all Malaysians should now make a concerted effort to making this multi-racial, multi-lingual and multi-cultural nation of ours a great success and a model to the world in the concept of unity in diversity.

Therefore, Sir, for the sake of national unity, in the Sarawak context, I strongly urge the Honourable Member for Payang, who is

also the Chief Minister of the Coalition Government in Sarawak and the Honourable Dato' Stephen Kalong Ningkan, who is SNAP's present Chairman and a State Assemblyman for Layan in Sarawak, to bury the hatchet over their personal quarrel. If it was wrong for Dato' Ningkan, as the Chief Minister of Sarawak's State Alliance Government in 1965, to have sacked Orang Kaya Pemancha Dukau, even though he was old and that a great number of the people in his area had complained about him, such wrong should not be copied by the present Chief Minister by sacking:

- (1) the Honourable Pengarah Rahun anak Debak from his post as Pengarah of Upper Sadong;
- (2) Tua Kampong Matassan of Limbang; and
- (3) the two Iban Penghulus in the Second Division, from their respective posts.

Sir, in order to accomplish this and to promote better understanding and co-operation between the State Ministers and Leaders of the Opposition in Sarawak, towards better national unity and for the sake of Sarawak Malaysians, I would suggest therefore that these leaders should have a cup of tea, as prescribed by the Honourable Minister of National Unity. It will help to clear up the atmosphere and assist the new Ministry to carry out its job, without fear of political pollution and friction in Sarawak.

Mr Speaker, Sir, another subject I wish to comment on is Education. I am very surprised that there is no provision in the Supplementary Supply Bill, 1972 to anticipate the increase of salaries of teachers brought about by the impending implementation of the Aziz Report, particularly for Sarawak. I would like an explanation from the Honourable Minister of Education on this.

In as far as Sarawak is concerned, I hope the answer will not be that education is the responsibility of the State Government. I must remind the authority concerned that education is on the Concurrent List. Therefore, I would like to see the Ministry of Education initiate a move to urgently discuss teachers' salaries under the Aziz Report for Sarawak teachers with the Sarawak Coalition Government.

Meanwhile, I would request that State Ministers in Sarawak should not be too stern with teachers in Sarawak and particularly the officials of the Sarawak Native Teachers Union for expressing their views in the Press on the Aziz Report. This only will reflect very badly on the teachers there and will not promote respect for them by their pupils and the pupils' parents. These poor and underpaid teachers in Sarawak will then only be accused by their pupils and the parents of wanting their salary increases only and not looking after the interests of their respective students.

Sir, in order that these teachers in Sarawak should also benefit at the same time as their counterparts in West Malaysia, I again strongly urge the Government to look into the matter most urgently. I am sure this will give added incentives to the dedicated teachers and will assist to remove their pressing financial worries. They can then carry out their responsibilities in a more enlightened atmosphere and contribute towards the betterment of society through the classrooms. Thank you.

**Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh):** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua tiga perkara yang hendak saya sentoh dalam perkara yang ada di-hadapan kita, ia-itu berkenaan dengan peranan bumiputra dalam bahagian Perkhidmatan Awam.

Baharu<sup>2</sup> ini kita telah di-beritahu di-Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kedudukan yang sa-benarnya, peratus<sup>2</sup> bumiputra yang ada berkhidmat dalam berbagai<sup>2</sup> Jabatan. Apa yang saya berkehendakkan ia-lah sebab<sup>2</sup> mengapa terjadi kedudukan sa-macam kenyataan yang telah di-terangkan itu, tidak sa-bagaimana yang telah di-kehendaki atau pun yang kita kehendaki. Sebab-nya yang saya hendak tahu. Mungkin ada satu alasan mengatakan, bahawa bumiputra ini kekurangan dalam segi pelajaran, atau pun kekurangan dari segi pengalaman. Tetapi keterangan<sup>2</sup> ini tidak dapat kita ketahui, melainkan, saya perchaya, kalau dapat diadakan satu badan untuk mengawasi perkara ini. Saya tahu sunggoh pun pada masa ini Kerajaan menumpukan dalam perkhidmatan<sup>2</sup> Kerajaan sahaja, sa-patutnya juga pengawasan ini Kerajaan juga mengambil berat dalam badan<sup>2</sup> swasta dan badan<sup>2</sup> berkanun. Saya katakan tadi mungkin ada satu sebab yang sengaja, boleh

menyebabkan terhindar-nya bumiputra mengambil bahagian, mendapatkan jawatan<sup>2</sup> tinggi ini. Ada satu badan yang ada membuat helah, ia-itu jikalau ada bumiputra itu berkelayakan, helah-nya mengatakan dia tidak cukup pengalaman, maka tidak boleh dia memegang jawatan itu. Kalau ada pula bumiputra cukup pengalaman, di-katakan kelayakan-nya tidak cukup. Ini telah terjadi dalam Badan Penyelidikan Getah (R.R.I.). Ini satu daripada contoh, Tuan Yang di-Pertua. Maka sangat mustahak Kerajaan mengadakan satu badan supaya mengawasi perkara yang sa-macam ini. Kita ta' mahu-lah ada pehak<sup>2</sup> yang chuba hendak menchari satu helah dan menyekat peluang<sup>2</sup> bumiputra mengambil tempat<sup>2</sup> yang sa-patut-nya. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, bumiputra yang hendak mendapatkan pelajaran tinggi juga, ada badan<sup>2</sup> dimana bumiputra dapat peluang melanjutkan masuk belajar mengambil pelajaran tinggi sa-telah tamat pelajaran mulai-nya, tetapi terpaksa di-panggil balek, kerana kata-nya perkhidmatan bumiputra ini sangat mustahak di-negeri ini. Pada hal dia boleh lagi mengambil pelajaran tinggi selanjut-nya satu dua tahun lagi.

Ini satu, dua perkara yang saya pandang mustahak, Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan patut di-adakan satu jabatan khas, untuk menjaga supaya kehendak<sup>2</sup>, tujuan Kerajaan bahawa supaya bumiputra dapat mengambil bahagian chergas dan sa-imbang dalam negara kita ini.

Yang kedua, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kementerian Belia. Dalam tiga empat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menemui lebih kurang dua ribu orang belia<sup>2</sup>, pemuda<sup>2</sup>, pemuda<sup>2</sup> yang ada berpelajaran tinggi ia-itu lulus S.P.M. Grade III, yang meminta jawatan yang saya temuduga. Saya berkehendakkan 10 jawatan. Ada 2,500 permintaan daripada belia<sup>2</sup>, pemuda-pemudi ini. Dalam saya temuduga ini, saya dapati mereka ini tidak dapat bimbangan atau pun tidak dapat satu chara menunjukkan bagaimana mereka ini boleh di-gunakan. Mereka ini tidak ada kerja dan mungkin mereka ini akan di-pengarohi oleh anasir<sup>2</sup> yang tidak di-ingini oleh negara kita. Saya berharap Kementerian ini-lah dapat mengumpulkan, supaya boleh di-gunakan mereka ini, supaya jangan di-pengarohi oleh anasir<sup>2</sup> jahat yang tidak di-ingini di-negeri kita ini. Kita tahu, kedudukan negara

kita sekarang ini ia-lah di-sakeliling negara kita, ia-lah anasir<sup>2</sup> yang tidak di-ingini sedang bermaharajalela bertindak. Saya takut, ini yang saya jumpa dalam tiga empat hari ini 2,000 orang ini, mungkin banyak lagi, yang saya ta' tahu. Ini yang saya nampak. Ini-lah harapan saya kepada Kementerian kebudayaan, Belia dan Sokan sa-lain daripada mengumpulkan belia<sup>2</sup> berkursus seperti 4B dan sa-bagai-nya, tetapi hasil-nya, bila mereka balek ka-kampung, ta' dapat mereka ini menentukan pencharian hidup-nya. Melainkan mundur-mandir ka-sana ka-mari ta' ada bekerja. Kalau hendak bekerja di-kampung pun ta' ada tanah, kalau ada tanah ibu bapa-nya pun hanya sedikit. Jadi ini-lah masaalah<sup>2</sup> yang saya terangkan berkenaan dengan pemudaemudi kita yang ada pelajaran ia-itu yang lulus S.P.M. Grade III dan juga lulus S.T.P. pun ada juga saya jumpa.

Yang kedua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan Kementerian Perhubungan. Di-negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, telah tumbuh banyak ia-itu, sharikat penerbangan—air travel agency. Saya ta' tahu-lah ada-kah satu chara boleh kita menyekat mereka ini atau di-awasi sahaja mereka ini. Sebab kita takut terjadi, jika ta' di-awasi, boleh jadi seperti apa yang telah terjadi dua-tiga tahun dahulu—sharikat<sup>2</sup> berkenaan dengan wang kutu (tontine). Ini juga rasa patut di-awasi.

Yang ketiga, ada bangsa<sup>2</sup> warganegara luar negeri, mengadakan perkhidmatan air travel agency di-negeri kita ini, dan kita tahu pada tahun hadapan banyak pelanchong<sup>2</sup> (tourist) dari luar negeri akan datang ka-negeri ini, terutama sa-kali dari negeri Jepun, yang saya tahu, akan datang beribu<sup>2</sup> pada tahun hadapan, saya dengar. Maka dengan kedatangan mereka ini banyak warganegara lain negeri menubuhkan sharikat air travel agency di-negeri kita ini. Saya ta' tahu-lah ada-kah Kementerian yang bersangkutan patut ini patut bertindak mengambil tahu dalam perkara ini. Ini saya rasa, tidak elok kerana ini akan merugikan, terutama sa-kali pada warganegara di-sini untuk mendapatkan apa<sup>2</sup> pencharian dari segi perniagaan ini.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Kementerian ini juga. Saya pandangan sekarang, dalam badan<sup>2</sup> yang mengatorkan pelanchong pergi ka-tempat<sup>2</sup> pelanchongan yang ada di-negara kita ini, sangat kurang

di-bawa ka-tempat<sup>2</sup> di-mana ada peniaga<sup>2</sup> bumiputra—sangat kurang. Oleh sebab yang menjalankan perusahaan ini, saya perchayalah yang tidak berminat hendak menolong bumiputra. Ini rasa saya sangat<sup>2</sup> dimushkilkan dan patut-lah Kementerian ini mengambil tahu sekarang ia-itu sa-bagaimana yang saya lihat di-luar negeri, sa-sabuaah sharikat itu boleh di-benarkan satu tempat sahaja boleh membawa pelanchong<sup>2</sup>, mesti-lah di-bahagi<sup>2</sup>kan kapada beberapa banyak ajensi<sup>2</sup> yang boleh membawa pelanchong<sup>2</sup> ini ka-tempat<sup>2</sup> yang terutama sa-kali tempat yang orang luar hendak tengok ia-lah berkenaan hal kehidupan bumiputra di-negeri ini, tetapi pada masa ini kurang sangat, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kementerian ini, dapat, chuba melihat dan jikalau dapat di-awasi dan di-perbaiki lagi. Dengan itu maka segala kerja tangan yang di-buat oleh bumiputra itu, dapat diperlarkan kapada pelanchong<sup>2</sup> yang datang ka-kawasan<sup>2</sup> bumiputra ini. Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dato' Yang di-Pertua, dalam saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Perbekalan yang ada dihadapan kita ini, gemar saya menyentoh dalam banyak kepala, Dato' Yang di-Pertua. Di-antara kepala yang saya hendak sentoh ia-lah B. 2—Majlis Raja-Raja dan B. 7—Perdana Menteri. Dato' Yang di-Pertua, saya hendak kaitkan dalam Jabatan Perdana Menteri ada satu jabatan yang nama-nya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Uagama Islam. Perkara ini, Dato' Yang di-Pertua, ada kaitan-nya dengan Majlis Raja<sup>2</sup>.

Baharu<sup>2</sup> ini, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita telah mengadakan satu Kongres Ekonomi Islam. Kongress ini kita telah mengambil satu keputusan yang sangat baik dan kita tahu bahawa Uagama Islam itu ugama ra'ayat Islam dalam negeri ini, hanya pentadbiran itu sahaja yang di-awasi, yang di-jaga oleh Jabatan Uagama Dalam Negeri. Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Uagama ini di-antara tujuan-nya supaya melichinkan pentadbiran dan perjalanan Majlis Uagama tiap<sup>2</sup> negeri. Dalam kongres yang bersidang baharu<sup>2</sup> ini, Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita sedia ma'alom ada juga Majlis<sup>2</sup> Uagama Negeri yang tidak memberi perhatian kapada persidangan yang maha penting itu, walhal Majlis ini tujuan-nya yang sangat baik

hendak mengumpolkan pendapat alim ulama' dalam negeri ini macham mana hendak men'inggikan taraf ekonomi umat<sup>2</sup> Islam sa-lain daripada yang telah di-laksanakan, yang di-lancharkan oleh Kerajaan Perikatan.

Dato' Yang di-Pertua, dalam satu keputusan yang saya pandang sangat penting dan saya pandang bahawa kalau ta' ada dapat kerjasama daripada Majlis Uagama Islam tiap<sup>2</sup> negeri ta' dapat di-laksanakan oleh keputusan ini dan tidak dapat di-amalkan oleh umat<sup>2</sup> Islam dalam negeri, pertama sa-kali dalam keputusan itu bahawa umat<sup>2</sup> Islam ini telah bersetuju dengan keputusan kongres itu supaya menubuhkan satu kompleks Tabong Kewangan Umat<sup>2</sup> Islam. Dalam jangka 10 tahun, tabong ini akan dapat sa-banyak \$1 juta. Keputusan ini, Dato' Yang di-Pertua, sangat baik, tetapi hendak mengisi, hendak melaksanakan, hendak mendapatkan \$100 juta ini menjadi teka-teki kapada umat Islam sama ada dapat di-is' atau tidak dan tidak seluroh-nya umat<sup>2</sup> Islam, terutama bumiputra hendak membaikkkan perusahaan dan perniagaan-nya, hanya mengharapkan kapada MARA, dan kapada badan<sup>2</sup> yang berkanun yang di-dirikan oleh Kerajaan. Kita mahu umat Islam berdiri di-atas kaki-nya sendiri dengan tabong ini di-laksanakan. Dengan ada-nya di-simpan \$100 juta ini akan dapat umat Islam dalam negeri ini berdiri di-atas kaki sendiri atas perusahaan perdagangan dan perusahaan. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak dapat kerjasama daripada Majlis Uagama Raja<sup>2</sup> Tiap<sup>2</sup> Negeri usaha ini ta' dapat di-jalankan. Oleh itu, saya memandang, Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab Islam itu ugama semua ra'ayat diminta-lah kerjasama daripada Majlis Uagama ini memberikan kerjasama dan menguatkuasakan kehendak<sup>2</sup> keputusan kongres di-buat oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah ini, saya nampak menurut hemah saya yang sangat ini bahawa semangat umat Islam dalam negeri ini hendak-lah di-timbulkan dengan semangat dalam perusahaan dan perniagaan. Dengan sebab itu, satu daripada keputusan yang meminta alim ulama' dalam negeri ini pada masa sekarang menitek-beratkan berkenaan dalam bidang amalan kebajikan, amalan akhirat, tetapi hendak-lah dia menitek-beratkan menchongkil dan menchari ayat<sup>2</sup> Al-Qur'an dan Hadith supaya umat Islam ini naik semangat dan mahu

bekerja dalam bidang perniagaan dan perusahaan, khusus-nya pertanian. Dengan kerjasama yang sa-macham ini, Dato' Yang di-Pertua, saya perchaya bukan sahaja rancangan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dapat di-laksanakan, tetapi matlamat Kerajaan menjagakan ekonomi itu akan dapat di-perolehi oleh umat<sup>2</sup> bumiputra dalam masa 20 tahun itu akan dapat di-sempurnakan, kalau tidak 100%, Dato' Yang di-Pertua, 75% dengan berkat kerjasama alim ulama' kita yang ada dalam negeri ini.

Yang ketiga, Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap dalam Kepala 36—Keselamatan Dalam Negeri. Ini satu perkara yang telah di-bangkitkan, yang telah di-beri jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini. Saya memandang, Dato' Yang di-Pertua, oleh sebab kegiatan kominis dalam negeri ini sama ada di-sempadan Sarawak dan juga di-Thailand pada masa sekarang ini bukan usaha kominis ini kurang, tetapi ada-lah bertambah. Komunis militan ini masok dalam negeri ini bukan sahaja mereka ini melawan Pasokan Keselamatan kita, tetapi mereka ini telah membuat kekejaman kepada askar kita termasuk orang ramai luar daripada peri kemanusiaan. Dahulu kita mengatakan bahawa kominis ini ada di-sempadan perbatasan, tetapi sekarang di-negeri Kedah, di-negeri Perak kominis militan ini telah masok dalam negeri kita dan ra'ayat dalam negeri kita ini sa-bilangan kecil-nya bekerjasama dengan mereka. Jadi saya nampak bahawa kominis militan dalam negeri ini hendak menjalankan satu pemberontakan, hendak menggulingkan Kerajaan yang ada ini dengan kerjasama daripada satengah<sup>2</sup> ra'ayat dalam negeri ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh berkenaan dengan negeri Sarawak. Di-Sarawak ada satu tempat yang paling ganas sa-kali dan membunuh ra'ayat bumiputra yang tidak bersalah dengan kejam. Apa langkah yang di-buat sa-benar<sup>2</sup> ini kekejaman kominis, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, mereka ini berleluasan dengan sebab apa? Ada-kah Pasokan Keselamatan kita lemah, ada-kah polis dan askar kita lemah, tetapi tidak dengan sebab kerjasama sa-bilangan daripada ra'ayat tempatan. Kerjasama ini, Dato' Yang di-Pertua, bukan-nya daripada

ra'ayat jelata di-kampong<sup>2</sup> termasuk daripada sa-tengah<sup>2</sup> pegawai Kerajaan yang membochorkan rahsia untok menchegeh pengganas<sup>2</sup> ini. Ini saya harap Kerajaan akan mengawasi-nya. Kerajaan juga akan ber-senang hati dan kita akan beri orang<sup>2</sup> kampong dengan senjata<sup>2</sup>, dan saya memberi ingatan kepada Kerajaan supaya awas memberikan senjata kepada kawasan<sup>2</sup> ini ada-lah membahayakan kepada ra'ayat tempat itu dan Kerajaan-nya.

Dato' Yang di-Pertua, kita menghantar askar kita ka-Malaysia Timor dengan tujuan kerana mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan negeri ini dan bukan-nya kita datang kerana hendak menjajah negeri Sarawak. Tujuan ini hendak-lah di-sampaikan kepada seluruh ra'ayat Sarawak dan perasaan<sup>2</sup> yang membentchikan askar<sup>2</sup> kita, Pasokan Keselamatan kita yang datang ka-Sarawak itu hendak-lah kita awasi. Menteri Perpaduan Negara sekarang hendak-lah bangun dan bekerja bersungguh<sup>2</sup> menyelesaikan masalah ini, sebab ra'ayat di-sana, Dato' Yang di-Pertua, ra'ayat di-luar bandar pelajaran-nya kurang daripada Malaysia. Mereka mudah sahaja di-ancham dengan da'ayah<sup>2</sup> yang di-datangkan oleh pengkhianat<sup>2</sup> negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang Pasokan Keselamatan yang meninggal dunia itu, ada-kah banyak Pasokan Keselamatan yang datang daripada negeri Sarawak? Yang banyak-nya daripada Malaysia Barat. Sebab apa, Tuan Yang di-Pertua, mereka mengkhianat askar<sup>2</sup> yang datang dari Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut hemah saya, dengan keadaan bagini pemberontakan sedang berjalan dalam negeri kita dan keadaan negara di-sekeliling kita telah sampai masa-nya di-mana kawasan undang<sup>2</sup> berkurong sekarang supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengangkatkan kepada Kerajaan supaya di-persembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-ishtiharkan kawasan ini kawasan dharurat dengan undang<sup>2</sup> tentera hendak-lah di-jalankan sementara waktu di-kawasan itu. Dengan ada-nya kuat-kuasa tentera di-serahkan di-tempat ini, saya yakin dan perchaya bahawa pengkhianat<sup>2</sup> negeri ini akan dapat kita hapuskan dengan masa yang lebeh chepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai. Ahli Yang Berhormat boleh menyambungkan ucapan-nya pada hari Isnin.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 hari Isnin, 22hb Mei, 1972.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*